

## TERMA DAN SYARAT OCBC PREMIER BANKING DAN OCBC PREMIER PRIVATE CLIENT

### BAHAGIAN A: TERMA DAN SYARAT AM YANG TERPAKAI UNTUK SEMUA PERKHIDMATAN

### BAHAGIAN B: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA AKAUN DAN PERKHIDMATAN SIMPANAN

### BAHAGIAN C: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PRODUK DAN PERKHIDMATAN PELABURAN

### BAHAGIAN D: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PERKHIDMATAN KUSTODI (PENYIMPANAN)

#### BAHAGIAN A: TERMA DAN SYARAT AM YANG TERPAKAI UNTUK SEMUA PERKHIDMATAN

Terma dan syarat am, berserta sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan dengan akaun, produk, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Bank, membentuk Perjanjian (seperti ditakrifkan di sini) di antara Pelanggan (seperti ditakrifkan di sini) dan Bank (seperti ditakrifkan di sini). Terma-terma yang terdapat dalam Perjanjian akan terpakai kepada dan mengawal selia hubungan di antara Pelanggan dan Bank.

#### 1. Definisi dan Interpretasi

- 1.1 **"Akaun"** merujuk kepada akaun-akaun yang mungkin dimiliki oleh Pelanggan dengan Bank sama ada secara persendirian atau bersama dengan pihak lain dan ia termasuk sebarang jenis akaun yang mungkin ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Untuk penjelasan, sesebuah Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut seperti ditakrifkan dan dinyatakan dalam Bahagian B Perjanjian ini: **"Akaun Perbankan Harian"**, **"Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang"** atau **"MCCA"**, **"Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang"** atau **"MCTD"**;

**"Pemegang Akaun"** bermaksud setiap orang yang membuka Akaun dengan Bank;

**"Pendahuluan"** bermaksud pendahuluan yang dibuat atau akan dibuat oleh Bank kepada anda di bawah Kemudahan atau, yang mana berkenaan, baki amaun prinsipal bagi mana-mana pendahuluan tersebut atau di bawah mana-mana Kemudahan;

**"Makluman"** bermaksud sebarang penyata atau Pengesahan yang berkaitan dengan mana-mana transaksi;

**"Perjanjian"** merujuk kepada terma dan syarat ini dan sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan dengan akaun, kemudahan, produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan, yang akan terpakai kepada dan mengawal selia hubungan Pelanggan dengan Bank;

**"Undang-Undang dan Peraturan Terpakai"** merujuk kepada tanggungjawab Bank atau mana-mana ahli Kumpulan OCBC untuk mematuhi dengan: (i) mana-mana undang-undang tempatan atau asing, ordinan, peraturan, tuntutan, panduan, garis panduan, syarat, kod amalan, sama ada berkaitan atau tidak dengan perjanjian antara kerajaan atau pihak berkuasa di bawah dua atau lebih bidang kuasa; dan (ii) sebarang perjanjian di antara Bank (atau oleh mana-mana ahli Kumpulan OCBC, yang mana berkenaan) dan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa percukaian di bawah mana-mana bidang kuasa;

**"Depositori Dibenarkan"** atau **"ADI"** bermaksud institusi kewangan berlesen yang diberi kelulusan oleh Bank Negara Malaysia untuk menjadi Depositori Sekuriti Dibenarkan;

**"Bank"** merujuk kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan akan termasuk pengganti dan penerima serah hak;

**"Mata Wang Dasar"** bermaksud:

- a) untuk instrumen deposit boleh niaga, mata wang di mana instrumen deposit boleh niaga diletakkan dengan Bank, seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma; dan



- b) untuk Produk Berstruktur, matawang di mana Produk Berstruktur mula-mula dilaburkan atau diurus niagakan dengan Bank, seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk serta Terma dan Syarat;
- c) untuk yang lain-lain, mata wang seperti yang mungkin dinyatakan oleh Bank dan Pelanggan untuk Kontrak atau Surat Kemudahan yang berkenaan;

**"Pembawa"** yang berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga bermaksud pemilik instrumen deposit boleh niaga tersebut;

**"BNM"** bermaksud Bank Negara Malaysia;

**"Bon"** bermaksud sebarang sekuriti hutang, nota, bon, bon/sukuk Islam, debentur yang diedarkan atau ditawarkan oleh Bank di bawah sesuatu Program, yang mana anda bersetuju untuk melanggan atau membeli daripada Bank dan yang mana ditetapkan oleh Bank sebagai dikawal selia oleh Terma dan Syarat yang Mengawal Selia Bon dari semasa ke semasa;

**"Hari Perniagaan"** bermaksud:

- a) hari di mana bank-bank di Malaysia dan (jika berkenaan) negara mata wang simpanan berkaitan, dibuka untuk perniagaan selain hari Sabtu, Ahad dan cuti umum yang diwartakan;
- b) untuk Pelaburan Berstruktur, instrumen deposit boleh niaga dan Bon, hari selain daripada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum yang diwartakan, di mana bank-bank di Malaysia dibuka untuk perniagaan dan sebarang tempat lain (jika berkenaan) seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Memorandum Maklumat atau Surat Pekeliling Tawaran atau Prospektus Dasar (sebagaimana berkenaan);

**"Agen Pengiraan"** bermaksud, apabila konteks memerlukan, adalah pihak yang dinamakan sebagai agen pengiraan yang berkaitan dengan Kontrak;

**"Bulan kalendar"** bermaksud tempoh daripada "n-hb" hari bulan tertentu hingga "n-hb" hari bulan berikutnya, kecuali bahawa:

- a) "bulan kalendar" yang bermula dari hari Terakhir bulan akan sentiasa berakhir pada hari terakhir bulan seterusnya;
- b) untuk bukan tahun lompat, "bulan kalendar" yang bermula dari 28, 29, 30 dan 31 Januari akan sentiasa berakhir pada 28 Februari; dan
- c) untuk tahun lompat "bulan kalendar" yang bermula dari 29, 30 dan 31 Januari akan sentiasa berakhir pada 29 Februari;

**"Sijil"** bermaksud kertas sekuriti yang telah dilengkapkan dan diterbitkan oleh Bank untuk mengesahkan penerimaan Simpanan yang termasuk dalam takrifan instrumen deposit boleh niaga;

**"Rumah Penjelasan"** merujuk kepada mana-mana organisasi, forum atau sistem sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang berfungsi sebagai rumah atau sistem penjelasan atau penyelesaian untuk menjelaskan atau menyelesaikan pembayaran cek, bayaran lain atau sebarang transaksi sekuriti atau transaksi lain (sama ada melalui Bursa atau tidak);

**"Sistem Penjelasan"** bermaksud Clearstream Banking Luxembourg, Euroclear, First Chicago Clearing Centre, Malaysian Central Depository Sdn Bhd, Depository Trust Company, Central Depository (Pte) Limited dan lain-lain



penjelasan atau sistem depository yang mungkin dari semasa ke semasa digunakan untuk transaksi yang berkaitan dengan Sekuriti, dan sebarang depository atau penama bagi mana-mana perkara di atas;

"**COF**" bermaksud kos dana semasa Bank;

"**Kolateral**" bermaksud sebarang aset yang boleh diterima oleh Bank termasuk tunai dan baki kredit dalam MCCA dan MCTD, Sekuriti dan lain-lain aset atau barangan atau dokumen hak milik yang dari semasa ke semasa disimpan atau akan disimpan dengan Bank atau mana-mana pihak ketiga yang diterima oleh Bank dan dicaj, digadai janji, disandar atau diserahkan kepada Bank sebagai jaminan untuk keberhutangan, liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan kepada Bank;

"**Pengesahan**" bermaksud:

- a) (selain daripada yang berkaitan dengan Pelaburan Berstruktur) notis bertulis (termasuk teleks, faksimili dan lain-lain kaedah elektronik yang mana daripadanya boleh menghasilkan salinan bercetak) yang mengandungi terma-terma spesifik Kontrak yang dimeterai di antara pihak-pihak berkenaan dan ia termasuk nota kontrak;
- b) berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga dan pelaburan berstruktur notis bertulis (termasuk teleks, faksimili dan lain-lain kaedah elektronik yang mana daripadanya boleh menghasilkan salinan bercetak) diberikan kepada anda oleh Bank yang membuktikan terma-terma spesifik Instrumen Deposit Boleh Niaga atau Pelaburan Berstruktur; atau
- c) berkaitan dengan Bon, bermaksud penyata yang berkaitan dengan langganan Bon oleh anda dan dihantar oleh Bank kepada anda;

"**Kontrak**" termasuk sebarang transaksi untuk jualan atau pembelian atau sebarang urusan niaga dalam Sekuriti, transaksi instrumen deposit boleh niaga, transaksi pelaburan berstruktur, transaksi unit amanah, transaksi Bon dan atau sebarang jenis kontrak, produk kewangan atau instrumen lain, atau sebarang transaksi lain yang mungkin dibenarkan oleh Bank untuk dilaksanakan dengan anda;

"**Surat-menyurat**" akan membawa maksud yang dinyatakan dalam Klausa 9.2 Bahagian A Perjanjian ini;

"**Pasangan Mata Wang**" bermaksud dua Mata Wang Dibenarkan yang boleh didagangkan berkaitan dengan Transaksi FX;

"**Kustodian**" bermaksud Bank atau Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (6193-K) dan/atau mana-mana kustodian lain yang dilantik oleh Bank dari semasa ke semasa dan pengganti hak milik;

"**Akaun Kustodi**" merujuk kepada akaun kustodi atau akaun yang mana anda memberi kebenaran kepada Bank untuk dibuka atas nama anda berdasarkan terma-terma Bahagian D Perjanjian ini;

"**Waktu dan Tarikh Akhir**" bermaksud waktu tertentu yang ditetapkan oleh Bank dan akan dimaklumkan kepada Pelanggan sebagai tarikh dan waktu terakhir yang mana Bank perlu menerima dana untuk atau langganan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan);

"**Hari Dagangan**" berkaitan dengan Dana berkenaan, hari di mana dagangan Unit-unit dalam Dana dijalankan;

"**Arahan Elektronik**" bermaksud sebarang arahan atau permintaan yang dihantar melalui mel elektronik dan/atau sebarang bentuk komunikasi elektronik dan sentiasa menggunakan kaedah yang diterima oleh Bank;

"**Perkhidmatan Elektronik**" termasuk arahan telefon dan perkhidmatan e-mel, perkhidmatan perbankan Online dan sebarang perkhidmatan lain yang ditawarkan melalui kaedah elektronik atau Internet;



"**Peristiwa Keingkaran**" akan membawa maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 25 Bahagian A Perjanjian ini;

"**Bursa**" merujuk kepada mana-mana bursa atau pasaran sama ada di Malaysia atau di tempat lain di mana Sekuriti didagangkan;

"**Hari Perniagaan Bursa**" bermaksud mana-mana hari dagangan Bursa berkenaan;

"**Kemudahan**" bermaksud sebarang pinjaman kredit atau kemudahan lain atau kelonggaran kewangan yang mungkin diberikan oleh Bank kepada Pelanggan tertakluk kepada terma dan syarat dalam Surat Kemudahan;

"**Surat Kemudahan**" bermaksud sebarang bentuk notifikasi atau surat yang dikeluarkan oleh Bank yang mengandungi terma dan syarat terpakai untuk mana-mana Kemudahan dan termasuk sebarang penerimaan dan pengesahan seterusnya;

"**Dokumen Kewangan**" bermaksud, secara kolektif, Perjanjian ini, Surat Kemudahan, Dokumen Jaminan dan lain-lain dokumen yang ditetapkan sebagainya oleh Bank;

"**Mata Wang Asing**" merujuk kepada mana-mana mata wang lain selain Ringgit Malaysias;

"**Notis Tukaran Asing**" bermaksud Notis Tukaran Asing Malaysia yang diterbitkan selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan lain-lain peraturan yang dibuat selaras dengannya, dari masa ke semasa dipinda, diperluaskan digubal semula atau digabungkan;

"**Dana**" bermaksud sebarang unit amanah, dana pelaburan, dana bersama atau lain-lain skim pelaburan kolektif dibenarkan oleh Pendaftar Syarikat dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan diedarkan oleh atau disediakan melalui melalui Bank di bawah terma dan syarat ini;

"**Keberhutangan**" bermaksud semua wang dan liabiliti sama ada tertentu atau luar jangka yang pada masa ini atau akan dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa selepasnya menjadi terhutang atau kekal tidak dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank selaras dengan terma dan syarat dalam Perjanjian ini dan sebarang Dokumen Kewangan berserta semua faedah, kos, komisen, yuran, caj dan perbelanjaan termasuk semua perbelanjaan dan yuran guaman yang mungkin ditanggung oleh Bank untuk menyempurnakan atau mendaftar atau menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan sebarang Kolateral;

"**Arahan**" bermaksud arahan (termasuk Arahan Elektronik) yang dikeluarkan atau akan dikeluarkan oleh Pelanggan kepada Bank atau pihak lain yang dinyatakan dalam perjanjian ini kepada Bank sebagai lanjutan kepada transaksi yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan "untuk mengarahkan" akan dianggap sewajarnya dan sentiasa dalam cara yang diterima oleh Bank;

"**Tarikh Bayaran Faedah**" bermaksud tarikh di mana faedah perlu dibayar untuk instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan) seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);

"**Tempoh Faedah**" bermaksud yang berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan) setiap tempoh bermula pada Tarikh Mula atau Tarikh Bayaran Faedah dan berakhir pada (tetapi tidak termasuk) tarikh bayaran faedah yang seterusnya atau jika instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan) yang berkaitan telah matang, Tarikh Matang atau jika ditamatkan sebelum Tarikh Bayaran Faedah tersebut, Tarikh Penamatan Awal;

"**Kadar Faedah**" bermaksud kadar faedah atau pulangan yang dikenakan untuk instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan) dari semasa ke semasa seperti dinyatakan, atau ditentukan selaras dengan formula yang dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);



"**Internet**" bermaksud rangkaian global komputer, telekomunikasi dan perisian di mana-mana yang memudahkan komunikasi, elektronik atau sebaliknya, di antara orang ramai dan mesin;

"**Akaun Kekayaan Bersama**" merujuk kepada Akaun Kekayaan yang dibuka atas nama dua atau lebih orang, apabila konteks membenarkan, rujukan kepada Akaun Kekayaan hendaklah dianggap merangkumi Akaun Kekayaan Bersama;

"**Cuti Umum Yang Diketahui**" bermaksud sebarang cuti yang diwartakan (sebagai contoh 1 Jan, 1 Mei, 31 Ogos dan 25 Disember). Jika hari berkenaan jatuh pada hari Ahad, hari perniagaan seterusnya akan dianggap sebagai "cuti umum yang diketahui";

"**Liabiliti**" bermaksud semua tanggungjawab liabiliti atau wang apa sahaja pada bila-bila masa sekarang atau selepas ini dihutang, perlu dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank yang timbul akibat apa jua cara, di mana sahaja atas mana-mana akaun atau berkaitan dengan Perkhidmatan atau berkaitan dengan sebarang Arahan atau sebaliknya, atau timbul di bawah mana-mana Kemudahan sama ada semasa atau akan datang, sebenar atau luar jangka, utama atau sandaran, bersendirian atau bersama, dan sama ada sebagai prinsipal atau penjamin, termasuk semua wang prinsipal, faedah, faedah kompaun, caj, perbelanjaan, kos, yuran atau Cukai yang dari semasa ke semasa perlu dibayar oleh Pelanggan berkaitan dengan perkara di atas, dan untuk mengelakkan keraguan. semua liabiliti atau wang yang mana Pelanggan mungkin bertanggungjawab kepada Bank dalam apa jua cara, di mana sahaja atas akaun semasa, pinjaman, atau lain-lain milik Pelanggan atau daripada rundingan, diskaun, penerimaan, endorsmen, atau kutipan bil tukaran oleh Bank atau oleh penerbitan atau penetapan Bon oleh Bank, jaminan penyediaan surat kredit dan dokumen kredit, termasuk amaun nota, atau bil yang didiskaun atau dibayar atau pinjaman, kredit pendahuluan dan liabiliti lain yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada kemudahan tukaran asing yang ditawarkan oleh Bank atau daripada transaksi tukaran asing atau perbankan yang dijalankan oleh Bank atau agennya;

"**Pengurus**" bermaksud dan termasuk pengurus, penerbit, wakil atau agen atau pengurus pelaburan mana-mana Dana;

"**Margin**" bermaksud nisbah (dinyatakan sebagai peratusan) nilai Kolateral seperti ditentukan oleh Bank atau Kolateral tunai yang disediakan kepada Bank berbanding agregat pendedahan Bank sebagaimana ditentukan oleh Bank;

"**Kejadian Gangguan Pasaran**" bermaksud sebarang penggantungan atau had telah dikenakan ke atas dagangan yang berlaku atau wujud pada Hari Perniagaan Bursa yang berkaitan dengan Instrumen Kewangan Rujukan bagi instrumen deposit boleh niaga atau Instrumen Kewangan Dasar Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan) semasa tempoh satu setengah jam yang berakhir pada Waktu Penilaian semasa Tarikh Penilaian atau Waktu Tamat semasa Tarikh Tamat;

"**Tarikh Matang**" bermaksud tarikh kematangan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan) dengan rujukan hendaklah merangkumi sebarang perubahan, semakan atau lanjutan kepada tarikh asal kematangan, seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);

"**Nilai Nominal**" bermaksud nilai nominal Produk Berstruktur sebagaimana dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini;

"**Kumpulan OCBC**" bermaksud Bank dan mana-mana "subsidiari" dan/atau "syarikat berkait" Bank seperti ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016;

"**Opsyen**" bermaksud berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga dan Produk Berstruktur, sebarang bentuk opsyen atau hak lain yang berpihak kepada Bank berhubung dengan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan), seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);



"**Pihak-pihak**" bermaksud Bank dan Pelanggan dan "Pihak" bermaksud salah satu daripada mereka;

"**Mata Wang Dibenarkan**" bermaksud mata wang tertentu yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk sebarang transaksi atau Kontrak;

"**Tujuan Dibenarkan**" hendaklah membawa maksud seperti dinyatakan dalam Klausula 4.11 Bahagian A Perjanjian ini;

"**Orang**" merujuk kepada mana-mana individu, syarikat, perkongsian, badan korporat atau tidak diperbadankan, atau entiti lain;

"**Data Peribadi**" merujuk kepada mana-mana data, sama ada benar atau tidak, mengenai individu yang boleh dikenal pasti:

- a) melalui data tersebut, atau
- b) daripada data tersebut dan maklumat lain yang dimiliki atau boleh diakses oleh Bank termasuk data dalam rekod Bank sebagaimana dikemaskini dari semasa ke semasa;

"**Amaun Prinsipal**" bermaksud:

- a) Berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga, amaun dalam Mata Wang Dasar seperti dinyatakan dalam atau dikira selaras dengan Pengesahan dan/atau Lembaran Terma yang akan atau telah diletakkan oleh Pelanggan dan diterima oleh Bank untuk instrumen deposit boleh niaga selaras dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Selia Instrumen Deposit Boleh Niaga; dan
- b) berkaitan dengan Produk Berstruktur, amaun dalam Mata Wang Dasar seperti dinyatakan dalam atau dikira selaras dengan Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan produk dan Perjanjian ini yang akan atau telah dibayar atau dilaburkan oleh Pelanggan, dan diterima oleh Bank untuk Produk Berstruktur selaras dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Selia Produk Berstruktur;

"**Produk**" merujuk kepada produk perbankan yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa kepada Pelanggan dengan terma dan syarat yang mungkin akan ditentukan sepenuhnya oleh Bank;

"**Ringkasan Produk**" bermaksud ringkasan produk yang diterbitkan oleh Bank kepada Pelanggan berkaitan dengan Produk Berstruktur;

"**Program**" bermaksud sebarang program terbitan sebagaimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan seperti dinyatakan dalam Prospektus Dasar yang berkenaan;

"**Prospektus**" berkaitan dengan mana-mana Dana bermaksud versi terbitan terkini prospektus tersebut dari semasa ke semasa sebagaimana diperlukan oleh undang-undang.

"**Instrumen Kewangan Rujukan**" termasuk mana-mana satu atau lebih mata wang, tukaran hadapan asing, ekuiti, Bon, kadar faedah hadapan, indeks hadapan, komoditi dan sebarang instrumen pasaran wang lain atau instrumen kewangan, dasar atau membentuk sebahagian daripada instrumen deposit boleh niaga, seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma;

"**RENTAS**" bermaksud "Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities" (*Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata*) iaitu sistem pemindahan dana dan sekuriti secara elektronik masa nyata yang dikendalikan oleh BNM;

"**Ringgit Malaysia**" dan "**RM**" bermaksud mata wang sah Malaysia;

"**Dokumen Pendedahan Risiko**" bermaksud penyata pendedahan risiko yang menjelaskan risiko-risiko yang dikaitkan dengan Produk;

"**Sekuriti**" merujuk kepada:



- a) stok, saham, waran dan lain-lain sekuriti ekuiti termasuk tetapi tidak terhad kepada sekuriti boleh tebus atau boleh ubah berserta semua faedah, dividen, bonus dan lain-lain hak dan manfaat dari semasa ke semasa melampirkan atau mengakru kepada yang sama;
- b) bon, nota, debentur, stok pinjaman dan lain-lain instrumen hutang termasuk tetapi tidak terhad kepada boleh ubah;
- c) instrumen hutang;
- d) unit-unit dalam unit amanah dan faedah dalam dana-dana dan skim pelaburan kolektif lain;
- e) Instrumen boleh niaga, sijil deposit dan kertas komersial;
- f) mata wang dan tukaran asing dan kontrak semerta yang berkaitan dengannya; dan
- g) semua bentuk transaksi, kontrak, produk pelaburan dan instrumen lain (termasuk derivatif) yang mungkin diurus niagakan selaras dengan Perjanjian ini;

**"Dokumen Jaminan"** bermaksud sebarang dokumen (termasuk sebarang gadaijanji, debentur, caj, sandaran, lien, serah hak, jaminan, Surat Kemudahan, dokumen borang standard Bank) dari semasa ke semasa dilaksanakan untuk menjamin sebarang keberhutangan, liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan atau mana-mana Penyedia Jaminan kepada Bank (termasuk Keberhutangan);

**"Kepentingan Jaminan"** bermaksud gadai janji, caj, serah hak, lien atau sebarang kepentingan jaminan atau bebanan lain yang menjamin sebarang tanggungjawab atas mana-mana orang atau sebarang perjanjian atau pengaturan lain yang mempunyai kesan serupa;

**"Penyedia Jaminan"** merujuk kepada mana-mana orang termasuk penjamin yang dari semasa ke semasa mungkin menyediakan sebarang jaminan, cagaran atau sebaliknya mengambil alih tanggungjawab sebagai penjamin atau pemberi indemniti (atau kedua-duanya) untuk sebarang keberhutangan, liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan kepada Bank (termasuk Keberhutangan);

**"Perkhidmatan"** bermaksud mana-mana dan semua produk dan perkhidmatan dari semasa ke semasa ditawarkan oleh Bank kepada Pelanggan dan sebarang produk dan perkhidmatan lain yang dipersetujui di antara Pelanggan dan Bank dari semasa ke semasa (dengan syarat Bank memiliki lesen dan kebenaran yang diperlukan di bawah undang-undang berkenaan untuk menyediakan produk tersebut atau menjalankan perkhidmatan tersebut, jika ada) dengan terma dan syarat yang mungkin ditentukan sepenuhnya oleh Bank;

**"Penyata Pendedahan Risiko Spesifik"** bermaksud penyata pendedahan risiko dari semasa ke semasa yang menjelaskan risiko yang dikaitkan dengan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur tertentu (sebagaimana berkenaan);

**"Tarikh Semerta"** bermaksud tarikh penghantaran semerta untuk Pasangan Mata Wang berkenaan sebagaimana ditentukan oleh Bank;

**"Harga Semerta"** bermaksud kadar tukaran pada masa harga tersebut akan ditentukan untuk transaksi tukaran asing bagi Pasangan Mata Wang dengan nilai pada Tarikh Semerta, sebagaimana ditentukan penuh percaya oleh Bank;

**"Tarikh Mula"** bermaksud tarikh yang dipersetujui di antara Pelanggan dan Bank sebagai Hari Perniagaan pertama yang mana Produk Berstruktur akan bermula, seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);



"**Harga Laksana**" bermaksud harga laksana instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan), seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan); dan

"**Produk Berstruktur**" bermaksud sebarang produk pelaburan, termasuk tanpa had instrumen kewangan berstruktur sama ada produk pelaburan tersebut dirujuk atau tidak kepada harga atau nilai mana-mana satu atau lebih sekuriti, komoditi, mata wang atau instrumen kewangan atau sebarang produk lain yang diterbitkan oleh Bank yang mana Pelanggan bersetuju untuk mengurus niaga atau melabur dengannya;

"**Cukai**" bermaksud sebarang cukai semasa atau akan datang (termasuk tanpa had, sebarang cukai tambah nilai, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan) levi, impos, duti, yuran, sebarang bentuk pemotongan atau pemegangan dan atas sebarang nama diberikan, oleh dan atas sesiapa sahaja dan di mana sahaja ia dikenakan, dilevi, dikutip, dinilai atau dipegang;

"**Tempoh**" bermaksud, berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan), tempoh ia bermula pada dan termasuk Tarikh Mula dan berakhir pada, tetapi tidak termasuk, Tarikh Matang, seperti dinyatakan atau ditentukan selaras dengan peruntukan Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);

"**Lembaran Terma**" bermaksud lembaran terma yang diterbitkan oleh Bank kepada Pelanggan berkaitan dengan instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan);

"**Tarikh Transaksi**" merujuk kepada tarikh transaksi;

"**Instrumen Kewangan Dasar**" termasuk mana-mana satu atau lebih mata wang, tukaran hadapan asing, ekuiti, bon, kadar faedah hadapan, indeks hadapan, komoditi, dan sebarang pasaran mata wang atau instrumen kewangan lain, yang membentuk dasar atau sebahagian daripada Produk Berstruktur seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini;

"**Unit**" bermaksud saham atau unit dalam sesuatu Dana.

"**Cuti Tidak Dijangka**" bermaksud cuti umum, yang bukan "cuti umum yang diketahui".

"**Tarikh Penilaian**" Bermaksud tarikh penilaian instrumen deposit boleh niaga atau Produk Berstruktur (sebagaimana berkenaan), seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma dan/atau Ringkasan Produk dan Perjanjian ini (sebagaimana berkenaan);

"**Tarikh Nilai**" merujuk kepada:

- a) untuk simpanan, tarikh transaksi berjaya dilengkapkan oleh Bank, dan
- b) untuk transaksi tukaran asing, tarikh yang dinyatakan oleh Bank apabila bayaran perlu dijelaskan dari Pelanggan kepada Bank dan sebaliknya berhubung transaksi tukaran asing tersebut;

"**Waktu Penilaian**" bermaksud waktu penilaian instrumen deposit boleh niaga seperti dinyatakan dalam Pengesahan dan/atau Lembaran Terma; dan

"**Akaun Kekayaan**" bermaksud akaun yang diluluskan oleh Bank atas permintaan Pelanggan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa, Akaun Kekayaan boleh dikekalkan dan dikendalikan sama ada atas nama tunggal (satu orang) atau nama bersama (dua atau lebih orang, lihat takrifan untuk "Akaun Kekayaan Bersama" di atas). Di mana konteks membenarkan, rujukan kepada Akaun Kekayaan akan dianggap merangkumi Akaun Kekayaan Bersama. Setiap Akaun Kekayaan boleh mengandungi satu atau lebih Portfolio Kekayaan.





**“Pemegang Akaun Kekayaan”** bermaksud Pelanggan yang membuka akaun kekayaan dengan Bank atau **“Pemegang Akaun Kekayaan Bersama”** berhubung dengan dua atau lebih Pelanggan yang membuka Akaun Kekayaan Bersama dengan Bank.

**“Portfolio Kekayaan”** bermaksud portfolio kekayaan yang dikekalkan dalam Akaun Kekayaan Pelanggan. Setiap Portfolio Kekayaan merangkumi satu MCCA, satu MCTD, produk pelaburan dan di mana berkenaan, Kemudahan berkaitan yang diberikan oleh Bank.

**"Anda"** dan **"Pelanggan"** merujuk kepada orang yang mana untuknya satu Akaun Kekayaan telah dibuka dengan Bank dan kepadanya Perjanjian ini akan terpakai, dan "anda" dan "milik anda" hendaklah ditafsirkan sewajarnya. Bagi Akaun Kekayaan atas nama bersama, rujukan kepada "anda" dan "Pelanggan" akan ditafsirkan sebagai rujukan kepada setiap Pemegang Akaun Kekayaan Bersama.

- 1.2 Di mana **"Pelanggan"** merangkumi dua atau lebih orang atau jika Pelanggan merupakan perkongsian atau lain-lain entiti tidak diperbadankan merangkumi dua atau lebih orang, Perjanjian ini akan mengikat ke atas pengganti hak milik, wasi dan wakil peribadi masing-masing, sebagaimana berkenaan, dan liabiliti Pelanggan di bawah Perjanjian ini adalah tanggungjawab secara bersama dan berasingan.
- 1.3 Terma dan syarat yang terkandung di sini akan mengikat ke atas Pelanggan dan estet Pelanggan, wakil peribadi, pemegang amanah dalam kebangkrapan, penerima, pembubar dan lain-lain pengganti.
- 1.4 Kecuali konteks memerlukan sebaliknya atau terdapat tujuan pertentangan, sebarang rujukan di dalam Perjanjian ini kepada:
- a) **"perjanjian"** termasuk sebarang dokumen atau surat ikatan atau pengaturan dan sebarang bentuk komitmen lain;
  - b) perkataan "lain" dan "termasuk" tidak terhad kepada perkataan-perkataan terdahulu secara umum dan tidak boleh ditakrifkan sebagai terhad kepada kelas yang sama seperti perkataan terdahulu di mana maksud yang lebih meluas boleh ditakrifkan;
  - c) **"hak"** termasuk kuasa, remedi, kelebihan, dan budi bicara;
  - d) peruntukan undang-undang adalah rujukan kepada peruntukan tersebut seperti dipinda atau digubal semula; dan
  - e) perkataan majmuk merangkumi perkataan tunggal dan sebaliknya, dan perkataan yang menyatakan jantina merangkumi semua jantina.
- 1.5 Tajuk di dalam Perjanjian ini dimasukkan untuk memudahkan sahaja dan tidak akan memberi kesan ke atas pembentukan Perjanjian ini.

## 2. Kesediaan Perkhidmatan, Perhubungan dan Bentuk Akaun

- 2.1 Perkhidmatan yang diminta oleh Pelanggan mungkin boleh disediakan kepada Pelanggan selepas melengkapkan borang dan dokumen yang mungkin diperlukan oleh Bank, tertakluk kepada kelulusan Bank. Kesediaan atau kesediaan berterusan mana-mana Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kebenaran Bank, atas budi bicara mutlak, dan apabila Pelanggan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank. Bank berhak untuk, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, membatalkan, menarik balik, menggantung, mengubah, menukar, menambah atau penambahan kepada mana-mana satu atau lebih Perkhidmatan.
- 2.2 Tertakluk kepada perenggan serta-merta di bawah, Pelanggan bersetuju bahawa semasa menyediakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini, Bank sedang menjalankan fungsi pentadbiran untuk Pelanggan dan bertindak semata-mata



sebagai penyedia perkhidmatan bagi Perkhidmatan berkenaan di bawah Perjanjian ini dan bukan dalam apa juga cara sebagai pemegang amanah atau fidusiari atau penasihat untuk atau kepada Pelanggan berhubung dengan Perkhidmatan di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini walaupun jika Bank atau syarikat sekutunya bertindak secara berasingan dalam kemampuan fidusiari. Untuk mengelakkan keraguan dan sebagai syarat bebas, Pelanggan dan Bank bersetuju bahawa tiada perkara yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini atau prestasi seterusnya akan mengenakan atau menimbulkan sebarang kewajipan amanah atau fidusiari atau seumpamanya ke atas Bank dalam melaksanakan Perkhidmatan di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini.

2.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan menjadi pemegang amanah berkaitan dengan mana-mana Perkhidmatan kecuali Bank bersetuju secara bertulis untuk menjadi pemegang amanah atau diperlukan oleh undang-undang untuk menjadi pemegang amanah. Jika dan setakat di mana Bank bersetuju untuk bertindak sebagai atau dikehendaki menjadi pemegang amanah berkaitan dengan mana-mana hartanah, aset, hak atau sebarang perkara lain di bawah dan berkaitan dengan Perjanjian ini, bahawa (a) Bank hanya akan menjadi pemegang amanah asas sahaja; (b) Bank hanya mempunyai kewajipan dan tanggungjawab sebagai pemegang amanah asas sahaja; dan (c) sebarang kewajipan dan tanggungjawab sebagai pemegang amanah asas akan sentiasa tertakluk kepada had dan sebarang peruntukan atau hak perlindungan Bank di bawah dan berkaitan dengan Perjanjian ini.

2.4 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa tertakluk kepada sebarang kewajipan atau tanggungjawab yang dikenakan oleh undang-undang mandatori berkenaan di mana Bank tidak boleh mengelak daripadanya, Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan atau tanggungjawab lain kepada Pelanggan kecuali seperti dinyatakan di sini dan tidak ada kewajipan atau tanggungjawab tersirat yang akan dikenakan ke atas Bank di bawah atau disebabkan oleh Perjanjian ini.

## 2.5 **Kematian dan Ketidakupayaan Mental.**

Hanya wasi atau pentadbir atau wakil sah anda yang dilantik akan menjadi orang yang diiktiraf oleh Bank sebagai pengganti anda sekiranya berlaku kematian atau ketidakupayaan mental ke atas anda (sebagaimana berkenaan). Selepas dimaklumkan mengenai kematian atau ketidakupayaan mental anda, Bank berhak untuk membekukan Akaun Kekayaan dan semua Portfolio Kekayaan di bawah Akaun Kekayaan (termasuk semua MCCA, MCTD dan produk pelaburan) sehingga wasi atau pentadbir atau wakil sah yang dilantik memberikan geran probet atau surat pentadbiran atau arahan mahkamah (sebagaimana berkenaan) yang memuaskan kepada Bank.

## 2.6 **Akaun Kekayaan Bersama.**

- a) Pemegang Akaun Bersama dan kuasa menandatangani akan ditentukan di peringkat Akaun Kekayaan. Apabila Akaun Kekayaan Bersama dibuka atas 2 atau lebih nama Pemegang Akaun Kekayaan Bersama, semua Portfolio Kekayaan di bawah Akaun Kekayaan Bersama akan dikekalkan dan dikendalikan oleh Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang sama dengan kuasa menandatangani yang sama termasuk untuk semua Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang (MCCA), Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang (MCTD) dan produk pelaburan di bawah atau di dalam Portfolio Kekayaan. Untuk Kemudahan yang diberikan di bawah Portfolio Kekayaan, ia dikawal selia di bawah sub-klausula 2.6(e) berikut.
- b) Di mana Akaun Kekayaan Bersama dikendalikan dengan kuasa menandatangani tunggal, Arahan daripada mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama akan diterima oleh Bank dan Arahan tersebut akan mengikat ke atas Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang lain.
- c) Jika, sebelum bertindak ke atas Arahan yang diterima daripada satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama, Bank menerima arahan bercanggah daripada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang lain, Bank boleh memilih untuk bertindak selepas itu hanya atas mandat daripada semua Pemegang Akaun Kekayaan Bersama bagi Akaun Kekayaan Bersama tersebut tanpa mengambil kira sama ada Akaun Kekayaan Bersama tersebut memerlukan kuasa menandatangani tunggal.



- d) Di mana Akaun Kekayaan Bersama dikendalikan dengan kuasa menandatangani bersama, Bank hanya akan menerima arahan lisan sama ada:
- (i) apabila semua pihak dengan kuasa menandatangani menyediakan arahan lisan tersebut secara bersama; atau
  - (ii) apabila, selaras dengan panggilan telefon secara berasingan di antara Bank dan setiap pihak dengan kuasa menandatangani, setiap pihak dengan kuasa menandatangani tersebut menyediakan arahan lisan yang konsisten dengan arahan lisan yang disediakan oleh semua pihak dengan kuasa menandatangani.

Sebarang arahan bertulis boleh diberikan oleh Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dalam satu atau lebih rakan sejawat, yang mana apabila diambil bersama akan membentuk satu dokumen yang sama.

- e) Jika Pemegang Akaun Kekayaan bersama memohon untuk mana-mana Kemudahan daripada Bank dan jika Bank meluluskan dan memberi Kemudahan kepada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama:
- (i) borang permohonan untuk Kemudahan, Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan, dan Dokumen Jaminan hendaklah ditandatangani oleh semua Pemegang Akaun Bersama tanpa mengambil kira kuasa menandatangani bagi Akaun Kekayaan Bersama tersebut; dan
  - (ii) Tanpa prejudis kepada klausa terdahulu, untuk tujuan pengendalian Kemudahan yang diberikan oleh Bank, Bank akan berhak untuk bertindak ke atas kuasa menandatangani bagi Akaun Kekayaan Bersama dan sub-klausa 2.6 (b), (c) dan (d) terdahulu akan terpakai. Semua Pemegang Akaun Kekayaan Bersama bersetuju untuk mematuhi amalan dan keperluan standard Bank yang berkaitan dengan pengendalian Kemudahan.
- (f) Tertakluk sentiasa kepada sub-klausa 2.6(h) di bawah, apabila dimaklumkan mengenai kematian mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama:
- (i) Bank akan berhak untuk membayar:
    - (i)(a) Baki kredit dalam Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang atau MCCA;
    - (i)(b) Simpanan dalam Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang atau MCTD; dan
    - (i)(c) hasil daripada produk pelaburan,

Di dalam semua Portfolio Kekayaan dalam Akaun Kekayaan Bersama kepada waris dan jika terdapat lebih daripada satu waris, dalam nama bersama mereka dengan syarat sebelum bayaran tersebut dibuat, keberhutangan mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama kepada Bank hendaklah dijelaskan daripada amaun yang perlu dibayar selepas memberi notis 7 hari kalendar kepada waris. Bayaran seperti yang dinyatakan oleh Bank kepada waris akan membentuk pelepasan dan penamatan penuh dan berkuatkuasa ke atas tanggungjawab Bank untuk mana-mana dan semua Pemegang Akaun Bersama. Bank mungkin membenarkan waris untuk terus mengendalikan Akaun Kekayaan Bersama tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin ditetapkan oleh Bank.

- (ii) Bank berhak untuk membekukan Akaun Kekayaan dan semua Portfolio Kekayaan di bawah Akaun Kekayaan (termasuk Arahan yang diberikan oleh pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang meninggal dunia dan/atau Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang lain berhubung dengan Akaun Kekayaan sebelum Bank menerima notis kematian Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang meninggal dunia) dan untuk menahan baki kredit di dalam MCCA, dan di mana berkenaan, MCTD, di bawah Akaun Kekayaan Bersama sehingga wasi atau pentadbir sah Pemegang Akaun Bersama memberikan geran probet atau surat pentadbiran yang memuaskan kepada Bank.



- (iii) Estet Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang meninggal dunia wasi atau pentadbir untuk yang meninggal dunia berserta waris Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dengan ini memberi indemniti kepada Bank dan untuk memastikan Bank dilindungi daripada semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan, termasuk yang timbul daripada yang berikut di mana berkenaan: (iii)(a) bayaran baki kredit di dalam Akaun di bawah Akaun Kekayaan Bersama kepada waris dengan cara yang dinyatakan seperti di atas; (iii)(b) pembekuan Akaun Kekayaan Bersama dan penahanan baki kredit di dalam Akaun di bawah Akaun Kekayaan Bersama dengan cara yang dinyatakan di atas; (iii)(c) Bank menerima dan melaksanakan sebarang Arahan daripada wasi atau pentadbir atau sebarang arahan daripada waris Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dengan cara yang dinyatakan di atas; (iii)(d) sebarang pertikaian di antara mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dan mana-mana wasi pentadbir atau wakil peribadi Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang meninggal dunia.
  - (iv) Bank Berhak untuk mendebit daripada MCCA dan di mana berkenaan, MCTD, di bawah Akaun Kekayaan Bersama bagi tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan yang sewajarnya ditanggung.
- (g) Tertakluk sentiasa kepada sub-klausa 2.6(h) di bawah, sekiranya mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama mengalami ketidakupayaan mental:
- (i) Bank berhak untuk membekukan penggunaan atau kesediaan Akaun Kekayaan oleh pemegang Akaun Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental, dan untuk membenarkan pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain untuk terus mengendalikan Akaun Kekayaan Bersama atas dasar kuasa menandatangani tunggal, bagi setiap kes, tanpa perlu bertanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama termasuk Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan wakil sah beliau yang dilantik. Arahan daripada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain akan mengikat ke atas Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan wakil sah beliau yang dilantik. Jika Bank menerima arahan bercanggah daripada wakil sah yang dilantik tersebut, Bank boleh memilih untuk bertindak hanya berdasarkan mandat kedua-dua Pemegang Akaun Kekayaan lain dan wakil sah yang dilantik bagi pihak Pemegang Akaun Kekayaan yang mengalami ketidakupayaan mental.
  - (ii) Bank juga seterusnya berhak untuk terus melaksanakan sebarang Arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan/atau Pemegang Akaun Kekayaan lain berhubung Akaun Kekayaan Bersama sebelum Bank menerima notis mengenai ketidakupayaan mental Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental tersebut, tanpa perlu bertanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama termasuk Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan wakil sah beliau yang dilantik. Arahan tersebut daripada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental akan mengikat ke atas Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain, Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan wakil sah beliau yang dilantik. Jika Bank menerima arahan bercanggah daripada wakil sah yang dilantik bagi Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan/atau Pemegang Akaun Kekayaan bersama lain, Bank boleh memilih untuk bertindak hanya berdasarkan mandat kedua-dua Pemegang Akaun Kekayaan lain dan wakil sah yang dilantik bagi pihak Pemegang Akaun Kekayaan yang mengalami ketidakupayaan mental.
  - (iii) Selepas menerima maklumat mengenai ketidakupayaan mental mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama, Bank berhak untuk membekukan Akaun Kekayaan Bersama termasuk Arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan/atau Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain berhubung Akaun Kekayaan Bersama sebelum Bank menerima maklumat mengenai ketidakupayaan mental Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dan untuk menahan baki kredit dalam MCCA dan di mana berkenaan, MCTD di bawah Akaun Kekayaan



Bersama sehingga wakil sah Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang dilantik menyerahkan arahan mahkamah yang memuaskan kepada Bank.

- (iv) Estet Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental dan wakil sah beliau yang dilantik berserta Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain dengan ini memberi indemniti kepada Bank dan untuk memastikan Bank dilindungi daripada semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan, termasuk yang timbul daripada yang berikut di mana berkenaan: (iii)(a) bayaran baki kredit di dalam Akaun di bawah Akaun Kekayaan Bersama kepada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain dengan cara yang dinyatakan seperti di atas; (iii)(b) pembekuan Akaun Kekayaan Bersama dan penahanan baki kredit di dalam Akaun di bawah Akaun Kekayaan Bersama dengan cara yang dinyatakan di atas; (iii)(c) Bank menerima dan melaksanakan sebarang Arahan daripada wakil sah yang dilantik atau sebarang Arahan daripada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain yang tidak mengalami ketidakupayaan mental dengan cara yang dinyatakan di atas; (iii)(d) sebarang pertikaian di antara mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama dan wakil sah Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang mengalami ketidakupayaan mental.
- (v) Bank berhak untuk mendebit daripada MCCA dan di mana berkenaan, MCTD, di bawah Akaun Kekayaan Bersama bagi tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan yang sewajarnya ditanggung.
- (h) Kematian atau ketidakupayaan mental mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama membentuk Peristiwa Keingkaran dan Bank akan berhak untuk mengambil tindakan selaras dengan terma dan syarat dalam Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan dan Dokumen Jaminan termasuk tetapi tidak terhad kepada membatalkan, menarik balik, dan/atau menamatkan Kemudahan dan menguatkuasakan hak Bank ke atas Kolateral.
- (i) Semua hak, liabiliti dan tanggungjawab Pemegang Akaun Kekayaan Bersama berhubung hendaklah secara bersama dan berasingan.
- (j) Perjanjian ini mengikat secara bersama dan berasingan ke atas setiap Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tanpa mengambil kira sebarang kekurangan kesahihan atau kebolehuasaan yang berkaitan dengan mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain, dan Bank boleh melepaskan, membuat persetujuan atau penawaran dengan mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tanpa menjejaskan liabiliti yang lain kepada Bank.
- (k) Tidak ada Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang berhak untuk menguatkuasakan sebarang hak atau remedi berhubung liabiliti mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain sehingga semua liabiliti kepada Bank telah dijelaskan sepenuhnya.

### 3. Kriteria Keahlian Segmen

- 3.1 Bank boleh, bergantung kepada segmen Pelanggan yang layak untuk Pelanggan, mengenakan kriteria keahlian segmen dan sebarang kriteria lain yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 3.2 Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menukar pegawai Bank yang ditetapkan untuk berkhidmat kepada Pelanggan setelah memberi notis yang mencukupi kepada Pelanggan.
- 3.3 Bank boleh atas budi bicara dan selepas memberi notis awal pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menetapkan semula Pelanggan dari satu segmen Pelanggan kepada segmen yang lain. Sekiranya Pelanggan ditetapkan semula dari satu segmen Pelanggan kepada segmen yang lain, terma dan syarat yang terpakai untuk Pelanggan yang ditetapkan semula ini boleh diperolehi di laman web Bank.



- 3.4 Bank boleh menamatkan atau membatalkan perkhidmatan keahlian segmen yang diberikan kepada Pelanggan selepas berlakunya mana-mana Peristiwa Keingkar. Pelanggan boleh pada bila-bila masa menamatkan atau membatalkan perkhidmatan keahlian segmen dengan memberikan notis bertulis awal kepada Bank.
- 3.5 Penamatan di bawah Perjanjian ini tidak akan melepaskan Pelanggan daripada tanggungjawab dan liabiliti terakru sebelum tarikh penamatan tersebut. Klausula 21 di bawah akan terpakai untuk penamatan keahlian segmen dan perkhidmatan.
- 3.6 Pelanggan yang memenuhi kriteria tersebut yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada kriteria keahlian segmen, boleh memilih untuk memohon dan Bank mungkin meluluskan satu Akaun Kekayaan untuk dibuka, dikekalkan dan dikendalikan oleh Pelanggan sebagai Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tertakluk kepada Perjanjian ini. Mana-mana dua atau lebih Pelanggan yang memenuhi kriteria tersebut yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada kriteria keahlian segmen boleh memohon dan Bank mungkin meluluskan satu Akaun Kekayaan Bersama untuk dibuka, dikekalkan dan dikendalikan oleh Pelanggan berkenaan sebagai Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tertakluk kepada Perjanjian ini. Bank mungkin menolak pembukaan Akaun Kekayaan Bersama untuk dibuka jika mana-mana satu di kalangan Pelanggan yang memohon untuk membuka Akaun Kekayaan Bersama tidak memenuhi semua kriteria keahlian segmen yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.7 Bank berhak tetapi tidak diwajibkan untuk memberi notis awal untuk menamatkan dan menutup Akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama jika mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan atau Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tidak lagi memenuhi mana-mana kriteria keahlian segmen yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Kekayaan Bersama boleh ditamatkan dan ditutup apabila mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama tidak lagi memenuhi mana-mana kriteria keahlian segmen dan tanpa mengambil kira bahawa Pemegang Akaun Kekayaan Bersama lain masih terus memenuhi semua kriteria keahlian segmen. Klausula 21 di bawah akan terpakai untuk penamatan Akaun Kekayaan, yang termasuk Akaun Kekayaan Bersama.
- 3.8 Sekiranya Pelanggan ditetapkan semula dari satu segmen Pelanggan ke segmen Pelanggan yang lain, pindahan produk pelaburan sedia ada termasuk tetapi tidak terhad kepada Unit Amanah atau Bon, daripada atau kepada Akaun Kekayaan Atau Akaun Kekayaan Bersama mungkin memerlukan sepuluh (10) Hari Perniagaan untuk dikuat kuasakan, dan dalam tempoh tersebut anda mungkin tidak dapat melakukan sebarang transaksi ke atas produk pelaburan berkenaan. Anda mengakui bahawa anda telah menilai risiko tidak dapat melakukan transaksi ke atas produk pelaburan berkenaan dalam tempoh 10 Hari Perniagaan dan anda sanggup menanggung semua kerugian dan kerosakan yang mungkin anda alami daripada ketidakmampuan untuk melakukan transaksi ini.

#### 4. Arahan, Komunikasi atau Perintah

- 4.1 Semua Arahan yang berkaitan dengan Akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama sebagaimana berkenaan, mestilah diberikan oleh anda dengan tegas selaras dengan kebenaran atau mandat pada masa berkenaan yang berkuatkuasa ke atas akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama tersebut, sebagaimana berkenaan (tertakluk kepada Klausula 2.6 di atas untuk Akaun Kekayaan Bersama). Semua Arahan berkenaan hendaklah diberikan kepada Bank secara bertulis atau menggunakan cara dan/atau kaedah lain yang dipersetujui oleh Bank dari semasa ke semasa. Arahan untuk menukar mandat akan dikuat kuasakan oleh Bank sekurang-kurangnya tiga (3) Hari Perniagaan (atau sebarang tempoh masa wajar lain yang ditetapkan oleh Bank dan dimaklumkan kepada anda) selepas menerima Arahan.
- 4.2 Anda mestilah memberi arahan dan lain-lain komunikasi dengan cara yang diterima oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank mungkin bergantung kepada dan bertindak ke atas mana-mana Arahan anda, sama ada diberikan melalui telefon, pos, e-mel (daripada alamat e-mel spesifik), telefon bimbit (daripada nombor telefon bimbit spesifik), transmisi faksimili atau lain-lain kaedah elektronik, ("Arahan"), tertakluk bahawa anda hendaklah mematuhi prosedur dan syarat yang mungkin ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak. Bank hanya akan melaksanakan Arahan selaras dengan amalan, prosedur dan dasar perniagaan biasa dan telah ditetapkan, dan boleh menolak sebarang



Arahan tanpa liabiliti kepada anda. Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak bertindak ke atas sebarang Arahan yang dibuat/diberikan oleh anda.

- 4.3 Semua Arahan apabila diterima dan diproses oleh Bank akan mengikat ke atas anda dan tidak boleh dibatalkan, ditarik balik atau dipinda tanpa mengambil kira sebarang kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan penjelasan atau salah faham berkaitan dengan terma-terma Arahan berkenaan kecuali Bank atas budi bicara mutlaknya bersetuju untuk bertindak sebaliknya. Semua transaksi yang dijalankan oleh Bank kerana bertindak atas Arahan anda akan mengikat ke atas anda untuk semua tujuan.
- 4.4 Semua permohonan yang dibuat oleh anda akan mengikat ke atas anda untuk semua tujuan tanpa mengambil kira kaedah permohonan atau keadaan semasa atau bentuk transaksi atau pengaturan atau jumlah wang terlibat dan tanpa mengambil kira sebarang kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan penjelasan atau salah faham berkaitan dengan terma-terma Arahan dan komunikasi lain yang berkenaan. Bank akan bertindak dan dianggap sebagai diberi kebenaran untuk bertindak atas arahan anda yang dikomunikasikan atau dikatakan dikomunikasikan oleh anda sebagaimana dimaklumkan kepada Bank dari semasa ke semasa. Berkaitan dengan komunikasi Arahan dan pengesahan melalui telefon, Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) untuk bertanya soalan kepada anda untuk mengesahkan identiti anda. Berkaitan dengan komunikasi atau arahan e-mel, Bank akan bertindak dan dianggap sebagai diberi kebenaran untuk bertindak atas mana-mana komunikasi atau arahan e-mel yang dari semasa ke semasa adalah atau dikatakan diterima daripada alamat e-mel ditetapkan kepada Bank ("alamat e-mel ditetapkan"). Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak bertindak atas atau bergantung kepada mana-mana komunikasi atau arahan e-mel yang bukan diterima daripada alamat e-mel ditetapkan. Berkaitan dengan komunikasi atau arahan telefon bimbit, Bank akan bertindak dan dianggap sebagai diberi kebenaran untuk bertindak atas sebarang komunikasi atau arahan telefon bimbit adalah atau dikatakan diterima daripada nombor telefon bimbit atau ID pengguna ditetapkan ("nombor telefon bimbit ditetapkan") kepada Bank. Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak bertindak atas atau bergantung kepada mana-mana komunikasi atau arahan telefon bimbit yang bukan diterima daripada nombor telefon bimbit spesifik.
- 4.5 Anda memberi kebenaran kepada Bank untuk bertindak atas sebarang arahan (termasuk sebarang pindahan, jualan atau bawaan lain dana atau aset di dalam Akaun Kekayaan anda) yang dibuat/diberikan oleh anda. Bank tidak diwajibkan untuk bertanya mengenai tujuan sebarang pindahan dana atau aset yang dibenarkan oleh mana-mana arahan berkenaan atau identiti mana-mana penerima pindahan.
- 4.6 Anda bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau berkewajipan kepada anda dalam apa jua cara sekiranya borang berkenaan yang diserahkan oleh anda kepada Bank didapati hilang, musnah atau disalah letak tanpa kesilapan Bank atau akibat sebarang kejadian *force majeure*.
- 4.7 Anda mengesahkan dan bersetuju bahawa sebarang maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat atau silap boleh menyebabkan kelewatan dalam memproses setiap transaksi dan dalam keadaan tertentu boleh menyebabkan penolakan transaksi, sebagaimana ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya.
- 4.8 Bank boleh memilih untuk tidak bertindak atas Arahan anda apabila ia menyebabkan jumlah amaun bayaran melebihi baki kredit di dalam Akaun tetapi jika Bank berbuat demikian, ia mungkin memilih untuk melaksanakan Arahan tersebut sepenuhnya atau sebahagiannya atau mengikut sebarang turutan tanpa merujuk kepada masa penerimaan Arahan anda. Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab dan Bank juga tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, kesilapan, kelewatan atau keingkaran, penolakan atau sebarang bentuk ketinggalan untuk melakukan semua atau mana-mana bayaran atau mana-mana Arahan berkenaan atau disebabkan oleh ketidakcukupan dana dalam Akaun. Tiada notis akan dihantar jika Bank tidak dapat menguat kuasakan sebarang bayaran akibat ketidakcukupan dana.
- 4.9 Contoh tandatangan anda dan kuasa menandatangani yang dikomunikasikan kepada Bank secara bertulis akan kekal berkuat kuasa sehingga apabila Bank menerima pembatalan bertulis mengenainya daripada anda. Bank berhak tetapi tidak terikat untuk melaksanakan sebarang pengesahan tambahan ke atas tandatangan selain daripada membandingkannya dengan contoh tandatangan dalam rekod Bank. Anda menyedari bahawa tandatangan pada



arahan faksimili atau telefaks boleh ditindih secara penipuan atau tanpa kebenaran sewajarnya apabila dihantar kepada Bank dan anda dianggap telah memberi arahan faksimili atau telefaks kepada Bank dengan mengandaikan risiko tersebut berlaku. Berkaitan dengan komunikasi atau arahan e-mel, anda juga mengesahkan bahawa anda menyedari bahawa komunikasi atau arahan e-mel adalah tidak selamat dan anda akan menerima risiko pincang fungsi teknikal, gangguan tanpa kebenaran, kesilapan penghantaran atau kelewatan mesej e-mel dan virus komputer.

- 4.10 Di mana berkenaan, Bank berhak untuk tidak bertindak ke atas sebarang Arahan yang mana tandatangan anda, pada pendapat wajar Bank sebagai muktamad dan konklusif, berbeza daripada contoh tandatangan yang disimpan dengan Bank.
- 4.11 Anda bersetuju dan mengesahkan kepada Bank bahawa Akaun Kekayaan dan semua produk dan perkhidmatan hendaklah digunakan secara tegas untuk tujuan peribadi, bukan perniagaan dan/atau transaksi sahaja ("Tujuan Dibenarkan"). Bank boleh menolak untuk bertindak atas sebarang Arahan jika Arahan tersebut adalah tidak konsisten dengan Tujuan Dibenarkan.
- 4.12 Anda akan menerima tanggungjawab penuh bagi setiap Arahan atau komunikasi yang dibuat/diberikan kepada Bank atau diterima oleh Bank sama ada Arahan tersebut telah diberikan oleh anda atau dikatakan diberikan boleh anda tanpa pengetahuan atau kebenaran anda. Anda hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank apabila diminta sebarang tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan dan kos termasuk kos guaman (seperti di antara peguam dan Pelanggan sendiri) ditanggung oleh Bank yang timbul daripada bertindak atas Arahan anda atau akibat daripada sebarang tindakan, ketinggalan, atau pelanggaran mana-mana terma di dalam Perjanjian ini, selain dan kecuali untuk kerugian yang disebabkan secara langsung oleh kelalaian sengaja atau kecuaiian melampau oleh Bank.
- 4.13 Anda bersetuju untuk mematuhi semua Notis Tukaran Asing dan peraturan yang berkuat kuasa pada setiap masa untuk semua transaksi yang dilaksanakan dalam Akaun Kekayaan anda. Bank boleh menolak untuk bertindak ke atas sebarang Arahan jika Arahan tersebut adalah tidak konsisten dengan atau akan melanggar atau bercanggah dengan mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan berkanun lain.
- 4.14 Jika terdapat sebarang kekeliruan atau percanggahan atau konflik dalam Arahan (termasuk tanpa had, tidak konsisten, bertindan dan/atau arahan tidak jelas), Bank boleh memilih untuk tidak bertindak ke atas mereka kecuali dan sehingga kekeliruan atau percanggahan atau konflik telah diselesaikan dan Bank berpuas hati mengenainya atau Bank boleh memilih untuk bertindak hanya ke atas Arahan daripada semua penandatanganan dibenarkan tanpa mengambil kira bahawa mana-mana mandat atau arahan sedia ada yang berkenaan memerlukan sebaliknya.
- 4.15 Tanpa mengambil kira terma-terma mana-mana mandat atau mandat hadapan atau lain-lain perjanjian atau urusan penawaran di antara Bank dan anda, Bank adalah diminta dan dibenarkan untuk bergantung dan bertindak ke atas sebarang Arahan, dengan penuh percaya menyakini bahawa ia telah diberikan oleh anda tanpa pertanyaan dari pihak Bank untuk menyemak kuasa atau identiti orang yang memberi atau dikatakan memberi arahan tersebut. Arahan yang diterima oleh Bank dan dianggap telah dihantar oleh anda dan/atau mana-mana salinan yang sama akan menjadi bukti konklusif dalam mana-mana prosiding undang-undang berhubung Arahan diberikan oleh anda. Transaksi yang dilaksanakan selaras dengan Arahan tersebut atau sebarang komunikasi lain akan mengikat ke atas anda.
- 4.16 Selain itu, Bank juga berhak tetapi tidak berkewajipan untuk melakukan panggilan balik ke nombor telefon berdaftar anda dengan Bank untuk mengesahkan sebarang Arahan yang diterima oleh Bank. Jika Bank tidak berjaya melakukan panggilan balik, Bank boleh memilih untuk tidak bertindak atas Arahan yang diterima. Bank tidak akan bertanggung jawab ke atas sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada tindakan menahan untuk bertindak. Bank boleh dari semasa ke semasa menahan untuk bertindak segera atas sebarang komunikasi atau arahan yang dibuat/diberikan atau dikatakan dibuat/diberikan oleh anda dalam usaha untuk mengesahkan ketulenannya tanpa menanggung sebarang tanggungjawab ke atas kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada tindakan menahan untuk bertindak tersebut.
- 4.17 Bank boleh membuat rakaman panggilan suara atau video mana-mana dan semua perbualan dan arahan sama ada ia dibuat atau dilaksanakan secara perseorangan atau melalui media yang disediakan oleh Bank dari semasa ke





semasa sebagai cara atau saluran komunikasi dengan Pelanggan, dan Bank boleh menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Anda memberi kebenaran untuk merakam semua perbualan dan menerima rekod Bank sebagai konklusi dan mengikat untuk semua tujuan.

4.18 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau liabiliti yang ditanggung oleh anda disebabkan oleh:

- (a) Bank bertindak atas mana-mana arahan anda yang diberikan kepada Bank melalui telefon atau aplikasi mudah alih atau e-mel atau melalui faksimili tanpa mengambil kira ia kemudiannya menunjukkan bahawa komunikasi atau arahan tersebut bukan diberikan oleh anda;
- (b) Bank bertindak atas arahan faksimili atau telefaks selagi tandatangan yang tertera atas arahan faksimili atau telefaks tersebut setelah diperiksa sebagai atau dikatakan sebagai selaras dengan contoh tandatangan anda;
- (c) Sebarang salah faham, kesilapan atau kerugian daripada komunikasi atau arahan dibuat/diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan atau sebarang kesilapan, kerugian atau kelewatan yang disebabkan daripada penggunaan pos, faksimili, telefaks, komputer, aplikasi mudah alih atau sistem telefon;
- (d) Bank tidak bertindak ke atas mana-mana komunikasi atau arahan e-mel yang tidak diterima daripada alamat e-mel ditetapkan;
- (e) Sebarang kesilapan, salah faham atau kurang penjelasan dalam mana-mana arahan atau komunikasi e-mel atau telefon atau mudah alih yang Bank telah laksanakan atau bertindak (untuk mengelakkan keraguan, Klausula ini tidak dalam apa juga cara memberi kewajipan ke atas Bank untuk bertindak atas mana-mana arahan atau komunikasi e-mel yang berkaitan dengan perkara kewangan); dan
- (f) Sebarang pincang tugas mesin faksimili atau telefaks, aplikasi mudah alih sistem dan mesin komputer atau telefon atau sebarang percanggahan atau kesilapan dalam angka atau arahan atau pesanan.

4.19 Bank tidak akan terikat untuk bertindak atas sebarang arahan atau komunikasi sama ada melalui faksimili, telefaks, e-mel, telefon atau sebaliknya apabila terdapat ketidakcukupan dana dalam mana-mana Akaun Pelanggan atau jika telah melebihi sebarang had ditetapkan atau apabila sebarang syarat yang berkaitan dengan pengeluaran telah tidak dipenuhi atau dipatuhi sepenuhnya atau jika Bank dihalang oleh undang-undang atau sebarang lampiran atau arahan mahkamah atau sekatan atau mempunyai sebarang sebab perundangan lain daripada mematuhi mana-mana arahan atau komunikasi sama ada melalui faksimili, telefaks, e-mel, telefon atau sebaliknya dibuat/diberikan atau dikatakan telah dibuat/diberikan oleh Pelanggan atau orang yang dibenarkan oleh Pelanggan atau di mana arahan atau komunikasi tersebut sama ada melalui faksimili, telefaks, e-mel, telefon atau sebaliknya adalah kabur, tidak jelas atau tidak lengkap.

4.20 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan kerana bertindak selepas menerima sebarang arahan yang dikomunikasikan atau dikatakan dikomunikasikan oleh Pelanggan kepada Bank melalui telefon atau secara bertulis dan ditandatangani atau dikatakan ditandatangani oleh Pelanggan, atau memberi atau menghantar atau dikatakan memberi atau menghantar dengan cara yang dibenarkan oleh atau diterima kepada Bank dari semasa ke semasa, tanpa mengambil kira bahawa ia kemudiannya ditunjukkan bahawa arahan tersebut tidak diberikan oleh Pelanggan. Pelanggan menerima risiko salah faham, kesilapan atau kerugian yang disebabkan oleh arahan yang diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan atau oleh penggunaan sebarang bentuk komunikasi yang mana untuknya Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan.

## 5. Kebenaran Untuk Mendedahkan Maklumat

5.1 Tertakluk kepada arahan yang anda nyatakan (jika ada) menyekat pendedahan, data peribadi, butiran akaun dan hubungan anda dengan Bank ("Maklumat") akan didedahkan kepada orang atau badan yang mana Bank diperlukan secara undang-undang atau dibenarkan oleh undang-undang untuk mendedahkan atau adalah dibenarkan secara



bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan atau kini atau selepasnya dibenarkan secara bertulis oleh anda untuk mendedahkan.

5.2 Tanpa menghadkan Klausu 5.1, anda dengan ini menyatakan kebenaran anda untuk mendedahkan Maklumat kepada pihak-pihak dan bagi tujuan yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

	<b>Pihak-pihak yang mana kepadanya Maklumat boleh didedahkan</b>	<b>Tujuan/Keadaan untuk pendedahan maklumat</b>
(a)	Pemproses data dan penyedia perkhidmatan Bank, di dalam dan di luar Malaysia;	Untuk prestasi perkhidmatan bagi Bank
(b)	Syarikat sekutu dan perbadanan berkait dengan Bank, di dalam dan diluar Malaysia, penerima serah hak dan pengganti-nama mereka;	Untuk jualan silang, penambahbaikan perkhidmatan dan penyelidikan pasaran.
(c)	Pihak berkuasa berkanun/badan penguatkuasaan undang-undang di dalam dan di luar Malaysia;	Untuk pematuhan undang-undang dan peraturan
(d)	Pihak ketiga yang berhasrat untuk menyelesaikan keberhutangan Pelanggan;	Untuk menyelesaikan keberhutangan Pelanggan
(e)	Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad dan lain-lain agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk mendapatkan pinjaman atau sebagai penjamin untuk pinjaman;	Untuk jualan atau cadangan jualan pinjaman atau bagi mendapatkan jaminan untuk pinjaman
(f)	Pihak ketiga di dalam dan di luar Malaysia, dengan atau melaluinya sebarang Perkhidmatan diproses atau dilaksanakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear), Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication (SWIFT), Visa International, MasterCard International, mana-mana saudagar;	Untuk pematuhan prosedur berkenaan, atau untuk resolusi atau perundingan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian atau untuk menangani pertanyaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana Perkhidmatan.
(g)	Peguam, pakar bagi penipuan, teknologi maklumat dan profesional/perunding/pakar lain yang menyediakan perkhidmatan profesional atau kepakaran kepada Bank berkaitan sebarang perkara undang-undang atau sebarang perkara lain yang memerlukan pengetahuan atau nasihat profesional atau pakar;	Untuk nasihat profesional dan rundingan daripada profesional yang dilantik oleh Bank.
(h)	Agen atau wakil sah Pelanggan; dan	Untuk menguruskan hal-ehwal Pelanggan
(i)	Penerima serah hak atau pengambilalih, bakal penerima serah hak atau pengambilalih dan pengganti-nama Bank.	Untuk penyusunan semula termasuk pelupusan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan Bank

5.3 Anda memberi kebenaran tidak boleh batal kepada dan membenarkan Bank untuk melakukan semakan kredit dan mengesahkan maklumat yang diberi oleh anda kepada Bank dengan mana-mana pihak (termasuk tanpa had mana-mana biro kredit, organisasi atau perbadanan yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mendapatkan dan menyediakan maklumat kredit atau lain-lain). Anda memberi kebenaran tidak boleh batal kepada agensi pelaporan kredit berkaitan (seperti ditakrifkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010) ("CRA") yang mana dengannya Bank melakukan semakan kredit untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit anda kepada Bank bagi tujuan Perjanjian ini dan untuk pengurusan dan semakan risiko oleh Bank. Bank dengan ini diberi kebenaran tetapi tidak diwajibkan untuk memaklumkan kebenaran anda dan tujuan pendedahan tersebut kepada mana-mana CRA berkaitan.

5.4 Anda:

- a) membenarkan bank untuk mendedahkan data peribadi anda (terhad kepada nama dan butiran perhubungan anda) kepada organisasi di dalam Kumpulan OCBC (di Malaysia) yang mempunyai pengaturan atau pakatan



dengan Bank untuk tujuan pemasaran langsung produk dan perkhidmatan organisasi tersebut. Anda boleh pada bila-bila masa menarik balik kebenaran anda untuk pemasaran langsung produk dan perkhidmatan tersebut dengan membuat permohonan bertulis kepada Bank; dan

- b) mengesahkan telah membaca Dasar Privasi Bank yang disiarkan di laman web Bank yang memaklumkan anda (i) bahawa Bank mungkin mendapatkan data peribadi anda secara langsung daripada anda atau daripada sumber pihak ketigaboleh; (ii) mengenai tujuan di mana data peribadi anda dikumpul; (iii) hak anda untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda; (iv) mengenai kelas pihak ketiga yang mana Bank mungkin mendedahkan data peribadi anda; (v) mengenai pilihan dan cara untuk menghadkan pemrosesan data peribadi anda; (vi) sama ada data peribadi yang diminta adalah wajib atau sukarela, dan jika wajib, kesan akibat tidak menyediakan data tersebut; (vii) bahawa anda boleh mengemaskini data peribadi anda sebaik sahaja terdapat perubahan; dan (viii) mengenai butiran perhubungan Bank jika anda ingin membuat pertanyaan atau memberi maklum balas.

## 6. Penyata dan Pengesahan

- 6.1 Bank akan menyediakan kepada anda penyata akaun (“Penyata Akaun”) untuk produk dan perkhidmatan dengan selang masa dan kekerapan dalam bentuk tertentu (bercetak dan/atau elektronik) dan dihantar dengan cara tertentu sebagaimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Untuk penjelasan, mungkin terdapat produk atau perkhidmatan yang mana tiada Penyata Akaun diterbitkan seperti mana difikirkan wajar oleh Bank. Semua rujukan kepada Penyata Akaun di dalam Perjanjian ini hendaklah merangkumi kedua-dua penyata akaun dalam bentuk bercetak dan elektronik melainkan dinyatakan akan dikecualikan atau melainkan konteks secara spesifik menyediakan Penyata Akaun bercetak atau elektronik. Anda hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera jika anda tidak menerima sebarang Penyata Akaun pada masa Penyata Akaun tersebut biasanya diterbitkan oleh Bank, kegagalan berbuat demikian menyebabkan Bank berhak untuk meneruskan atas dasar anda telah menerima Penyata Akaun mengikut masa.
- 6.2 Anda bersetuju untuk mengesahkan ketepatan semua butiran yang terkandung dalam setiap Penyata Akaun dan untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis (atau melalui sebarang cara lain yang dibenarkan oleh Bank) dalam masa empat belas (14) hari (atau sebarang tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank) dari tarikh setiap Penyata Akaun sekiranya terdapat sebarang percanggahan, ketinggalan dan/atau kesilapan di dalamnya. Selepas tamat tempoh ini, butiran di dalam Penyata Akaun akan menjadi konklusif terhadap anda kecuali untuk dakwaan kesilapan yang telah dimaklumkan, tertakluk sentiasa kepada hak Bank untuk membetulkan sebarang kesilapan yang terkandung di dalamnya pada bila-bila masa tanpa mengambil kira penerimaan oleh anda.
- 6.3 Selain itu, untuk Akaun, Bank juga mungkin menyediakan akses untuk menyemak Perbankan Online OCBC, rekod transaksi yang dilakukan berkaitan dengan setiap Akaun semasa tempoh spesifik (“Sejarah Transaksi Elektronik”) tertakluk kepada Perjanjian dan dengan syarat Sejarah Transaksi Elektronik tersebut disediakan untuk kemudahan sahaja dan tidak boleh berfungsi sebagai Penyata Akaun. Sekiranya terdapat percanggahan di antara mana-mana Sejarah Transaksi Elektronik dan Penyata Akaun, maka Penyata Akaun akan diguna pakai.
- 6.4 Untuk Produk dan/atau Perkhidmatan, setakat yang dianggap perlu oleh Bank, Bank akan menerbitkan Pengesahan kepada anda selepas melaksanakan setiap Arahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak lain yang dijalankan dan berjaya yang berkaitan dengan Perjanjian dari semasa ke semasa pada selang masa tertentu yang dianggap perlu oleh Bank.
- 6.5 Anda hendaklah memeriksa semua kemasukan dalam semua Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak yang mungkin telah dihantar oleh Bank kepada anda, melaporkan dengan segera kepada Bank mengenai sebarang kesilapan dan/atau ketinggalan di dalamnya, mengembalikan mana-mana slip Pengesahan yang telah ditandatangani dan memaklumkan kepada Bank sekiranya anda tidak menerima sebarang Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak yang seharusnya, dalam keadaan biasa telah diterima oleh anda.



6.6 Anda seterusnya bersetuju bahawa Bank akan berhak untuk membuat pelarasan pada bila-bila masa dan/atau dari semasa ke semasa kepada Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak jika terdapat sebarang kesilapan dan/atau ketinggalan di dalamnya. Anda bersetuju bahawa jika anda tidak membantah secara bertulis mengenai kandungan di dalam Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak dalam tempoh yang dinyatakan pada Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak dan apa juga keadaan tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak, anda akan dianggap telah menerima ketepatan Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak dan anda seharusnya berhenti daripada mempertikaikan kebenaran dan ketepatan Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak. Semua Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas anda, jika tiada kesilapan nyata.

## 7. Penyata Elektronik

7.1 Anda bersetuju untuk menerima kemudahan penyata elektronik yang mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa disediakan oleh Bank untuk Produk dan Perkhidmatan pada selang masa dan kekerapan tertentu dan dihantar dengan cara tertentu yang mungkin ditetapkan oleh Bank atas budi bicara mutlaknyanya. Bank selanjutnya mempunyai budi bicara dari semasa ke semasa untuk meminda, menyekat, menarik balik, membatalkan, menggantung, menamatkan atau tidak meneruskan penggunaan kemudahan penyata elektronik anda dan anda memahami bahawa dengan menggunakan kemudahan penyata elektronik selepas sebarang perubahan atau penukaran telah dikuatkuasakan, anda akan dianggap telah bersetuju kepada perubahan atau penukaran tersebut.

7.2 Bank berhak untuk mengenakan yuran dan caj untuk penggunaan kemudahan penyata elektronik dengan kebenaran awal anda.

7.3 Anda bersetuju bahawa penyediaan Penyata Akaun anda yang berkenaan dalam bentuk elektronik pada tarikh penyata yang bersamaan (seperti ditentukan oleh Bank) akan dianggap sebagai tarikh penghantaran Penyata kepada anda.

7.4 Anda bersetuju bahawa penggunaan kemudahan penyata elektronik oleh anda hendaklah dengan cara yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Penyata elektronik boleh dihantar kepada anda melalui Perbankan Online OCBC, e-mel atau sebarang cara lain yang mungkin ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknyanya dan dimaklumkan kepada anda:

- a) Penyata Anda mungkin disediakan melalui Perbankan Online OCBC, yang tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal selia Perkhidmatan Perbankan Online OCBC;
- b) Penyata anda mungkin dihantar sebagai lampiran ke alamat e-mel berdaftar anda yang terakhir diketahui dengan Bank.

Anda mewakili, menjamin dan berjanji bahawa anda telah menyediakan kepada Bank alamat e-mel anda yang mana anda adalah pengguna berdaftar atau dibenarkan atau sebarang maklumat lain yang diminta oleh Bank untuk memastikan dan memudahkan penghantaran penyata elektronik oleh Bank termasuk Penyata Akaun, Pengesahan dan (di mana berkenaan) penyata Kontrak secara elektronik kepada anda. Anda memahami bahawa jika anda tidak menyediakan maklumat yang diperlukan atau jika terdapat sebarang ketidaktepatan dalam maklumat yang disediakan kepada Bank atau jika maklumat adalah lapuk, ia boleh menyebabkan kegagalan untuk menghantar penyata elektronik kepada anda dan/atau penghantaran penyata elektronik kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan, atas risiko dan mudarat kepada anda, dan yang mana Bank tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.

7.5 Anda bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab tunggal anda untuk mengemaskini kepada Bank sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat anda seperti perubahan dalam alamat e-mel bagi memastikan semua penyata elektronik terus dihantar kepada anda tepat masa. Bank berhak untuk bertindak atas maklumat terakhir anda yang diketahui dalam rekod Bank atas dasar maklumat tersebut kekal benar, lengkap dan terkini, jika anda tidak mengambil langkah untuk mengemaskini maklumat anda dengan Bank melalui saluran yang tersedia dan tertakluk kepada proses yang ditetapkan oleh Bank untuk mengemaskini dan menukar maklumat anda.



- 7.6 Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menghantar
- a) kedua-dua penyata cetak dan elektronik atau
  - b) hanya penyata bercetak atau
  - c) hanya penyata bercetak untuk mana-mana atau semua Produk dan Perkhidmatan. Oleh itu, anda hendaklah memastikan pada setiap masa bahawa maklumat anda termasuk alamat surat-menyurat, alamat e-mel anda dan di mana berkenaan, nombor telefon bimbit anda, dalam rekod Bank adalah tepat lengkap dan terkini untuk memastikan anda menerima penyata tepat masa. Anda boleh memohon kepada Bank untuk menukar cara penghantaran penyata anda yang berbeza daripada cara semasa yang disediakan oleh Bank. Bank boleh tetapi tidak diwajibkan untuk menerima permohonan anda. Jika Bank menerima permohonan anda, Bank mungkin mengenakan terma dan syarat tertentu dan mengenakan yuran dan caj tertentu.
- 7.7 Anda bersetuju bahawa Bank hendaklah dilepaskan daripada tanggungjawabnya untuk menghantar penyata elektronik kepada anda berdasarkan rekod Bank bahawa penyata elektronik telah dihantar secara elektronik.
- 7.8 Sebelum membatalkan penggunaan kemudahan penyata elektronik oleh anda, Bank hendaklah memberi notis awal mengenai pembatalan tersebut dengan cara yang difikirkan wajar oleh Bank ke maklumat terakhir anda yang diketahui dalam rekod Bank. Notis tersebut tidak diberi jika anda memohon untuk membatalkan penggunaan kemudahan penyata elektronik dan Bank menguatkuasakan permohonan anda.
- 7.9 Anda bersetuju bahawa Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan jika anda tidak dapat mengakses penyata elektronik anda akibat penyelenggaraan mana-mana sistem atau sebarang kerosakan, kegagalan, atau bincang fungsi pada mana-mana komputer, telekomunikasi, elektrik, atau rangkaian atau sebab lain yang di luar kawalan Bank.
- 7.10 Anda mengesahkan bahawa apabila Penyata anda dalam bentuk elektronik dihantar ke alamat e-mel berdaftar anda, Penyata adalah dalam bentuk lampiran kepada e-mel dan anda boleh mengakses Penyata tersebut selepas memasukkan mana-mana kata laluan yang tepat yang mana Bank akan memaklumkan kepada anda dengan cara yang akan ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak. Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk memastikan kata laluan adalah sulit dan anda tidak akan mendedahkan kata laluan kepada mana-mana pihak dan akan mengambil semua langkah yang wajar untuk mencegah pendedahan kata laluan kepada mana-mana pihak. Sekiranya kata laluan telah didedahkan kepada atau diketahui oleh mana-mana pihak anda hendaklah menukar kata laluan dengan segera. Anda seterusnya bersetuju bahawa anda akan bertanggungjawab sepenuhnya dan akan menanggung semua kerugian dan kesan sampingan yang timbul daripada atau berkaitan dengan mamam-aman kegagalan anda untuk mematuhi sebarang perkara yang dinyatakan sebelum ini.
- 7.11 Anda mengesahkan dan bersetuju bahawa sekiranya anda berjaya memohon untuk Produk baharu dengan kemudahan penyata elektronik, Bank boleh atas budi bicara mutlak menetapkan, dan anda bersetuju bahawa Bank boleh, menghantar kepada alamat e-mel berdaftar anda, penyata untuk semua akaun anda yang lain yang mana Bank berpendapat bahawa kemudahan penyata elektronik boleh digunakan, termasuk untuk yang telah anda mohon sebelum ini bagi mengakses penyata anda melalui Perbankan Online OCBC dan/atau sebarang cara penghantaran lain.

## 8. Penggunaan Perkhidmatan Elektronik

- 8.1 Semua arahan dan komunikasi dengan Bank melalui penggunaan saluran seperti Perbankan Elektronik OCBC (yang merangkumi Perbankan Internet OCBC dan Perbankan Mudah Alih OCBC) dan perkhidmatan yang disediakan, seperti OCBC RM Chat, ia akan terus dikawal selia oleh terma dan syarat berkenaan yang mengawal selia saluran tersebut. Perkhidmatan Elektronik akan disediakan jika anda mematuhi prosedur dan terma-terma yang dinyatakan oleh Bank mengenai akses dan penggunaan Perkhidmatan Elektronik berkenaan.



8.2 Kesyediaan Perkhidmatan Elektronik juga tertakluk kepada waktu, bayaran sebarang kos, yuran, komisen dan caj yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Perkhidmatan Elektronik mungkin berbeza, ditambah atau ditarik balik oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

8.3 Anda mengesahkan bahawa komunikasi melalui penggunaan telefon atau telefon bimbit atau internet (e-mel) bukanlah kaedah komunikasi yang selamat. Pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan dan rangkaian mungkin boleh mengakses komunikasi yang dihantar kepada atau dari anda kecuali dinyatakan sebagai dilarang oleh undang-undang dan peraturan mandatori, Bank, para pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada anda untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh anda secara langsung atau tidak langsung akibat pendedahan sebarang maklumat yang dihantar melalui telefon atau telefon bimbit atau email kepada atau daripada anda atau ketiadaan penerimaan mana-mana komunikasi tersebut oleh Bank atau anda, sebagaimana berkenaan, untuk sebarang sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan, pincang fungsi atau kerosakan komputer, terminal atau talian atau pautan atau peralatan telekomunikasi sama ada dimiliki oleh Bank atau tidak.

8.4 Tanggungjawab anda sebagai Pelanggan:

- (a) Anda hendaklah memastikan keselamatan perkhidmatan elektronik dan kod keselamatan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada nama pengguna, kata laluan, PIN dan lain-lain bukti kelayakan) dengan cara:
- (i) menyimpan kod keselamatan sebagai sulit dan persendirian pada setiap masa dan tidak mendedahkan kod keselamatan kepada sesiapa (ia termasuk tidak mendedahkan maklumat dan kod keselamatan anda kepada mana-mana pegawai Bank atau melalui e-mel yang tidak diingini atau mana-mana laman web selain daripada laman web rasmi Bank yang selamat) dan dengan memantau dan memastikan bahawa penggunaan atau akses kepada Perkhidmatan Elektronik dilakukan melalui peralatan atau peranti di bawah kawalan anda;
  - (ii) memaklumkan Bank dengan segera menggunakan nombor perhubungan yang disediakan oleh Bank jika anda tahu atau mengesyaki atau percaya bahawa mana-mana peralatan atau peranti telah hilang atau dicuri atau terjejas atau bahawa kerahsiaan kod sekuriti telah terdedah, disalah letak, terjejas, hilang atau dicuri. Makluman lisan hendaklah diikuti oleh notis bertulis dalam masa 24 jam dan disokong oleh salinan laporan polis sebagaimana diperlukan oleh Bank;
  - (iii) memastikan bahawa pengguna dibenarkan memahami dan mematuhi terma dan syarat untuk penggunaan kod keselamatan dan Perkhidmatan Elektronik dan memaklumkan kepada Bank dengan segera jika pengguna dibenarkan tidak lagi diberi kebenaran untuk menggunakan Perkhidmatan Elektronik;
  - (iv) di mana telefon dengan perakam kata laluan kekunci tekan atau lain-lain peranti seumpamanya telah dipasang, dengan memadam nombor yang berkaitan dengan transaksi selepas arahan telah diberikan; dan
  - (v) dengan membaca dan memahami panduan pengguna, jika sebarang dan di mana berkenaan, untuk Perkhidmatan Elektronik sebelum cuba menggunakan Perkhidmatan Elektronik.
- (b) Anda memahami bahawa kegagalan untuk mematuhi dengan mana-mana yang di atas boleh mendedahkan anda kepada kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran kod sekuriti atau Perkhidmatan Elektronik, dan boleh menyebabkan dana dipindah keluar dari Akaun anda kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan, yang mana untuknya Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan.
- (c) Anda dikehendaki bertanggungjawab kepada Bank untuk transaksi tanpa kebenaran melalui Perkhidmatan Elektronik, jika anda telah:



- (i) bertindak secara penipuan; atau
- (ii) gagal untuk melaksanakan tanggungjawab dalam Klaus 8.4(a) di atas untuk mengekalkan keselamatan Perkhidmatan Elektronik, kod keselamatan, peralatan dan peranti; atau
- (iii) kelewatan dalam memaklumkan kepada Bank secepat yang munasabah boleh dilaksanakan selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran mana-mana kod keselamatan, Perkhidmatan Elektronik, peralatan atau peranti anda; atau
- (iv) Secara sukarela mendedahkan mana-mana kod sekuriti kepada mana-mana orang; atau
- (v) merakamkan kod sekuriti pada peralatan, peranti atau apa sahaja yang mungkin membolehkan atau memudahkan atau menyumbang kepada penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan Elektronik. Anda tidak bertanggungjawab ke atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas anda telah memaklumkan kepada Bank selaras dengan terma dan syarat ini bahawa kod keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik telah hilang, disalahguna, dicuri, terjejas atau dicerobohi.

## 8.5 Liabiliti

- (a) Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada boleh dijangka atau tidak dan sama ada disedari atau tidak oleh Bank) yang mungkin anda alami atau tanggung akibat daripada atau berkaitan dengan:
  - (i) penyalahgunaan atau kegagalan anda untuk menggunakan kod keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik dengan betul atau sebarang perisian/perkakasan/peralatan yang diperlukan untuk Perkhidmatan Elektronik;
  - (ii) kegagalan anda untuk mematuhi arahan, garis panduan dan prosedur terkini untuk penggunaan, mengakses, memohon untuk, membeli, menjual sebarang produk dan/atau perkhidmatan melalui Perkhidmatan Elektronik;
  - (iii) Semua pertikaian yang timbul daripada transaksi atas produk dan/atau perkhidmatan atau kemudahan atau dengan mana-mana pihak ketiga yang dilaksanakan melalui Perkhidmatan Elektronik;
  - (iv) pincang fungsi, kerosakan atau kegagalan mana-mana rangkaian, terminal atau sebarang sistem pemprosesan data, sistem komputer atau telekomunikasi (kolektifnya "Sistem") sama ada mana-mana yang terdahulu tersebut dimiliki oleh atau dikendalikan oleh Bank kecuali pincang tugas, kerosakan atau kegagalan adalah disebabkan oleh kecuaiannya Bank;
  - (v) keadaan lain yang di luar kawalan Bank atau mana-mana Bank, kewangan atau mana-mana orang atau mana-mana organisasi yang terlibat dengan Sistem; dan
  - (vi) sebarang kelewatan bayaran yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya melampau yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tiada penghantaran atau kesilapan penghantaran mana-mana material atau notis atau produk, barangan atau perkhidmatan daripada mana-mana orang, termasuk Bank.
- (b) Bank akan mengambil usaha yang sewajarnya untuk memperbetulkan sebarang kerosakan, pincang fungsi atau kegagalan mana-mana sistem di bawah kawalan Bank dalam usaha untuk memulihkan Perkhidmatan Elektronik yang terjejas bagi mengurangkan kesan buruk yang timbul daripada kerosakan, pincang fungsi atau kegagalan tersebut.



## 8.6 Penyelesaian Pertikaian

- (a) Selepas menerima sebarang aduan daripada anda, Bank akan memberi jawapan kepada anda dalam masa 14 hari (atau sebarang tempoh yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada anda) dari tarikh penerimaan. Sekiranya Bank tidak dapat memberi jawapan dalam masa 14 hari, Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis mengenai keperluan bagi mendapatkan lanjutan untuk memberi jawapan. Anda boleh membuat rayuan kepada pengurusan kanan Bank atau kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan atau Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC), yang mana berkenaan, jika anda masih tidak berpuas hati dengan hasil aduan tersebut. Surat aduan hendaklah dihantar ke alamat berikut atau anda boleh menghubungi nombor di bawah atau sebarang alamat atau nombor perhubungan lain yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada anda:

Untuk Pelanggan perbankan pengguna:  
Jabatan Transformasi Perkhidmatan  
(Service Transformation Department)  
OCBC Bank (Malaysia) Berhad,  
Menara OCBC,  
No. 18, Jalan Tun Perak, 50050  
Kuala Lumpur, Malaysia.  
No. Telefon: 03-8317 5000

- (b) Anda dikehendaki menyediakan butiran tertentu mengenai pertikaian anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, Akaun Kekayaan dan Portfolio Kekayaan yang terjejas, tarikh transaksi yang dipertikaikan, amaun transaksi yang dipertikaikan dan sebab mengapa anda percaya ia adalah transaksi yang dipertikaikan. Semua pertikaian akan disiasat oleh Bank. Selepas penyiasatan selesai, Bank mungkin mengkredit kepada atau mendebit dari Akaun berkenaan atau melakukan penyelarasan ke atas amaun terhutang di antara Bank dan anda dan disiarkan dalam penyata atau rekod bulan seterusnya. Jika bayaran telah dibuat dan kemudiannya didapati palsu, bayaran itu hendaklah dikembalikan kepada Bank dan semua perbelanjaan yang dikeluarkan semasa penyiasatan dan semasa mendapatkan semula bayaran hendaklah ditanggung oleh pembuat pertikaian palsu tersebut. Selain itu, laporan polis juga akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu.

## 9. Notis/Komunikasi

- 9.1 Semua notis atau komunikasi lain kepada Bank di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah diberi secara bertulis (melalui surat atau faksimili) dan dihantar ke cawangan di mana Akaun Kekayaan (atau Akaun Kekayaan Bersama) dibuka atau dengan cara lain yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada anda dari semasa ke semasa. Notis dan komunikasi sedemikian diberikan oleh anda kepada Bank apabila notis dan komunikasi tersebut diterima oleh Bank.
- 9.2 Sebarang penyata, makluman, pengesahan, notis, tuntutan dan semua surat-menyurat oleh Bank di bawah Perjanjian (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang writ saman atau lain-lain proses pemula yang berkaitan dengan atau yang mana prosiding undang-undang terhadap anda telah dimulakan oleh Bank) (“Surat-menyurat”) akan diserahkan kepada anda:
- (a) melalui penghantaran (melalui pos atau kurier) kepada anda di alamat berdaftar anda yang diketahui dengan Bank; atau
  - (b) melalui teleks atau faksimili yang dialamatkan dalam apa-apa cara seperti yang dinyatakan di atas kepada alamat teleks atau faksimili anda yang terakhir didaftarkan dengan Bank; atau
  - (c) dengan makluman dalam media massa, menyiarkan notis di cawangan Bank, memasukkan notis dalam penyata akaun, transmisi elektronik (termasuk melalui e-mel, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau menyiarkannya di laman web Bank atau di ATM atau lain-lain terminal Bank; atau





- (d) melalui kaedah komunikasi lain (termasuk tanpa had, laman web kami, notis bank dan lain-lain media elektronik)

sebagaimana ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlakny.

- 9.3 Surat-menyurat hendaklah dianggap sebagai dihantar: (a) pada hari ia dihantar sendiri atau dihantar melalui telex atau faksimili; (b) jika dihantar melalui pos atau kurier, pada hari berikutnya selepas diposkan; atau (a) pada hari ia diterbitkan atau disiarkan.
- 9.4 Untuk Akaun Kekayaan Bersama, sebarang Surat-menyurat disampaikan selaras dengan ini kepada salah seorang Pemegang Akaun Kekayaan Bersama hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan secara sah kepada semua Pemegang Akaun Kekayaan Bersama.
- 9.5 Bank tidak akan, dalam apa jua keadaan, bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada anda untuk kejadian yang berlaku selepas mana-mana Surat-menyurat dihantar atau semasa penghantaran, transmisi atau kiriman, termasuk tanpa had, Surat-menyurat lewat, dipintas atau hilang atau didedahkan kepada pihak ketiga ketika Surat-menyurat dalam transit.
- 9.6 Bank mungkin berkomunikasi dengan anda melalui e-mel atas permintaan anda. Apabila anda menyediakan alamat e-mel kepada Bank, Bank akan berhak tetapi tidak diwajibkan untuk menganggap perbuatan menghantar alamat e-mel tersebut sebagai permintaan anda kepada Bank untuk berkomunikasi dengan anda melalui e-mel. Apabila Bank telah mendaftarkan alamat e-mel, anda bersetuju bahawa Bank akan berhak tetapi tidak diwajibkan untuk menghantar sebarang atau semua Surat-menyurat berkaitan mana-mana atau semua Produk dan Perkhidmatan di bawah Akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama anda ke alamat e-mel berdaftar tersebut.
- 9.7 Anda seterusnya bersetuju dan menerima bahawa penyerahan mana-mana dokumen (termasuk writ saman atau proses pemula lain) yang selaras dengan Klausa 9 ini, adalah serahan yang sah dan selesai ke atas anda. Selain daripada kaedah serahan yang dirujuk di sini, Bank mungkin menyampaikan sebarang dokumen kepada anda menggunakan kaedah lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

## 10. Kos, Yuran dan Caj

- 10.1 Bank boleh (a) mendebit Akaun dengan amaun penuh atau (b) menuntut agar anda membayar kepada Bank dengan cara yang mungkin ditetapkan dan dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa (sebagaimana berkenaan) sebarang caj, komisen, duti setem, yuran atau sebarang kos dan perbelanjaan lain, faedah, pegangan atau lain-lain cukai dan penalti (termasuk tanpa had yuran guaman atas dasar indemniti penuh dan yuran setem) yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank berkaitan dengan:
  - (a) mana-mana Produk dan/atau Perkhidmatan;
  - (b) sebarang bentuk liabiliti yang timbul berkaitan Akaun Kekayaan atau sebaliknya;
  - (c) sebarang amaun terlebih dikeluarkan atas Akaun;
  - (d) prestasi, perlindungan, pengekalan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Perjanjian; atau
  - (e) sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang ditetapkan oleh undang-undang sekarang atau akan datang, di dalam atau di luar Malaysia atau perlu dibayar berkaitan sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima oleh Bank atau sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.



- 10.2 Yuran dan caj boleh diperolehi dari cawangan Bank, laman web atau mana-mana saluran penghantaran lain milik Bank. Bank boleh mengubah yuran dan caj berkenaan dengan notis awal. Anda boleh terus mengendalikan Akaun Kekayaan dan Akaun, Produk dan Perkhidmatan berkenaan atau menggunakan yang sama hanya jika anda bersetuju dengan semakan kadar caj atau yuran tanpa bantahan.
- 10.3 Caj pada amaun yang dinyatakan dalam panduan yuran dan caj Bank akan dilevi jika Portfolio Kekayaan kekal tidak aktif selama tempoh yang dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau jika anda menutup Akaun Kekayaan anda dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Bank.
- 10.4 Untuk perkhidmatan pelaburan unit amanah, anda mengesahkan bahawa syarikat pengurusan unit amanah dan akan membayar wang (dalam bentuk komisen, diskaun, yuran atau sebagainya) kepada Bank berkaitan dengan atau mengenai terbitan Unit kepada atau untuk anda atau urusan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Dana atau Unit. Anda bersetuju bahawa Bank boleh menahan komisen, diskaun, yuran atau sebagainya yang diterima oleh Bank untuk manfaatnya dan tanpa sebarang kewajipan untuk mempertanggungjawabkan kepada anda.

## 11. Bayaran

- 11.1 Anda bersetuju untuk membayar kepada Bank apabila dituntut, semua wang dan caj berserta faedah ke atas wang tersebut dari tarikh apabila wang tersebut perlu dibayar hingga ke tarikh bayaran dibuat dalam mata wang yang mana ia perlu dibayar dengan segera tersedia dan boleh dipindahkan dan pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 11.2 Semua wang dan caj berkenaan hendaklah dibayar oleh anda dengan segera, dan ia adalah dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan sepenuhnya dengan bebas tanpa sebarang penolakan atau tuntutan balas atau sebarang sekatan atau syarat, dan bebas serta jelas daripada dan tanpa pemotongan untuk cukai semasa atau akan datang (termasuk tanpa had duti setem atau cukai lain), levi, caj atau pegangan, dan semua liabiliti yang berkaitan dengannya. Jika sebarang pemotongan atau pegangan diperlukan untuk atau ke atas akaun bagi mana-mana Cukai, anda hendaklah membayar amaun tambahan tersebut sebagaimana perlu untuk memastikan Bank menerima amaun penuh yang sepatutnya diterima oleh Bank jika pemotongan atau pegangan tersebut tidak diperlukan. Anda seterusnya perlu membayar amaun penuh pemotongan tersebut kepada pihak berkuasa cukai berkaitan selaras dengan mana-mana undang-undang yang berkenaan.
- 11.3 Jika Bank diwajibkan oleh undang-undang untuk menolak atau memegang sebarang amaun daripada mana-mana bayaran kepada anda, anda memberi kebenaran kepada Bank untuk melaksanakan pegangan tersebut dan untuk membayar amaun bersih kepada anda atau menggantikan amaun tersebut di dalam Akaun.
- 11.4 Semua wang dan caj yang perlu dibayar oleh anda adalah termasuk sebarang Cukai (sama ada dikenakan di Malaysia atau bidang kuasa lain) yang akan, di mana berkenaan, dibayar oleh anda sebagai tambahan kepada mana-mana jumlah yang seharusnya dibayar, pada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh bayaran perlu dijelaskan.
- 11.5 Anda hendaklah membayar sejumlah penuh kepada semua pihak berkuasa Cukai berkenaan, levi atau caj yang dikenakan oleh undang-undang di bawah mana-mana bidang kuasa atau Bank berkaitan dengan kemudahan dan dengan segera menyerahkan kepada Bank sijil asal atau salinan setiap resit sebagai bukti bayaran.
- 11.6 Anda hendaklah melengkapkan borang dan dokumen berkaitan sebagaimana diperlukan dari semasa ke semasa oleh Bank untuk tujuan memberikan kepada Bank manfaat mana-mana peruntukan atau triti cukai yang berkenaan di bawah mana-mana undang-undang yang diguna pakai atau untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengannya.
- 11.7 Di mana berkenaan, Bank boleh, pada kadar wajar yang ditentukan oleh Bank, menukar sebarang bayaran yang diterima daripada Akaun dalam mata wang yang berbeza daripada Akaun tersebut, kepada mata wang Akaun berkenaan dan anda akan menanggung kos penukaran tersebut.



11.8 Setiap pihak hendaklah membuat bayaran amaun atau penyerahan aset selaras dengan Perjanjian. Bank tidak mempunyai kewajiban undang-undang untuk membayar Pelanggan sebarang amaun atau menyerahkan sebarang aset di bawah Perjanjian sehingga Pelanggan telah menyerahkan kepada Bank sebarang amaun yang perlu dibayar dan dibayar oleh beliau atau sebarang aset yang perlu diserahkan oleh beliau. Tertakluk sentiasa bahawa kewajiban Bank untuk membayar sebarang amaun atau menyerahkan mana-mana aset adalah tertakluk kepada syarat terdahulu bahawa tidak ada kejadian yang membentuk atau yang mana, dengan peredaran masa akan membentuk Peristiwa Keingkaran, telah berlaku atau masih berlaku, dan sebarang syarat terdahulu lain yang dinyatakan dalam Kontrak berkenaan (jika ada).

## 12. Liabiliti Bank

12.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Bank atau kakitangannya, penama atau agen tidak akan bertanggungjawab yang disebabkan oleh tindakan atau ketinggalan untuk bertindak.

12.2 Bank tidak akan mempunyai sebarang liabiliti kepada Pelanggan untuk sebarang kerugian atau kerosakan tidak langsung, sampingan atau berbangkit (termasuk kehilangan keuntungan, perniagaan atau nama baik) walaupun jika telah dinasihatkan mengenai kemungkinan berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut.

12.3 Tanpa menghadkan keumuman perkara di atas dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang perbelanjaan, kerugian, kerosakan, liabiliti atau perkara berbangkit lain yang dialami atau ditanggung oleh anda:

- (a) kerana bertindak atau ketinggalan untuk bertindak dengan penuh percaya atas Arahan anda;
- (b) jika atas sebarang sebab di luar kawalan Bank (termasuk tanpa had kepada ketidaksediaan dana dikreditkan ke mana-mana akaun akibat sekatan ke atas kebolehtukaran atau kebolehpindahan, pengambilan, pindahan bukan sukarela, kekangan mana-mana peribadi, tindakan kerajaan atau kuasa tentera, tindakan perang atau pergolakan awam, atau sebarang sebab lain yang di luar kawalan Bank), pengendalian Akaun Kekayaan, mana-mana Portfolio Kekayaan, mana-mana Akaun, Produk dan/atau Perkhidmatan adalah disekat atau sebaliknya terkesan;
- (c) berkaitan dengan sebarang pengaturan di antara Bank dan pihak ketiga untuk menyediakan insentif dan manfaat kepada Pelanggan Bank;
- (d) dana anda tidak diterima oleh Bank;
- (e) untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang kelewatan atau kegagalan dalam mana-mana kemudahan transmisi atau komunikasi;
- (f) untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan, kelewatan, kesilapan, keengganan, kesilapan, pihak ketiga, sebarang bentuk tetapan, kecuaiian atau ketinggalan dalam penghantaran sebarang arahan atau membuat bayaran di bawah perkara yang sama;
- (g) jika dana dikredit atau didebit dari Akaun berkurangan dalam nilai akibat cukai, susut nilai atau menjadi tidak tersedia akibat sekatan (yang timbul atas sebarang sebab) atas kebolehtukaran, pengambilan, pindahan bukan sukarela, kekangan mana-mana peribadi, tindakan kerajaan atau kuasa tentera, perang, persengketaan, atau sebarang sebab lain yang di luar kawalan Bank;
- (h) timbul daripada ketidakmampuan Bank untuk mengesan atau tidak mencukupi untuk menentukan ketulenan tandatangan anda;
- (i) timbul daripada kecuaiian, kegagalan atau salah laku anda; atau



- (j) untuk kebangkrapan atau insolvensi mana-mana agen, penama, koresponden atau kaunter parti yang digunakan oleh Bank.

12.4 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh anda (sama ada disebabkan oleh pemalsuan tandatangan penandatanganan, pindaan material atas permohonan pengeluaran atau sebarang sebab lain) yang bukan kesilapan Bank. Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar untuk arahan yang dipinda dan/atau dipalsukan di mana pindaan dan/atau pemalsuan telah dilakukan dengan menggunakan dakwat boleh padam, pen atau mesin taip atau sebarang alatan dengan ciri pemadam di mana pindaan dan/atau pemalsuan tersebut tidak mudah dikesan atau di mana pindaan dan/atau pemalsuan adalah akibat kecuaiannya anda. Di mana berkenaan, jika Bank telah mendebit Akaun anda dengan kebergantungan bahawa permohonan pengeluaran atau bayaran yang mana tandatangan anda telah dipalsukan, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menterbalikkan debit atau membayar atau memberi pampasan kepada anda untuk amaun yang telah didebitkan.

12.5 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda kerana bertindak atas sebarang arahan yang dikomunikasikan atau dikatakan dikomunikasikan oleh anda kepada Bank melalui telefon atau telefon bimbit atau secara bertulis dan ditandatangani atau dikatakan ditandatangani oleh anda atau diberi atau dihantar atau dikatakan diberi atau dihantar melalui faksimili, tanpa mengambil kira ia kemudiannya ternyata bahawa arahan tersebut bukan diberikan oleh anda.

12.6 Untuk akaun simpanan dan sebagai tambahan kepada di atas, anda memahami dan bersetuju:

(a) dengan risiko yang wujud dalam simpanan Mata Wang Asing. Terutamanya, penurunan dalam kadar tukaran Mata Wang Asing berkadar dengan mata wang pilihan anda akan mengurangkan (malah menghapuskan) pulangan atau perolehan anda atas simpanan Mata Wang Asing;

(b) bahawa mana-mana dana yang dikredit atau didebit dari Akaun mungkin berkurangan nilainya akibat cukai, susut nilai atau menjadi tidak tersedia akibat sekatan (yang timbul atas sebarang sebab) atas kebolehtukaran, kebolehpindahan, pengambilan, tindakan kerajaan, arahan, dekri dan peraturan, pindahan bukan sukarela, kekangan mana-mana peribadi, pengambilalihan kerajaan atau tentera atau rampasan kuasa, perang, persengketaan, tindakan mogok awam, kesatuan wang atau bursa, atau sebarang sebab lain di luar kawalan biasa Bank, dan Bank tidak mempunyai sebarang tanggungjawab atau liabiliti di atasnya;

(c) sebarang mata wang yang mana kewajipan bayaran Bank berdenominasi mungkin menjadi tidak tersedia akibat sekatan (yang timbul atas sebarang sebab) atas kebolehtukaran, kebolehpindahan, pengambilan, tindakan kerajaan, arahan, dekri dan peraturan, pindahan bukan sukarela, kekangan mana-mana peribadi, pengambilalihan kerajaan atau tentera atau rampasan kuasa, perang, persengketaan, tindakan mogok awam, kesatuan wang atau bursa, atau sebarang sebab lain di luar kawalan biasa Bank, dan Bank berhak untuk memenuhi kewajipan pembayarannya menggunakan mata wang lain pada kadar tukaran yang akan ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak.

12.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda atas sebab atau diakibatkan oleh (a) sebarang tindakan, ketinggalan atau kelewatan dari pihak penama atau agen atau sub-agen Bank atau Kustodian; dan (b) sebarang tindakan, ketinggalan, kelewatan atau pelaksanaan tidak wajar atau silap dari pihak penama atau agen atau sub-agen mana-mana syarikat pengurusan dana atau pemegang amanah atau pendaftar atau depository mereka atau agen depository atau sistem penjelasan atau mana-mana orang untuk berunding atau memulakan, melakukan atau melaksanakan arahan anda di bawah Perjanjian ini atau di bawah atau selaras dengan sebarang permohonan yang dibuat oleh anda kepada Bank (untuk membeli, menukar atau menjual mana-mana Dana atau Unit atau transaksi lain).

12.8 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk menjalankan mana-mana kewajipan di bawah terma dan syarat ini jika perbuatan tersebut akan menyebabkan berlakunya Pelanggan sebarang undang-undang, peraturan atau keperluan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa, sebagaimana yang ditentukan.

### 13. **Kaunterparti, Broker dan Agen**



- 13.1 Bank boleh melantik atau mengatur untuk mana-mana ahli Kumpulan OCBC atau mana-mana agen pilihannya untuk menjalankan Perkhidmatan (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang mana Bank bersetuju untuk menyediakan kepada Pelanggan di sini dengan terma dan syarat yang dianggap sesuai.
- 13.2 Kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Bank akan melaksanakan dagangan atau transaksi untuk Pelanggan hanya dengan kaunterparti atau melalui broker atau agen pilihan Bank (termasuk tanpa had kepada yang sebelum ini, mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC, walaupun mungkin timbul percanggahan kepentingan).
- 13.3 Kecuali dinyatakan oleh undang-undang mandatori, Bank dalam apa jua cara tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan dan/atau ketinggalan oleh mana-mana kaunterparti, broker atau agen dengan mana dagangan atau transaksi dilaksanakan. Terutamanya tetapi tanpa had, Pelanggan hendaklah menanggung risiko kebangkrutan atau insolvensi mana-mana kaunterparti, broker atau agen yang mana dagangan atau transaksi bagi Akaun Kekayaan Pelanggan telah dijalankan.
- 13.4 Bank boleh membayar kepada, atau menerima daripada, mana-mana kaunterparti, broker, agen atau mana-mana ahli Kumpulan OCBC, caj, komisen, yuran atau rebat (sebagaimana berkenaan) dalam sebarang bentuk berkaitan dengan (a) sebarang dagangan atau transaksi yang dilaksanakan bagi pihak Pelanggan atau (b) sebarang perlindungan yang dilaksanakan oleh Bank berkaitan dengan dagangan tersebut atau (c) perkhidmatan yang disediakan untuk Pelanggan atas kapasiti Bank sebagai prinsipal, pemegang amanah atau agen dan tanpa perlu bertanggungjawab kepada atau mendedahkan kepada Pelanggan sebarang keuntungan yang diperolehi oleh Bank.
- 13.5 Pelanggan memahami bahawa Bank mungkin menerima rebat daripada kaunterparti, broker, agen atau daripada ahli lain Kumpulan OCBC atas sebahagian daripada caj, komisen atau yuran berkaitan dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menyimpan rebat tersebut (atau perbezaan di antara sebarang caj, yuran atau komisen yang mungkin dikenakan oleh Bank kepada Pelanggan and yang perlu dibayar oleh Bank kepada launterparti, broker, agen atau ahli Kumpulan OCBC).
- 13.6 Bank boleh, atas budi bicara mutlak, bertindak sama ada sebagai agen atau principal kepada Pelanggan untuk akaunnya sendiri, atau untuk akaun mana-mana entiti lain yang mana Bank atau mana-mana orang di dalam Kumpulan OCBC mempunyai kepentingan, berkaitan dengan mana-mana Kontrak, sama ada Kontrak tersebut dilaksanakan atas Arahan Pelanggan atau sebaliknya, dan tidak perlu untuk memaklumkan Pelanggan mengenainya.
- 13.7 Pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk membeli daripada atau menjual kepada Pelanggan sebarang kontrak hadapan untuk (a) akaun Bank sendiri; (b) akaun mana-mana orang yang mana Bank mempunyai kaitan atau hubungan; atau (c) sebarang akaun yang mana Bank mempunyai kepentingan.
- 13.8 Bank mempunyai hak mutlak kepada semua pendapatan, keuntungan dan manfaat yang diperolehi daripada kontrak atau transaksi berkenaan, termasuk sebarang tebaran ke atas kontrak atau transaksi yang dimeterai bersama anda dan kontrak atau transaksi sepadan atau bersambungan yang dimeterai oleh bank dengan broker atau kaunterparti pihak ketiga.
- 13.9 Bank boleh melantik atau melibatkan agen pengenalan atau perujuk (termasuk tanpa had, mana-mana ahli Kumpulan OCBC, kakitangan, pegawai atau wakil Bank, Pelanggan Bank atau pihak ketiga yang tidak berkaitan) untuk memperkenalkan Pelanggan atau Pelanggan lain kepada Bank dan mungkin membayar yuran atau menyediakan pertimbangan lain kepada agen pengenalan atau perujuk sebagai balasan di atas pengenalan atau rujukan mereka.
- 14. Indemniti**
- 14.1 Anda hendaklah memberi indemniti kepada Bank, pegawai, kakitangan, penama dan agen Bank dengan segera atas dasar indemniti penuh daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, tindakan guaman, prosiding,



perintah, kerugian (langsung atau berbangkit), kerosakan, kos, yuran, penalti dan perbelanjaan (termasuk semua duti, cukai dan lain-lain levi dan yuran guaman atas dasar indemniti penuh) dan sebarang dan semua liabiliti lain dalam apa jua bentuk atau butiran yang timbul atas apa jua sebab yang mana Bank mungkin kekalkan atau tanggung (i) disebabkan oleh kegagalan anda atau ketidakmampuan untuk melakukan mana-mana kewajipan anda di bawah Perjanjian ini dan/atau (ii) berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan, perlakuan atau penguatkuasaan Perjanjian atau mana-mana perjanjian lain termasuk tanpa had:

- (a) pengendalian mana-mana Akaun Kekayaan, Portfolio Kekayaan, Akaun;
- (b) penyediaan mana-mana Perkhidmatan dan/atau Produk kepada anda oleh Bank;
- (c) pembatalan mana-mana transaksi atas sebab Bank tidak menerima dana daripada anda selaras dengan terma yang dipersetujui dengan Bank;
- (d) letakan instrumen deposit boleh niaga oleh anda dan sumber dana untuk letakan tersebut;
- (e) pelaburan dan/atau pengambilan oleh anda dan sumber dana untuk pelaburan dan/atau pengambilan;
- (f) dengan sebab pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan yang berkaitan dari mana-mana kerajaan atau agensi mana-mana negara, kos Bank untuk mengekalkan atau menyediakan Perkhidmatan atau sebarang pembiayaan di bawah ini telah meningkat atau sebarang faedah, bayaran atau pulangan telah berkurangan, diketepikan atau sebaliknya dialami oleh Bank;
- (g) atas sebab Bank sebagai bank kutipan bergantung kepada atau menjamin sebarang endorsmen atau pelepasan atas cek, bil, nota, draf atau instrumen lain yang diwakili oleh anda untuk kutipan, dan dalam semua keadaan, kebergantungan atau jaminan oleh Bank akan dianggap sebagai telah dilaksanakan atas permintaan yang dinyatakan oleh anda;
- (h) urusan Unit atau kustodi Unit atau sebarang perintah, permohonan, arahan atau transaksi yang dibuat atau dikatakan dibuat oleh anda atau sebarang penggunaan atau dikatakan penggunaan oleh anda perkhidmatan pelaburan unit amanah;
- (i) Bank mengambil, bergantung dan bertindak ke atas atau ketinggalan untuk bertindak atas mana-mana Arahan yang diberi atau dikatakan diberi oleh anda atau mana-mana orang yang dikatakan adalah peguam anda atau mana-mana pihak ketiga, tanpa mengambil kira keadaan semasa pada waktu Arahan atau bentuk arahan diberikan;
- (j) kegagalan anda untuk membayar atau membayar balik kepada Bank apabila diminta sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank (termasuk semua faedah terakru ke atasnya);
- (k) anda telah melanggar mana-mana satu atau lebih peruntukan Perjanjian;
- (l) perlindungan dan penguatkuasaan oleh Bank ke atas haknya (termasuk hak untuk menjual, menolak, mendapatkan semula bayaran atau menguatkuasakan prosiding) di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian dan/atau Produk, Perkhidmatan dan/atau Akaun;
- (m) sebarang pertikaian di antara mana-mana wakil peribadi Pelanggan yang meninggal dunia dan/atau benefisiari yang menuntut hak ke atas atau terhadap Akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (n) Sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding undang-undang yang dibuat, diterbitkan atau dimulakan terhadap Bank (i) yang mana anda tidak berjaya sepenuhnya atau (ii) oleh pihak ketiga yang dalam pertikaian dengan anda sama ada berkaitan dengan mana-mana Akaun Kekayaan, Akaun



Kekayaan Bersama atau mana-mana bahagian daripadanya atau mana-mana Produk atau Perkhidmatan oleh Bank;

- (o) Bank menggunakan sebarang sistem atau cara komunikasi atau penghantaran untuk melaksanakan arahan anda yang menyebabkan kerugian, kelewatan, penyelewengan atau penduaan arahan.

14.1 Indemniti ini tidak boleh dilepaskan atau dibatalkan di bawah sebarang keadaan dan akan berterusan sebagai perjanjian bebas tanpa digabungkan ke dalam mana-mana penghakiman yang mungkin Bank perolehi terhadap anda. Sijil atau pengesahan yang diterbitkan oleh Bank untuk sebarang kerugian, perbelanjaan, tuntutan atau kerosakan yang perlu dibayar selaras dengan Klausula ini, kecuali untuk sebarang kesilapan melampau, adalah muktamad dan konklusif dan mengikat ke atas anda.

#### 15. Indemniti Mata Wang

15.1 Jika sebarang jumlah perlu dibayar dari anda atau sebarang perintah atau penghakiman diberikan atau dibuat berkaitan dengan atau berhubung dengan Perjanjian perlu ditukar daripada mata wang yang perlu dibayar oleh anda ("mata wang akaun") kepada mata wang lain ("mata wang lain") untuk tujuan membuat atau memfailkan tuntutan atau bukti terhadap anda, mendapatkan perintah atau penghakiman di dalam mana-mana mahkamah atau tribunal lain atau menguatkuasakan sebarang perintah atau penghakiman yang diberi atau dibuat berkaitan dengan atau berhubung dengan Perjanjian, anda hendaklah sebagai hutang bebas berasingan, memberi indemniti dan tidak memudaratkan Bank daripada dan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung akibat daripada sebarang perbezaan di antara kadar tukaran yang digunakan untuk menukar jumlah yang berkenaan daripada mata wang akaun kepada mata wang lain dan kadar atau kadar tukaran yang mana Bank dalam urusan perniagaan biasanya selepas menerima jumlah dibayar berpuas hati, secara keseluruhan atau sebahagian untuk mana-mana perintah, penghakiman tuntutan atau bukti.

15.2 Penerimaan atau peroleh semula oleh Bank sebarang jumlah yang berkaitan dengan kewajipan anda di dalam Mata Wang Kontrak akan membentuk pelepasan hanya setakat yang Bank boleh, selaras dengan amalan biasa Bank untuk membeli Mata Wang Kontrak dengan mata wang yang diterima. Anda hendaklah memberi indemniti dan mengekalkan indemniti Bank berkaitan dengan sebarang kekurangan yang timbul daripadanya, yang akan membentuk kewajipan berasingan dan bebas di bawah Perjanjian.

#### 16. Tanggungjawab Pembayaran oleh Bank

16.1 Di mana sebarang mata wang yang melibatkan tanggungjawab pembayaran oleh Bank adalah berdenominasi yang kemudiannya menjadi tidak tersedia akibat sekatan sekatan atas kebolehtukaran, kebolehpindahan, pengambilan, tindakan kerajaan, arahan, dekri dan peraturan, pindahan bukan sukarela, kekangan mana-mana peribadi, pengambilalihan tentera atau rampasan kuasa, tindakan perang atau persengketaan awam, kesatuan wang atau bursa, atau sebab lain yang di luar kawalan Bank, Bank akan dianggap telah menyelesaikan kewajipan bayaran tersebut dengan membuat bayaran dalam mata wang lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

#### 17. Gabungan Akaun, Penolakan, Hak Jaminan

17.1 Sebagai tambahan kepada sebarang lien umum atau hak seumpamanya yang Bank mungkin berhak sama ada melalui pengendalian undang-undang, kontrak atau sebaliknya dan tanpa prejudis kepada mana-mana hak dan remedi Bank, Bank akan tanpa syarat dan pada setiap masa mempunyai hak yang berterusan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menggabungkan atau menyatukan, dengan memberi notis awal tujuh (7) hari kalendar kepada anda, semua, sebahagian atau mana-mana Akaun Kekayaan, Akaun Kekayaan Bersama dan semua Akaun lain sedia ada anda dengan Bank yang dibuka selaras dengan Perjanjian ini atau sebaliknya, atas nama anda sahaja atau yang mana anda memegangnya secara bersama dengan orang lain atau yang mana anda berhak sebagai berkepentingan, dan menolak atau memindahkan sebarang jumlah yang berada pada kredit dalam mana-mana satu atau lebih Akaun dengan Bank atau Kumpulan OCBC atau sebarang jumlah liabiliti atau kewajipan yang perlu diselesaikan oleh Bank kepada anda (sama ada matang atau tidak) dalam atau ke arah menyelesaikan mana-mana Liabiliti dan Keberhutangan anda kepada Bank yang timbul atas sebarang sebab sama ada Liabiliti dan Keberhutangan adalah dalam mata wang yang sama



seperti akaun atau tidak dan sama ada Liabiliti dan Keberhutangan adalah semasa, masa hadapan, sebenar, matang, ketara, utama, kolateral atau bersama. Jika terdapat sebarang kekurangan selepas penolakan, anda akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang kekurangan tersebut, termasuk faedah ke atasnya pada kadar yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Jika mana-mana Liabiliti dan Keberhutangan tidak dapat dipastikan dengan tepat, Bank boleh dengan penuh percaya menganggarkan Liabiliti dan Keberhutangan tersebut dan membuat penolakan berdasarkan anggaran tersebut.

- 17.2 Untuk Akaun Kekayaan Bersama dan lain-lain akaun dalam nama bersama, Bank boleh menolak Liabiliti dan Keberhutangan mana-mana Pemegang Akaun Kekayaan Bersama atau mana-mana pemegang bersama Akaun yang lain dengan Bank, sama ada Liabiliti dan Keberhutangan adalah dalam mata wang yang sama seperti akaun atau tidak dan sama ada Liabiliti dan Keberhutangan adalah semasa, masa hadapan, sebenar, matang, ketara, utama, kolateral atau bersama dan sama ada sebagai peminjam, penjamin atau sebaliknya terhadap baki kredit di dalam Akaun Kekayaan atau pemegang bersama Akaun yang lain. Di mana jumlah tersebut telah ditanggung oleh hanya satu atau beberapa tetapi bukan semua Pemegang Akaun Kekayaan Bersama atau Akaun bersama yang lain, hak Bank juga diperluaskan kepada baki kredit yang mana semua Pemegang Akaun Kekayaan Bersama atau pemegang bersama Akaun yang lain berhak secara persendirian atau bersama.
- 17.3 Tanpa prejudis kepada Klausula 17.1 dan 17.2 di atas, semua jumlah yang berada pada kredit dalam Akaun Kekayaan dan mana-mana Akaun hendaklah diambil sebagai tolakan segera untuk atau ke arah menyelesaikan Liabiliti dan Keberhutangan (sama ada keseluruhan atau sebahagian) dalam mana-mana keadaan berikut:
- (a) anda gagal membayar balik apabila diminta sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank;
  - (b) anda telah dicabar dengan prosiding insolvensi atau tuntutan pihak ketiga atau prosiding undang-undang;
  - (c) anda telah meninggal dunia, mengalami tidak upaya, dibubarkan, bankrap atau di bawah penerimaan;
  - (d) Bank menerima perintah garnis atau sebarang perintah lain yang berkaitan dengan baki kredit dan simpanan di dalam mana-mana Akaun anda dengan Bank; atau
  - (e) anda telah melanggar mana-mana satu atau lebih peruntukan Perjanjian.
- 17.4 Untuk mengelakkan keraguan, sebarang baki kredit dalam Akaun anda termasuk Akaun dengan kumpulan OCBC mungkin turut digunakan untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang terhutang dan perlu dibayar berkaitan dengan Liabiliti anda. Bank diberi kebenaran untuk membeli dengan wang berkenaan mana-mana mata wang asing lain untuk menguatkuasakan permohonan menggunakan kadar tukaran pada tarikh penolakan.
- 17.5 Untuk tujuan Klausula 17 ini, Bank diberi kebenaran untuk menggunakan semua atau sebahagian baki kredit tersebut (pada kadar tukaran semasa yang diniagakan oleh Bank) mata wang lain sebagaimana perlu untuk melaksanakan permohonan, tertakluk sentiasa bahawa Bank tidak berada dibawah sebarang liabiliti kepada Pelanggan berkaitan mana-mana kerugian yang timbul daripada penukaran mana-mana jumlah daripada satu mata wang kepada yang lain atau turun naik di dalam kadar tukaran yang mana sebarang mata wang untuk tujuan ini telah ditukar kepada matawang lain.
- 17.6 Bank berhak dan dengan ini diberi kebenaran tidak boleh batal sebagai agen anda untuk mengambil langkah berkenaan (termasuk menjual) sebagaimana difikirkan wajar oleh Bank atas budi bicara mutlaknya untuk melepaskan atau sebaliknya merealisasikan dari semasa ke semasa semua aset dan harta dalam pegangan atau kawalan Bank dan pada kadar atau kadar-kadar yang ditentukan oleh Bank sama ada ianya dipegang untuk simpanan kustodi, margin atau sebaliknya dan sama ada selaras dengan Perjanjian atau sebaliknya untuk atau ke arah menjelaskan mana-mana Liabiliti dan Keberhutangan anda. Sekiranya hasil jualan tidak mencukupi, anda dengan ini akan bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank kekurangan tersebut.





**17.7** Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti (sama sebenar atau luar jangka utama atau kolateral, berasingan atau bersama) untuk atau atas permintaan Pelanggan, sebarang dana, wang, sekuriti atau lain-lain sandaran berharga yang disimpan dengan, dalam kustodi atau sebaliknya di bawah kawalan Bank milik Pelanggan secara automatik akan menjadi jaminan kepada Bank; dan Bank akan memiliki lien jurubank ke atas semua dana, wang, sekuriti dan lain-lain sandaran berharga atau mana-mana bahagian daripadanya sehingga liabiliti telah dilepaskan. Bank tidak berada di bawah sebarang kewajipan untuk melaksanakan sebarang haknya di bawah Klausa ini.

**18. Perwakilan, Jaminan dan Akujanji**

**18.1** Hubungan Pelanggan dengan Bank, penyediaan Produk dan Perkhidmatan, pengendalian semua Akaun dan pelaksanaan semua Arahan adalah tertakluk setiap masa kepada semua Undang-undang dan Peraturan Yang Berkuatkuasa.

**18.2** Pelanggan dengan ini membuat perwakilan dan jaminan kepada Bank bahawa:

- (a) Pelanggan memiliki kuasa penuh, kebenaran dan kemampuan untuk memeterai Perjanjian ini dan sebarang Kontrak dan untuk melaksanakan dan menjalankan semua kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini dan Kontrak tersebut dan di mana wajar, beliau telah memperolehi dan mengambil semua kebenaran korporat dan lain-lain tindakan untuk melaksanakan dan menjalankan semua kewajipan di bawah Perjanjian ini dan Kontrak tersebut dan setiap daripada Perjanjian ini dan Kontrak tersebut membentuk kewajipan sah dan mengikat secara undang-undang ke atas Pelanggan selaras dengan terma-termanya;
- (b) Pelaksanaan serahan dan tindakan oleh Pelanggan ke atas kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini dan setiap Kontrak tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, arahan, garis panduan (sama ada tempatan atau sebaliknya) yang berkenaan, peraturan, pengawalan, undang-undang kecil dan amalan mana-mana Bursa, pasaran, Rumah Penjelasan atau depositori atau sebarang arahan, penghakiman, dikri, penentuan atau award daripada mana-mana mahkamah atau lain-lain pihak berkuasa perundangan, pentadbiran, berkanun atau kerajaan yang boleh dikenakan ke atas Pelanggan;
- (c) kemasukan dalam Perjanjian ini atau mana-mana Kontrak, dan pelaksanaan kewajipan di bawah Perjanjian ini dan Kontrak tersebut, oleh Pelanggan tidak membentuk sebarang pelanggaran, atau tetapan di bawah, sebarang perjanjian, arahan atau dokumen lain yang mana Pelanggan adalah satu pihak daripadanya atau penjamin atau yang mana Pelanggan atau mana-mana harta atau aset Pelanggan mungkin terjejas;
- (d) Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan berkaitan dengan Perjanjian (termasuk di mana berkenaan, setiap Kontrak) atau sebarang dokumentasi lain yang disediakan oleh Pelanggan kepada Bank, kewangan atau sebaliknya, adalah benar, lengkap dan tepat dalam semua aspek material dan kekal benar, lengkap dan tepat. Pelanggan juga berjanji untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera (dan dalam sebarang kejadian tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh perubahan) mengenai sebarang perubahan fakta atau keadaan yang mana mungkin menyebabkan maklumat yang dahulunya disediakan menjadi tidak tepat atau tidak benar dan seterusnya menyediakan sebarang maklumat atau dokumentasi sebagaimana yang mungkin diminta oleh Bank atas budi bicara mutlaknya untuk tujuan mengesahkan ketepatan maklumat yang dikemaskini.
- (e) tidak ada Peristiwa Keingkaran yang berlaku atau dengan perubahan masa atau memberi notis, atau kedua-duanya, telah berlaku atau masih berlaku atau akan berlaku selepas Pelanggan memeterai Perjanjian (termasuk, di mana berkenaan, setiap Kontrak);
- (f) Semua kebenaran, lesen, kelulusan atau pemberian kuasa, pengecualian daripada atau pendaftaran dengan semua pihak berkuasa undang-undang atau kerajaan yang diperlukan berkaitan dengan



atau untuk pelaksanaan kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini dan setiap Kontrak telah diperolehi, adalah dan akan sah dan wujud bagi tempoh di mana sebarang jumlah perlu dibayar daripada beliau kepada Bank;

- (g) tuntutan Bank terhadap Pelanggan, di bawah Perjanjian ini atau sebarang Kontrak, jika tanpa cagar, akan bertaraf sekurang-kurangnya *pari passu* dengan tuntutan ke atas semua pemiutang Pelanggan tanpa cagar dan bukan subordinat yang lain, kecuali bagi mereka yang tuntutannya lebih dipilih oleh sebarang kebangkrapan, insolvensi, pembubaran atau lain-lain penggunaan undang-undang serupa secara umum;
- (h) tuntutan Bank terhadap Pelanggan di bawah Perjanjian ini atau sebarang Kontrak (di mana tuntutan telah diperolehi) akan diberi keutamaan kepada tuntutan semua bebanan berikutnya, kecuali Bank bersetuju sebaliknya secara bertulis;
- (i) Pelanggan secara umumnya tertakluk kepada undang-undang sivil dan komersial dan kepada prosiding undang-undang, dan kedua-dua Pelanggan dan aset atau harta Pelanggan tidak berhak kepada sebarang imuniti atau keistimewaan daripada sebarang penolakan, tindakan guaman, penghakiman, pelaksanaan, lampiran atau lain-lain proses undang-undang;
- (j) Pelanggan tidak bankrap atau tidak solven secara kewangan dan tiada langkah sedang atau telah diambil untuk melantik pemegang amanah dalam kebangkrapan atau penerima atau pengurus perundangan atau pembubar ke atas aset Pelanggan;
- (k) tiada prosiding telah bermula atau dicabar, dan tiada perintah atau perakuan telah dibuat, terhadap Pelanggan untuk pembubaran, penggulangan atau kebangkrapan Pelanggan, atau untuk pelantikan pengurus perundangan, pentadbir, penerima atau pegawai seumpamanya untuk mentadbir mana-mana atau semua aset Pelanggan dan Pelanggan belum mengisytiharkan dirinya/mereka sebagai bankrap;
- (l) Pelanggan mempunyai pengetahuan dan pengalaman mencukupi untuk mampu menilai kelebihan dan risiko apabila memeterai setiap dagangan atau transaksi dan telah bertindak atas akaun beliau sendiri dan telah membuat keputusan bebas sendiri bagi Pelanggan untuk memeterai setiap dagangan atau transaksi bagi akaun Pelanggan sendiri dan menilai sama ada dagangan atau transaksi adalah wajar atau sesuai untuk Pelanggan berdasarkan pertimbangan Pelanggan sendiri atau selepas mendapatkan nasihat profesional yang diperolehi secara bebas daripada Bank (termasuk, di mana berkenaan, mengenai cukai dan perakaunan bagi setiap dagangan atau transaksi). Pelanggan telah bertindak berasingan dan bebas daripada sebarang pengaruh yang tidak diingini daripada mana-mana pihak, dan tidak bergantung kepada sebarang komunikasi (bertulis atau lisan) daripada Bank sebagai nasihat pelaburan atau saranan untuk memeterai mana-mana dagangan atau transaksi dan mampu mengandaikan risiko kerugian yang dikaitkan dengan dagangan atau transaksi tersebut; dan
- (m) apabila Pelanggan diperlukan untuk menyelesaikan dagangan atau transaksi secara serahan fizikal, maka serahan tersebut akan beroperasi sebagai perwakilan bahawa (a) Pelanggan adalah pemilik sah dan berkepentingan ke atas harta yang diserahkan bebas daripada semua lien, caj, ekuiti, hak pendahuluan atau kepentingan atau beban jaminan lain, dan (b) Pelanggan mempunyai hak untuk memindahkan harta tersebut atas terma Perjanjian ini.

Setiap perwakilan dan jaminan sebelum ini akan kekal dan berterusan untuk dikuat kuasakan sepenuhnya dan terpakai sepanjang tempoh Perjanjian ini dan akan diulangi oleh Pelanggan pada setiap hari sepanjang tempoh Perjanjian ini.

### 18.3 Pelanggan mengakujajji:



- (a) untuk mengakui dan mengesahkan semua tindakan yang dilakukan atau disebabkan untuk dilakukan bagi pihak Pelanggan berdasarkan Perjanjian dan setiap Kontrak;
- (b) untuk mendapatkan kelulusan dan kebenaran yang dikehendaki dan melakukan pemfailan yang diperlukan untuk melaksanakan kewajipan beliau dengan sah di bawah Perjanjian dan setiap Kontrak;
- (c) untuk segera memberitahu Bank tentang kejadian mana-mana Peristiwa Keingkaran, yang berlaku atau, dengan peredaran masa, dengan memberi notis akan, membentuk Peristiwa Keingkaran; dan
- (d) sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau permohonan daripada pihak berkuasa perundangan, cukai atau lain-lain agensi kerajaan dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang kompeten, Pelanggan bersetuju untuk menyediakan kepada Bank semua maklumat dan dokumentasi yang diperlukan untuk memenuhi pertanyaan atau permohonan tersebut.

## 19. Margin, Kolateral Dan Cagaran

19.1 Bank boleh dari semasa ke semasa meminta Pelanggan atau Penyedia Jaminan, dan Pelanggan bersetuju (dan akan mendapatkan mana-mana Penyedia Jaminan supaya bersetuju), untuk:

- (a) menyediakan cagaran atau Kolateral ( atau kedua-duanya) dalam bentuk yang mungkin diperlukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlak; atau
- (b) mengekalkan Margin tersebut (atau untuk menyimpan dengan Bank sejumlah wang, aset lain atau cagaran tambahan sebagai mana yang mungkin dinyatakan oleh Bank untuk mengekalkan margin tersebut) sebagaimana Bank atas budi bicara mutlaknya mempertimbangkan kesesuaian cagaran untuk semua liabiliti semasa dan akan datang Pelanggan kepada Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada mana-mana Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan berkaitan dengan sebarang dagangan atau transaksi yang dimeterai dengan atau untuk Pelanggan atau untuk Akaun Kekayaan dan/atau Portfolio Kekayaan Pelanggan).

19.2 Untuk tujuan sebelum ini, Pelanggan seterusnya bersetuju, apabila diminta oleh Bank, untuk melaksanakan atau menyediakan, untuk mendapatkan pelaksanaan atau penyediaan oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai Penyedia Jaminan untuk Pelanggan, Dokumen Jaminan (termasuk sebarang tindakan atau lain-lain borang dan notis) sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa dan Pelanggan akan, atas perbelanjaan Pelanggan sendiri, melaksanakan dan melakukan atau mendapatkan pelaksanaan dan dilakukan oleh orang yang dirujuk di atas mengenainya, semua jaminan, tindakan dan perkara yang mungkin Bank perlukan untuk menyempurnakan atau melindungi sebarang cagaran yang diberikan oleh Pelanggan atau orang berkenaan yang berpihak kepada Bank atau mana-mana penamanya, atau untuk memudahkan penguatkuasaan dan merealisasikan cagaran tersebut.

19.3 Sebagai tambahan, Pelanggan mengakujaji untuk (dan mendapatkan mana-mana Penyedia Jaminan untuk:

- (a) berkaitan Kolateral, terdiri daripada sekuriti tanpa skrip, membuka akaun kustodi / sub-akaun mengikut cara yang dikehendaki oleh Bank dan memindahkan semua sekuriti sedemikian yang disenaraikan di Bursa yang berkaitan kepada sub-akaun tersebut;
- (b) melaksanakan sebarang pemindahan atau bentuk dan notis lain yang mungkin diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa yang memihak kepada Bank atau pihak lain yang mungkin Bank mungkin, dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya mengarah atau menamakan dan menghantar sijil-sijil berkaitan kepada mana-mana Kolateral kepada Bank atau kepada penamanya; dan
- (c) dari semasa ke semasa apabila diperlukan oleh Bank, melaksanakan surat kebenaran berkaitan penyumberan luar oleh Bank bagi aktiviti agen depositorinya dan perlantikan sub-kustodian.



- 19.4 Kecuali dengan kebenaran bertulis dari Bank, cagaran, Kolateral atau Margin yang disediakan tidak boleh dikeluarkan, dijual, disandarkan, dipindahkan, dicajkan, dilupuskan atau sebaliknya diuruskan sehingga semua jumlah terhutang oleh Pelanggan kepada Bank telah diselesaikan atau dibayar sepenuhnya.
- 19.5 Sebarang Kolateral yang diberikan kepada Bank hendaklah menjadi cagaran berterusan tanpa mengambil kira sebarang bayaran sementara atau penyelesaian akaun, untuk pembayaran semua jumlah dan menyelesaikan Liabiliti (termasuk semua liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan selaras dengan Perjanjian ini) dan Keberhutangan dan ia adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada mana-mana cagaran yang mungkin dipegang oleh Bank selepas ini. Sekiranya Pelanggan ingkar di bawah mana-mana kemudahan kredit yang diberikan oleh Bank, Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) menguatkuasakan haknya ke atas mana-mana satu atau gabungan semua Kolateral yang disediakan berkaitan dengan Perjanjian ini tanpa perlu merujuk seterusnya kepada Pelanggan.
- 19.6 Nilai Kolateral yang dianggap untuk setiap item Kolateral yang disediakan akan dikira sebagai peratusan daripada nilai pasarannya. Peratusan dan nilai pasaran akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh bank atas budi bicara mutlakannya. Penentuan kecukupan dan kebolehterimaan Kolateral pada setiap masa adalah atas budi bicara Bank dan Bank boleh, atas budi bicara mutlakannya menetapkan Nilai Kolateral sifar untuk mana-mana item Kolateral.
- 19.7 Bank boleh menetapkan dari semasa ke semasa tahap Margin yang akan ditentukan sebelum Kemudahan boleh digunakan dan hendaklah dikekalkan sepanjang penggunaan atau kesediaan Kemudahan, kegagalan berbuat demikian Bank mungkin meminta penambahan Kolateral atau pembayaran kewajipan. Bank juga boleh menetapkan Margin jika ia melebihi, ia akan melayakkan Bank untuk menutup atau mencairkan kedudukan dan Kontrak. Tahap Margin ini mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlakannya.
- 19.8 Penentuan sama ada Pelanggan mematuhi Margin yang ditetapkan oleh Bank pada setiap masa adalah atas budi bicara Bank. Jika pada bila-bila masa Bank berpendapat Nilai Kolateral tidak mencukupi untuk mematuhi mana-mana Margin yang ditetapkan oleh Bank (sama ada terhutang pada nilai pasaran semasa Kolateral atau sebaliknya) Bank akan berhak untuk mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan berikut tanpa prejudis dan sebagai tambahan kepada semua hak kuasa dan remedi lain Bank:
- i. menukar, selepas memaklumkan kepada Pelanggan, sebarang Kemudahan atau pinjaman yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan daripada mata wang dasar yang dipersetujui awalnya di antara Bank dan Pelanggan kepada matawang lain;
  - ii. menyemak, mengurangkan, menstruktur semula dan/atau membatalkan mana-mana atau semua Kemudahan atau sebahagian daripadanya sebagaimana dianggap sesuai atas budi bicara Bank;
  - iii. memegang atau tidak membenarkan sebarang pembayaran atau pengeluaran mana-mana Kemudahan sebagaimana dianggap sesuai atas budi bicara Bank;
  - iv. merealisasi dan menolak Kolateral berbanding Liabiliti Pelanggan kepada Bank;
  - v. memaklumkan kepada Pelanggan untuk menyediakan Kolateral tambahan yang boleh diterima kepada Bank atau untuk membayar balik bahagian tunggakan kewajipan kepada Bank dalam tempoh berkenaan sebagaimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan Pelanggan akan, selepas menerima makluman menyediakan Kolateral tambahan atau membuat pembayaran agar selepas penambahan atau pembayaran, syarat Margin yang dinyatakan telah dipatuhi. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan masih perlu menyediakan dan mengekalkan kolateral tambahan tersebut atau untuk membuat pembayaran tersebut walaupun jika nilai pasaran Kolateral kemudiannya meningkat dan memihak kepada Pelanggan;
  - vi. melaksanakan semua atau mana-mana satu hak yang ia mungkin ada di bawah Klausula 25 di bawah walaupun peristiwa keingkaran telah berlaku; dan



vii. melaksanakan sebarang langkah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

19.9 Pelanggan bersetuju untuk membayar faedah pada kadar yang ditentukan oleh Bank (a) atas semua kekurangan dalam Kolateral yang timbul atas sebarang sebab (iaitu apabila Kolateral jatuh di bawah paras Margin yang ditetapkan) termasuk pelarasan mana-mana syarat Margin oleh Bank sama ada permintaan telah dibuat oleh Bank atau tidak untuk mendapatkan Kolateral tambahan bagi mencukupkan sebarang kekurangan; atau (b) atas sebarang baki defisit di dalam Akaun berhubung sebarang rugi yang direalisasikan.

19.10 Untuk mengelakkan keraguan, dimana kemudahan diberikan oleh Bank kepada pelanggan, terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan dan Dokumen Jaminan akan berkuatkuasa berhubung kewajipan Pelanggan ke atas Kemudahan tersebut.

## 20. Cagaran Seterusnya

20.1 Tiada perwakilan dibuat oleh Bank kepada Pelanggan atau mana-mana Penyedia Jaminan bahawa Bank akan mendapatkan jaminan daripada mana-mana penjamin lain atau bahawa Bank akan mendapatkan cagaran untuk liabiliti Pelanggan atau mana-mana Penyedia Jaminan yang lain. Kegagalan untuk mendapatkan cagaran atau jaminan tambahan (walaupun jika Bank berhasrat untuk mendapatkannya) atau pelepasan atau penyelesaian sebarang jaminan atau cagaran (atau kedua-duanya) tidak akan melepaskan mana-mana Penyedia Jaminan daripada liabiliti di bawah ini atau melepaskan mana-mana cagaran yang disediakan oleh Penyedia Jaminan.

## 21. Penamatan

21.1 Bank boleh pada bila-bila masa selepas memberi notis bertulis empat belas (14) hari (atau sebarang tempoh yang ditentukan oleh Bank) untuk menamatkan mana-mana satu atau lebih yang berikut:

- (a) mana-mana Akaun Kekayaan atau Akaun Kekayaan Bersama;
- (b) mana Portfolio Kekayaan;
- (c) mana-mana MCCA atau MCTD;
- (d) mana-mana atau penyediaan mana-mana Produk, Perkhidmatan dan Kontrak; dan
- (e) sebarang hubungan berkontrak dengan anda.

Bank boleh pada bila-bila masa menamatkan salah satu atau lebih yang di atas dengan memberikan anda notis bertulis dengan bilangan hari berkenaan seperti disediakan pada klausa berkaitan dalam mana-mana Bahagian Perjanjian ini atau jika tidak ada tempoh notis disediakan dalam Perjanjian ini, maka tempoh tersebut boleh ditetapkan oleh Bank di dalam notis berkenaan selepas mana-mana yang berikut (i) berlaku peristiwa keingkaran atau (ii) apabila Portfolio Kekayaan telah tidak aktif untuk satu tempoh yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, atau (iii) Berlaku kejadian yang memberikan hak kepada Bank untuk menamatkan sebagaimana disediakan pada mana-mana klausa dalam mana-mana Bahagian Perjanjian ini.

21.2 Anda bersetuju bahawa:

- (a) Penamatan Akaun Kekayaan akan menyebabkan penamatan semua Portfolio Kekayaan yang terdapat di bawah Akaun Kekayaan.
- (b) Penamatan Portfolio Kekayaan akan menyebabkan penamatan MCCA dan Perkhidmatan yang mengawal selia Produk dan Kontrak yang terkandung terdapat di dalam Portfolio Kekayaan tersebut. MCCA adalah komponen mandatori Portfolio Kekayaan, oleh itu MCCA tidak boleh ditamatkan sekiranya Portfolio Kekayaan masih dikekalkan dengan Bank.



- (c) Di mana sebarang Kemudahan telah diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan disandarkan kepada aset Pelanggan termasuk Produk dan Kontrak di dalam Portfolio Kekayaan, tunai di dalam MCCA dan, di mana berkenaan, simpanan dalam MCTD, penamatan Portfolio Kekayaan dan Akaun Kekayaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Surat Kemudahan dan Dokumen Jaminan. Surat Kemudahan dan Dokumen Jaminan akan berkuatkuasa atas perkara yang memberi kesan kepada Kemudahan termasuk aset Pelanggan di dalam Portfolio Kekayaan yang dicaj, digadai janji, diserahkan, disandar atau sebaliknya dicagar yang memihak kepada Bank sebagai Kolateral untuk Kemudahan.

21.3 Penamatan di bawah perjanjian atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melepaskan atau menjejaskan Liabiliti dan Keberhutangan terakhir sebelum tarikh penamatan tersebut dan hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana tunggakan Kontrak semasa tarikh penamatan. Kuasa Bank atau kuasa mana-mana penamanya atau agen untuk menguruskan penyelesaian atau penutupan mana-mana tunggakan Kontrak tidak akan terjejas olehnya.

21.4 Berkaitan dengan penamatan MCCA dan/atau MCTD, Bank akan mempunyai pelepasan penuh ke atas liabilitinya berhubung dengan MCCA dan/atau MCTD, dengan membayar kepada Pelanggan dalam bentuk yang akan ditetapkan oleh Bank, jumlah baki kredit semasa dalam MCCA dan/atau MCTD dengan syarat sebelum bayaran dibuat, Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan kepada Bank hendaklah ditolak lebih dahulu daripada jumlah yang perlu dibayar, selepas memberi notis 7 hari kalendar kepada Pelanggan. Bayaran yang dinyatakan sebelum ini oleh Bank kepada Pelanggan akan membentuk pelepasan dan penyelesaian sah, penuh dan berkuat kuasa berhubung kewajipan Bank kepada Pelanggan.

21.5 Berkaitan dengan penamatan Portfolio Kekayaan:

Sekiranya Pelanggan menamatkan semua Akaun, Produk dan Perkhidmatan beliau dengan Bank

(a) Pelanggan hendaklah menguruskan pindahan Unit atau Dana sedia ada dalam Portfolio Kekayaan, jika ada, daripada Kustodian kepada Pelanggan atau kepada agen atau wakil sah Pelanggan sebelum tarikh penamatan. Jika Pelanggan gagal untuk melengkapkan pengaturan tersebut, Bank boleh (dengan kos kepada Pelanggan) untuk memindahkan atau menebus Unit atau Bon yang dipegang dengan cara yang dianggap sesuai oleh Bank dan Bank diberi kebenaran tidak boleh ubah untuk memberi arahan kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan untuk melaksanakan dokumen dan melakukan semua perkara lain yang difikirkan wajar oleh Bank atas budi bicara mutlakannya, tanpa sebarang liabiliti untuk sebarang dan semua bentuk kos, perbelanjaan, kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan membayar hasil direalisasi kepada Pelanggan. Jika atas sebarang sebab Pengurus atau Dana mengarahkan Kustodian atau Bank untuk melepaskan pegangan, memindahkan atau sebaliknya melupuskan mana-mana Unit atau mana-mana Dana pelaburan selaras dengan terma dan syarat yang mengawal selia pengendalian Dana berkenaan, Bank akan mendapatkan arahan Pelanggan untuk perkara tersebut dan jika tiada arahan diterima dalam tempoh yang dinyatakan oleh Bank, maka Bank akan (dan diberi kebenaran tanpa batal oleh Pelanggan) mendapatkan Kustodian bagi menebus atau memindahkan Unit atau pelaburan Dana berkenaan. Jika Unit telah ditebus, Bank akan mengkredit hasilnya ke dalam MCCA yang akan dikendalikan selaras dengan sub-klausula 21.4. Jika MCCA telah ditutup atas sebarang sebab sebelum Bank menerima hasil, Bank akan membayar hasil berkenaan kepada Pelanggan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Bank.

(b) Pelanggan hendaklah memberi kepada Bank dengan segera, Arahan yang berkaitan dengan pemindahan dan penyerahan Sekuriti yang dipegang oleh Bank, jika ada, kepada akaun Pelanggan dengan pihak ketiga, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk menjual atau melupuskan mana-mana atau semua Sekuriti tersebut dengan apa jua cara dan atas terma yang difikirkan wajar oleh Bank. Selepas itu, Bank diberi kebenaran untuk menggunakan hasil yang direalisasi daripada mana-mana dan setiap jualan dan pelupusan untuk (i) menyelesaikan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penjualan dan pelupusan yang tersebut; dan (ii) menyimpan dan menggunakan lebihan dalam bayaran semua wang perlu dibayar atau belum dibayar atau yang akan menjadi perlu dibayar atau belum dibayar kepada Bank; dan (iii) setakat berkaitan dengan hasil yang diperolehi



daripada jualan dan pelupusan tersebut mungkin mempunyai lebih selepas menolak apa yang diperlukan untuk (i) dan (ii) di atas. Maka lebih berkenaan (jumlah yang jika ditentukan penuh percaya oleh Bank akan menjadi konklusif kepada Pelanggan) akan dibayar ke dalam MCCA dan dikendalikan selaras dengan sub-klausa 21.4 di atas. Jika MCCA telah ditutup atas sebarang sebab sebelum Bank menerima bayaran hasil berkenaan, Bank akan membayar lebih yang disebut dalam (iii) di atas kepada Pelanggan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Bank. Bank juga berhak untuk melaksanakan had terdahulunya serta-merta, jika Bank tidak dapat memaklumkan Pelanggan (atas sebarang sebab) mengenai hasrat Bank untuk menamatkan, atau penamatan oleh Bank, Akaun Kekayaan atau Portfolio Kekayaan atau penyediaan Produk atau Perkhidmatan kepada Pelanggan, sebarang Kontrak dan/atau hubungan berkontrak dengan Pelanggan, dan Bank telah membuat penentuan penuh percaya bahawa pelaksanaan hak berkenaan adalah wajar untuk mengurangkan sebarang potensi kerugian yang mungkin ia alami.

- (c) Di mana berkenaan, kewajipan Bank untuk menjaga atau sebaliknya berkaitan Sekuriti dengan ini akan luput dan Pelanggan bersetuju untuk menanggung risiko yang timbul daripada penyimpanan berterusan Sekuriti oleh Bank dan tertakluk kepada hak yang diberikan ke atas Bank di bawah Perjanjian.
- (d) Tertakluk kepada pembayaran penuh semua Liabiliti dan Keberhutangan di bawah Perjanjian kepada Bank atau sebaliknya, Bank akan menyerahkan, atau mendapatkan penyerahan semua dokumen berkaitan dengan Sekuriti dan yang mana berada dalam kustodi Bank kepada Pelanggan dan/atau agen beliau sepertimana diarahkan secara bertulis kepada Bank.
- (e) Jika Pelanggan gagal membuat Penyerahan Sekuriti dalam tempoh empat belas (14) hari selepas notis serahan diberikan oleh Bank, Bank diberi kebenaran untuk melakukan yang berikut:
  - i. untuk menghantar mana-mana Sekuriti menggunakan mel berdaftar ke alamat terakhir yang dimaklumkan secara bertulis oleh Pelanggan (atau sebarang cara dan/atau kaedah lain yang diterima oleh Bank dari semasa ke semasa); atau
  - ii. untuk menjual atau melupuskan dengan cara atau menjual atau melupuskan sebagaimana difikirkan wajar semua atau mana-mana Sekuriti berdasarkan terma dan syarat sebagaimana difikirkan wajar oleh Bank, dan untuk menggunakan hasil daripada mana-mana penjualan atau pelupusan tersebut, selepas menolak perbelanjaan daripadanya, Bank boleh memegang hasil tersebut sebagai cagaran untuk Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan, atau atas pilihan Bank, menghantar cek bagi jumlah lebih menggunakan mel berdaftar ke alamat terakhir yang dimaklumkan secara bertulis oleh Pelanggan (atau sebarang cara dan/atau kaedah lain yang diterima oleh Bank dari semasa ke semasa).
- (f) Pelanggan mengesahkan bahawa ia adalah tanggungjawab beliau untuk melakukan serahan Sekuriti. Di mana Sekuriti atau cek seperti di atas dihantar kepada Pelanggan, risiko kehilangan, salah letak, penukaran, kemusnahan, kerosakan atau sebarang kerugian lain dan timbul dari apa juga cara hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- (g) Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menganggap semua Sekuriti sebagai sepiawai dengan lain-lain Sekuriti daripada penerbit, kelas dan denominasi yang sama dan Pelanggan akan menerima serahan Sekuriti daripada penerbit, kelas dan denominasi yang sama sebagai ganti Sekuriti yang disimpan oleh Pelanggan dengan Bank. Bank tidak bertanggungjawab untuk menyimpan atau menahan dalam simpanannya Sekuriti yang disimpan dalam kustodi untuk Pelanggan selagi Bank menyimpan dan memegang Sekuriti dalam bentuk atau sifat asal.
- (h) Pelaburan Berstruktur dan instrumen deposit boleh niaga sedia ada milik Pelanggan yang dibeli atau dimeterai sebelum penamatan Akaun kekayaan, akan terus berkuat kuasa sehingga setiap Kontrak untuk Pelaburan Berstruktur dan instrumen deposit boleh niaga berkenaan matang. Pelanggan akan memberi arahan dengan maklumat mengenai akaun simpanan beliau dengan mana-mana bank atau institusi kewangan lain di



Malaysia, yang mana sebarang kupon atau faedah atau hasil kematangan daripada Kontrak berkenaan akan dikreditkan kepadanya. Jika Pelanggan gagal untuk memberikan arahan tersebut, Bank akan dianggap telah melepaskan liabiliti penuh berkaitan pembayaran kupon atau faedah atau hasil kematangan tersebut di bawah Kontrak, dengan membayar kepada Pelanggan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Bank, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan kepada Bank hendaklah ditolak dahulu daripada jumlah perlu dibayar, selepas memberi notis 7 hari kalendar kepada Pelanggan. Bayaran seperti tersebut di atas oleh Bank kepada Pelanggan akan membentuk pelepasan dan penyelesaian tanggungjawab Bank yang sah, penuh dan berkuat kuasa kepada Pelanggan.

Jika Pelanggan menamatkan Akaun Kekayaan dan Portfolio Kekayaan tetapi masih mengekalkan Akaun, produk dan perkhidmatan lain dengan Bank

- (i) Pelanggan menerima bahawa berkuat kuasa dengan penamatan Akaun Kekayaan, Bank tidak lagi dapat menguruskan pembelian Pelanggan atau memeterai sebarang perjanjian untuk Produk dan Kontrak (termasuk Unit Amanah, Bon, urusan instrumen deposit tertentu, Pelaburan Berstruktur dan Produk Berstruktur lain) yang perlu dikekalkan dalam Portfolio Kekayaan di bawah Akaun Kekayaan.
- (j) Selepas penamatan Akaun Kekayaan, portfolio sedia ada Pelanggan seperti:
  - (i) Unit Amanah, Bon dan sekuriti akan terus dipegang dengan Kustodian tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal selia perkhidmatan kustodi;
  - (ii) Pelaburan Berstruktur dan instrumen deposit boleh niaga akan terus berkuat kuasa sehingga setiap Kontrak Pelaburan Berstruktur dan instrumen deposit boleh niaga berkenaan matang.

Sebarang kupon, dividen, pendapatan atau faedah atau hasil kematangan daripada Produk dan Kontrak tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan Harian milik Pelanggan.

21.6 Jika Pelanggan berhasrat untuk menamatkan dan menutup mana-mana Akaun Kekayaan, Pelanggan dikehendaki menyediakan arahan kepada Bank menggunakan cara yang diterima oleh Bank dari semasa ke semasa dan mematuhi prosedur yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa atau budi bicara mutlaknyanya, untuk tujuan penamatan dan penutupan yang betul bagi Akaun Kekayaan dan Portfolio Kekayaan, MCCA dan di mana berkenaan, MCTD, Produk, Perkhidmatan dan Kemudahan yang dirangkumi dalam Akaun Kekayaan. Selain itu, Pelanggan hendaklah mematuhi dengan dan tertakluk kepada peruntukan dalam sub-klausa 21.5 terdahulu berkaitan mana-mana Unit Amanah, Bon, Sekuriti, Pelaburan Berstruktur dan instrumen deposit boleh niaga di dalam Portfolio Kekayaan. Untuk mengelakkan keraguan, bagi Akaun Kekayaan Bersama yang dikendalikan dengan kuasa menandatangani tunggal, arahan daripada mana-mana satu Pemegang Akaun Kekayaan Bersama untuk menamatkan Akaun Kekayaan Bersama tersebut akan diterima oleh Bank, dan arahan tersebut akan mengikat ke atas Pemegang Akaun Kekayaan Bersama yang lain.

21.7 Jika berlaku penamatan:

- (a) sebarang jumlah yang perlu dibayar atau belum dibayar oleh Pelanggan, termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada yuran berkala atau sebarang jumlah lain yang perlu dibayar secara berkala dengan serta-merta akan menjadi perlu dibayar kepada Bank; dan
- (b) mana-mana cagaran yang dibuat yang memihak kepada Bank selaras dengan Perjanjian ini tidak akan dilepaskan dan diselesaikan sehingga Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan kepada Bank telah diselesaikan dan akan menjadi boleh dikuat kuasakan serta-merta jika Pelanggan gagal menyelesaikan Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan kepada Bank.

21.8 Sebarang pelepasan mana-mana cagaran oleh Bank adalah bersyarat apabila tiada cagaran atau bayaran kepada Bank cuba dielakkan atau dikurangkan berdasarkan mana-mana peruntukan atau enakmen berkaitan dengan kebangkrutan atau pembubaran sedang dikuat kuasakan dan bank akan berhak untuk menyimpan semua atau mana-mana cagaran sehingga tamat tempoh berkanun yang mana cagaran atau bayaran boleh dielakkan atau dikurangkan.





- 21.9 Bank akan berhak, jika mengikut budi bicara mutlaknya ia menganggap sesuai, untuk menyimpan mana-mana cagaran untuk tempoh sehingga tujuh (7) bulan selepas liabiliti anda telah diselesaikan sepenuhnya dan terus menyimpan cagaran tersebut jika dalam tempoh tujuh (7) bulan tersebut mana-mana orang membuat bayaran kepada Bank dengan tujuan untuk menyelesaikan liabiliti anda mempunyai petisyen kebangkrapan atau petisyen penggulungan telah dikenakan terhadap beliau atau ia.
- 21.10 Kecuali terdapat mana-mana peruntukan spesifik yang menyatakan sebaliknya, jika berlaku kejadian kematian atau ketidakupayaan, pembubaran, penerimaan atau pentadbiran ke atas Pelanggan, Perjanjian ini atau sebarang perjanjian lain di antara Pelanggan dan Bank akan kekal berkuat kuasa sehingga ia ditamatkan selaras dengan terma-terma Perjanjian ini atau sebarang perjanjian lain dengan pelaksanaan undang-undang.
- 21.11 Tanpa mengambil kira Klausula 21 ini, jika terma spesifik yang diguna pakai untuk Perkhidmatan atau Produk berkenaan mengandungi peruntukan penamatannya sendiri, termasuk tempoh notis yang diperlukan, maka terma spesifik tersebut akan diguna pakai ke atas Klausula 21 ini jika ia tidak konsisten atau terdapat percanggahan.

## 22. **Pengecualian**

- 22.1 Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh Bank atau mana-mana kakitangannya dalam melaksanakan atau menguatkuasakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau pilihan tidak akan dianggap sebagai memberi pengecualian daripadanya atau had, prejudis atau menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau pilihan lain terhadap Pelanggan atau menyebabkan Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, atau kerosakan yang timbul daripadanya. Tidak ada satu atau sebahagian daripada pelaksanaan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau pilihan Bank akan menghalang mana-mana pelaksanaan lain atau selanjutnya daripada ini atau pelaksanaan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau pilihan lain oleh Bank.
- 22.2 Hak dan remedi Bank adalah terkumpul dan tidak menyeluruh terhadap sebarang hak atau remedi yang mungkin dimiliki oleh Bank.

## 23. **Keberasingan**

- 23.1 Setiap peruntukan dalam setiap Bahagian Perjanjian adalah berasingan dan tersendiri daripada yang lain dan jika pada bila-bila masa mana-mana satu atau lebih peruntukan tersebut menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka kesahan, kesahihan dan kebolehkkuatkuasaan peruntukan selebihnya tidak akan terjejas atau berkurangan olehnya.
- 23.2 Jika terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan, sama ada sekarang atau di masa hadapan, di antara satu atau lebih peruntukan di dalam Perjanjian dan mana-mana statut, peraturan, undang-undang, amalan, perlembagaan, adat, penggunaan, ketetapan atau tafsiran, peruntukan Perjanjian yang terjejas akan dianggap telah diubah atau digantikan sebagaimana perlu dan semua peruntukan Perjanjian dan peruntukan yang diubah akan berkuat kuasa penuh dan dilaksanakan dalam semua perkara, dan tidak akan menjejaskan atau mengurangkan yang selainnya.

## 24. **Force Majeure**

- 24.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan kepada Pelanggan untuk:
- (a) kelewatan atau kegagalan pelaksanaan, sama ada dijangka atau tidak; dan/atau
  - (b) sebarang kerugian, perbelanjaan atau kerosakan yang timbul atas sebarang sebab, sama ada dijangka atau tidak,
- disebabkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh sebarang keadaan atau punca yang bukan di bawah kawalan wajar Bank.



- 24.2 Tanpa prejudis kepada keumuman klausa terdahulu, yang berikut akan dikira sebagai keadaan dan/atau punca yang di luar kawalan Bank: (a) banjir, kilat, bencana alam, kebakaran, gempa bumi dan bencana alam yang lain (b) mogok, gangguan buruh, sekatan masuk, kekurangan bahan, rusuhan, tindakan perang (c) akta, sekatan, peraturan, undang-undang kecil, larangan atau sebarang jenis langkah di pihak mana-mana parlimen pemerintahan atau pihak berkuasa tempatan atau mana-mana peraturan kerajaan yang dikenakan selepas fakta berkenaan (d) peraturan atau embargo import atau eksport (e) kegagalan kuasa (f) tindakan atau keingkaran mana-mana pengendali rangkaian telekomunikasi (g) keadaan di mana talian komunikasi untuk sistem komputer Bank tidak dapat digunakan atas sebab-sebab yang bukan berpunca dari Bank (termasuk tanpa had yang disebabkan oleh pembawa telekomunikasi pihak ketiga).
- 24.3 Kewajipan Bank, setakat yang dijejaskan oleh keadaan atau punca yang di luar kawalan wajar Bank, akan digantung semasa berlaku sebarang kelewatan atau kegagalan pelaksanaan berterusan yang disebabkan olehnya dan kegagalan dan kelewatan tersebut tidak akan menjadi pelanggaran Perjanjian.

## 25. Peristiwa Keingkaran

**25.1** Berlakunya mana-mana kejadian berikut akan membentuk Peristiwa Keingkaran oleh Pelanggan berkaitan tanggungjawab Pelanggan yang berkaitan dengan mana-mana Akaun, Produk dan Perkhidmatan:

- (a) Pelanggan gagal membayar sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini atau di bawah sebarang Kontrak pada masa, dalam mata wang dan cara yang ditetapkan oleh Bank;
- (b) Pelanggan gagal mengekalkan nilai mana-mana Kolateral atau gagal menyediakan Kolateral tambahan jika diminta oleh Bank untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa; t
- (c) Pelanggan gagal mematuhi mana-mana syarat atau melaksanakan mana-mana kewajipan dalam Perjanjian ini atau mana-mana Kontrak dan keingkaran tersebut berterusan dan kekal tidak diperbetulkan selepas tiga (3) Hari Perniagaan notis bertulis diberikan oleh Bank kepada Pelanggan untuk memperbetulkannya. Terutamanya, Peristiwa Keingkaran akan dianggap telah berlaku jika Pelanggan gagal untuk menyerahkan atau menerima serahan (apabila perlu dilakukan) mana-mana Cagaran dan keingkaran tersebut berterusan selama tiga (3) Hari Perniagaan selepas Bank menghantar notis bertulis kepada Pelanggan;
- (d) peristiwa keingkaran (sebagaimana dihuraikan) telah berlaku di bawah mana-mana perjanjian, debentur, gadai janji atau instrumen yang menyebabkan mana-mana liabiliti atau keberhutangan Pelanggan menjadi atau diisytiharkan atau boleh diisytiharkan perlu dibayar dan belum dibayar sebelum tarikh bayaran dinyatakan atau jika Pelanggan gagal membayar sebarang jumlah di bawah mana-mana pengaturan berkenaan apabila perlu dibayar atau diminta;
- (e) Pelanggan melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan berkaitan (sama ada tempatan atau sebaliknya), undang-undang, peraturan undang-undang kecil dan amalan mana-mana Bursa berkaitan, pasaran, Rumah Penjelasan atau depository;
- (f) sebarang perwakilan yang dibuat atau diulang atau diambil seperti yang dibuat oleh Pelanggan terkandung di sini, di dalam mana-mana Surat Kemudahan, di dalam mana-mana Kontrak atau di dalam mana-mana dokumen atau perjanjian lain dengan Bank terbukti palsu, atau yang sama telah dibuat pada tarikh kemudian dengan rujukan kepada keadaan yang kemudiannya wujud akan menjadi tidak betul atau mengelirukan dalam apa jua aspek pada tarikh kemudiannya;
- (g) mana-mana peruntukan Perjanjian ini, mana-mana Surat Kemudahan, mana-mana Kontrak atau apa-apa jaminan yang disediakan berkenaan dengan Kemudahan atau Kontrak tersebut adalah atau menjadi atau dianggap atas sebarang sebab sekalipun tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan;



- (h) semua atau sebahagian besar aset atau perniagaan Pelanggan telah dipindahkan atau sebaliknya dilupuskan, atau dicabar untuk dipindahkan atau sebaliknya dilupuskan, oleh Pelanggan atau disita, dinegarakan, dirampas atau diambil alih secara paksa oleh mana-mana kerajaan atau agensi;
- (i) jika Pelanggan tidak solven atau tidak dapat membayar hutang Pelanggan apabila ia perlu dibayar atau jika Pelanggan mengugut untuk menghentikan atau memberhentikan atau menggantung bayaran semua atau sebahagian penting hutang Pelanggan, memulakan rundingan atau mengambil langkah seterusnya dengan hasrat untuk menangguh, menjadual semula atau mengatur semula semua atau mana-mana bahagian keberhutangan Pelanggan atau membuat atau bercadang untuk membuat penyerahan hak atau komposisi am untuk faedah pemiutang Pelanggan atau moratorium telah diisytiharkan berkenaan dengan semua atau sebahagian besar semua keberhutangan Pelanggan;
- (j) permulaan, pembentangan, pemfailan atau institusi melalui petisyen, permohonan, perintah pelepasan atau sebaliknya sebarang kebangkrapan, insolvensi, komposisi, pemansuhan, penyusunan semula, pengatutan, pembubaran atau peristiwa serupa lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau mana-mana penyedia Kolateral di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan;
- (k) lampiran, pengasingan, kesusahan, pelaksanaan atau proses undang-undang lain dikenakan, dikuatkuasakan atau dimulakan terhadap mana-mana aset Pelanggan, atau pentadbir, penerima, pengurus kehakiman, pemegang amanah dalam kebangkrapan, kustodian atau pegawai lain yang serupa telah dilantik (atau petisyen untuk pelantikan mana-mana orang tersebut telah dikemukakan) berkaitan dengan Pelanggan atau mana-mana aset Pelanggan;
- (l) jika Pelanggan (untuk individu) telah meninggal dunia, bankrap atau hilang keupayaan;
- (m) Pelanggan didakwa dengan, disabitkan, atau di bawah penyiasatan oleh mana-mana mahkamah yang kompeten atau pihak berkuasa kerajaan dalam mana-mana bidang kuasa untuk sebarang kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan, kecuali kesalahan kecil trafik atau tempat letak kereta;
- (n) sebarang prosiding undang-undang telah dimulakan terhadap Pelanggan yang pada pendapat Bank boleh menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini, Surat Kemudahan, Dokumen Jaminan, mana-mana Kontrak atau sebarang perjanjian lain dengan Bank;
- (o) sebarang kejadian berlaku, yang pada pendapat Bank, merupakan kesan buruk ketara yang menjejaskan keadaan kewangan atau pengendalian Pelanggan atau kesan buruk ketara yang menjejaskan keadaan kewangan atau perniagaan Pelanggan yang digabungkan;
- (p) terdapat perubahan pemilikan atau kawalan atau pengurusan Pelanggan yang, pada pendapat Bank, akan memberi kesan buruk ketara terhadap keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan kewajipannya di bawah Perjanjian ini, Surat Kemudahan, Dokumen Jaminan; mana-mana Kontrak atau sebarang perjanjian lain dengan Bank;
- (q) ia adalah atau akan menjadi menyalahi undang-undang bagi Pelanggan untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana satu atau lebih kewajipannya di bawah Perjanjian ini, Dokumen Jaminan, atau sebarang perjanjian lain dengan Bank;
- (r) pengenaan apa-apa sekatan pertukaran asing, peraturan kawalan pertukaran, moratorium atau larangan lain di bawah undang-undang atau peraturan mana-mana negara yang pada pendapat Bank berkemungkinan menghalang pembayaran sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank;



- (s) jika cagaran yang dihasilkan oleh mana-mana Dokumen Cagaran akan, pada pendapat Bank, berada dalam bahaya dan notis mengenainya telah diberikan kepada Pelanggan;
- (t) sebarang kejadian yang berlaku di bawah undang-undang mana-mana bidang kuasa yang berkaitan mempunyai kesan yang serupa atau setara dengan mana-mana peristiwa yang disebut dalam Klausu ini;
- (u) sebarang kejadian kemungkiran lain yang dipersetujui secara khusus antara Bank dan Pelanggan dan/atau dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan secara bertulis dari semasa ke semasa;
- (v) sebarang kejadian berlaku atau keadaan timbul yang mana Bank menentukan boleh memberikan alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan mungkin tidak dapat melaksanakan atau mematuhi mana-mana satu atau lebih kewajipan Pelanggan di bawah Perjanjian ini, Surat Kemudahan, Dokumen Jaminan, sebarang Kontrak atau sebarang perjanjian lain dengan Bank;
- (w) jika Bank dicegah atau dihalang atau ditangguhkan oleh sebab sebarang tindakan mana-mana negara atau agensi kerajaan atau di bawah mana-mana Undang-Undang dan Peraturan Terpakai yang menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang atau mustahil bagi Bank untuk melaksanakan kewajibannya;
- (x) apabila pelanggaran berlaku berhubung dengan Klausu 31.3A atau Klausu 31.3B; dan
- (y) jika mana-mana peristiwa di atas berlaku berkaitan dengan mana-mana penjamin bersama, penanggung bersama atau penjamin kewajipan Pelanggan di bawah ini.

25.2 Pada bila-bila masa jika Peristiwa Kemungkiran telah berlaku, Bank boleh memilih, mengikut budi bicara mutlaknya dan melalui notis menyatakan Peristiwa Keingkaran yang berkaitan dan mengisytiharkan bahawa:

- (a) mana-mana atau semua Kontrak hendaklah ditamatkan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Semua wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan, sama ada sebenar atau luar jangka, akan menjadi serta-merta dan perlu dibayar dan Kolateral yang diambil berkaitan dengan mana-mana Liabiliti Pelanggan di bawah ini akan menjadi dikuat kuasakan serta-merta;
- (b) penyediaan mana-mana atau semua Perkhidmatan kepada Pelanggan akan ditamatkan;
- (c) semua hubungan berkontrak dengan Pelanggan ditamatkan dan Pelanggan dituntut untuk menyelesaikan sepenuhnya semua Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan dengan Bank;
- (d) Pelanggan hendaklah menyediakan wang tunai atau Kolateral yang boleh diterima oleh Bank yang mencukupi untuk menampung sepenuhnya semua kewajipan tertunggak yang perlu diselesaikan oleh Pelanggan kepada Bank, dan semua liabiliti luar jangka anda kepada Bank;
- (e) cagaran (termasuk mana-mana cagaran yang masih belum dijelaskan pada hari apabila Bank menjual Cagaran tersebut) yang dipegang atau akan dipegang dalam kustodi telah dijual;
- (f) Bank boleh melakukan semua tindakan dan perkara tersebut pada masa atau masa yang difikirkan perlu atau sesuai untuk membatalkan, menyelesaikan, menebus atau menamatkan sebarang Kontrak yang tidak dilaksanakan dan/atau tertunggak (atau mana-mana bahagian atau sebahagian daripadanya) antara Pelanggan dan Bank atau dengan mana-mana pihak ketiga yang dimeterai oleh Bank sebagai agen untuk Pelanggan walaupun tarikh yang ditetapkan untuk pelaksanaan Kontrak tersebut mungkin belum tiba atau keberhutangan boleh ditambah dengan tindakan tersebut termasuk merangkumi sebarang kedudukan jangka pendek atau mencairkan sebarang kedudukan jangka panjang;
- (g) Bank boleh melaksanakan semua hak tolakan atau penjualan (melalui jualan awam atau persendirian) merealisasikan, menyerahkan, memindahkan atau sebaliknya melupuskan atau melaksanakan apa-apa hak lain yang mungkin ada padanya berkenaan dengan Pelanggan;



- (h) Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) menyatukan semua urusan tertunggak dalam apa jua bentuk yang berkaitan dengan Kontrak/aset dagangan (termasuk, tanpa had, urusan dengan Bursa yang berbeza dan/atau dengan tempoh matang yang berbeza) dan semua urusan tersebut dan semua keuntungan atau kerugian yang timbul berkaitan dengannya hendaklah ditukar kepada mata wang tunggal pada kadar pertukaran semasa Bank dan dianggap sebagai satu urusan niaga disatukan dan hendaklah dikira dengan sewajarnya;
- (i) Bank boleh menggunakan apa-apa amaun dalam apa jua bentuk yang ada pada kredit Pelanggan (termasuk mana-mana Kolateral) terhadap sebarang amaun yang mana Pelanggan berhutang kepada Bank (dalam apa jua bentuk dan walau bagaimana pun timbul, termasuk apa-apa amaun yang perlu dibayar dan belum dibayar di bawah sebarang transaksi dan sebarang amaun luar jangka), dan/atau secara amnya bagi melaksanakan hak Bank untuk menolak terhadap Pelanggan (walau apa pun yang timbul); dan/atau
- (j) selepas apa-apa amaun yang masih ada pada kredit Pelanggan digunakan terhadap sebarang jumlah yang Pelanggan berhutang kepada Bank atau secara amnya selepas melaksanakan hak Bank untuk menolak terhadap Pelanggan, menuntut sebarang kekurangan daripada Pelanggan, menahan sebarang lebihan sementara menunggu penyelesaian penuh mana-mana kewajipan lain Pelanggan, atau membayar sebarang lebihan kepada Pelanggan melalui draf atau cek ke alamat surat-menyurat Pelanggan seperti yang terdapat dalam rekod Bank atau alamat terakhir Pelanggan yang dimaklumkan kepada Bank atau sebaliknya dengan cara yang difikirkan wajar oleh Bank untuk mengembalikan amaun tersebut kepada Pelanggan.

**25.3** Sebarang penyelesaian atau pelepasan antara Bank dan Pelanggan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa tiada mana-mana jaminan yang disediakan kepada atau sebarang bayaran yang dibuat kepada Bank menjadi atau akan dielakkan atau dikurangkan atau dikehendaki dibayar berdasarkan sebarang keperluan (sama ada atau tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang) atau enakmen (sama ada berkaitan dengan kebangkrapan, insolvensi, pembubaran, pengurusan atau pentadbiran kehakiman atau sebaliknya, pada bila-bila masa berkuat kuasa atau berdasarkan sebarang kewajipan untuk memberikan sebarang pilihan atau keutamaan).

**25.4** Untuk mengelakkan keraguan, apabila sebarang Kemudahan diberikan oleh Bank kepada Pelanggan, peristiwa khusus klausa ingkar yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan dan Dokumen Jaminan hendaklah terpakai berkaitan dengan kewajipan Pelanggan ke atas Kemudahan tersebut.

## **26. Penggunaan Agen Kutipan Hutang**

Bank boleh melantik mana-mana orang sebagai agen pengutip hutangnya untuk mengutip mana-mana atau semua keberhutangan yang berhutang oleh anda kepada Bank dan anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan dalam jumlah yang wajar dan ditanggung secara munasabah oleh Bank untuk tujuan itu pada setiap masa. Bank boleh mendedahkan Data Peribadi berkenaan dan maklumat lain setakat yang dibenarkan oleh Undang-Undang dan Peraturan Terpakai untuk membolehkan mana-mana agen pemungut hutang melaksanakan fungsinya termasuk Data Peribadi anda atau sebarang keberhutangan oleh anda kepada Bank.

## **27. Pematuhan Undang-undang Terpakai**

**27.1** Perjanjian ini akan ditadbir oleh dan dibentuk dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia.

**27.2** Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank adalah bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau sebaliknya terhadap anda di Malaysia atau di bawah bidang kuasa lain yang difikirkan sesuai oleh Bank. Anda dengan ini bersetuju bahawa apabila sebarang tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, anda akan berserah kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dalam semua perkara yang berkaitan dengan kewajipan dan liabiliti anda di bawah atau timbul daripada Perjanjian.



- 27.3 Hubungan Pelanggan dengan Bank, pengendalian Akaun Kekayaan, Portfolio Kekayaan dan semua komponen di bawahnya termasuk Akaun, penyediaan Produk dan Perkhidmatan dan pelaksanaan semua Arahan hendaklah tertakluk kepada semua Undang-undang dan Peraturan Terpakai setiap masa.
- 27.4 Pelanggan akan mematuhi semua Undang-undang dan Peraturan Terpakai pada setiap masa. Bank boleh mengambil atau mengelak daripada mengambil apa-apa tindakan, dan Pelanggan hendaklah melakukan semua perkara yang dikehendaki oleh Bank, untuk mendapatkan atau memastikan pematuhan kepada semua Undang-undang dan Peraturan Terpakai.
- 27.5 Tanpa mengambil kira yang terdapat dalam Klausula 27 ini, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap pematuhan Pelanggan kepada mana-mana Undang-undang dan Peraturan Terpakai, arahan dan garis panduan (sama ada tempatan atau sebaliknya), undang-undang, peraturan, undang-undang kecil dan amalan mana-mana Bursa berkenaan, pasaran yang berkaitan, Rumah Penjelasan atau depository yang mengawal selia atau mempengaruhi kelakuan Pelanggan atau transaksi Pelanggan dengan Bank.

## 28. Perkhidmatan Proses Pemula

- 28.1 Sekiranya prosiding undang-undang dimulakan oleh Bank terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana Penyedia Jaminan, proses pemula hendaklah dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya kepada Pelanggan dan/atau Penyedia Jaminan:
- (a) jika proses pemula dihantar dengan tangan, pada masa salinan proses pemula ditinggalkan di alamat surat-menyurat Pelanggan dan/atau Penyedia Jaminan yang diketahui dalam rekod Bank;
  - (b) jika proses pemula dihantar melalui pos berdaftar prabayar, pada hari ketujuh (ke-7) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh proses pemula diposkan ke alamat surat-menyurat Pelanggan dan/atau Penyedia Jaminan yang diketahui dalam rekod Bank.
- 28.2 Jika penghakiman atau perintah telah diperoleh terhadap Pelanggan atau mana-mana Penyedia Jaminan, penyampaian penghakiman atau perintah itu hendaklah dilaksanakan dengan cara yang sama yang dinyatakan dalam sub-klausula sebelumnya dan hendaklah dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya kepada Pelanggan dan/ atau Penyedia Jaminan tersebut. Bank hanya akan dianggap telah dimaklumkan mengenai pertukaran alamat Pelanggan atau mana-mana Penyedia Jaminan jika Bank telah benar-benar menerima notis perubahan tersebut yang dihantar oleh Pelanggan atau Penyedia Jaminan tersebut.
- 28.3 Peruntukan dalam klausula 28 ini hendaklah diguna pakai untuk penyampaian mana-mana proses undang-undang lain dalam apa jua cara sekalipun oleh atau bagi pihak Bank kepada mana-mana Penyedia Jaminan.
- ## 29. Pindaan, Perubahan dan Variasi
- 29.1 Tanpa menghadkan mana-mana hak Bank, Bank berhak untuk meminda, menambah, mengubah terma, yuran dan caj dan/atau memperkenalkan terma, yuran dan caj baharu dalam Perjanjian dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari atau beberapa jumlah hari lain kepada anda. Pindaan, penambahan dan/atau perubahan tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis. Jika anda tidak menerima sebarang pindaan, penambahan dan/atau variasi sedemikian, anda hendaklah dengan serta-merta menghentikan penggunaan Perkhidmatan yang berkaitan dan/atau pengendalian Akaun, dan menamatkan Akaun Kekayaan dan Produk dan Perkhidmatan mengikut klausula penamatan dalam Perjanjian ini.
- 29.2 Jika anda terus menggunakan Perkhidmatan (termasuk dan tidak terhad kepada memegang, mengurus niaga dalam dan/atau melanggan Produk selepas makluman tersebut) dalam Perjanjian dan/atau mengendalikan Akaun, anda akan dianggap telah bersetuju untuk semua pindaan, penambahan dan/atau variasi terma yang berkenaan tanpa sebarang keraguan atau pengubahsuaian.



29.3 Bank boleh memaklumkan kepada anda mengenai sebarang perubahan kepada Perjanjian melalui sebarang cara di bawah:

- (a) menerbitkan perubahan tersebut dalam penyata yang akan dihantar kepada anda;
- (b) menyiarkan perubahan tersebut di cawangan Bank atau mesin juruwang automatik;
- (c) menyiarkan perubahan tersebut di laman web Bank;
- (d) mel elektronik atau surat;
- (e) sebarang kaedah komunikasi lain yang boleh ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlakny.

### 30. Serah Hak

30.1 Perjanjian ini akan mengikat anda dan harta pusaka anda, wakil peribadi dan pengganti hak milik dan untuk Bank, pengganti hak milik dan penerima serah haknya. Perjanjian ini juga akan terus mengikat ke atas anda tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam nama atau perlembagaan Bank, atau penyatuan atau penggabungan Bank ke dalam atau dengan mana-mana entiti lain (dalam hal ini terma akan mengikat ke atas entiti pengganti).

30.2 Anda tidak boleh menyerahkan mana-mana hak dan kepentingan anda kepada Akaun Kekayaan, Portfolio Kekayaan, Akaun, Produk atau Perkhidmatan tanpa kebenaran bertulis daripada Bank.

30.3 Bank boleh menyerahkan mana-mana atau semua haknya di bawah ini kepada mana-mana orang yang difikirkan wajar oleh Bank, atau menukar syarikat di mana sebarang Kontrak dibuat, atau melalui cara mana ia membuat atau menerima pembayaran atau serahan untuk tujuan mana-mana Kontrak.

### 31. Persetujuan dan Budi Bicara

31.1 Di dalam Perjanjian, di mana kebenaran awal dari Bank, bertulis atau sebaliknya diperlukan untuk diperolehi, kebenaran tersebut boleh ditahan oleh Bank mengikut budi bicara mutlakny.

31.2 Anda bersetuju untuk memberi sebarang maklumat yang diperlukan untuk mengesahkan identiti anda dan melakukan semua perkara yang perlu untuk membolehkan Bank mematuhi undang-undang dan peraturan anti-pengubahan wang haram dan "kenali pelanggan anda" yang berkenaan. Anda bersetuju bahawa Bank akan dianggap tidak bersalah terhadap sebarang kerugian yang timbul akibat daripada sebarang kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang permohonan atau transaksi jika maklumat dan dokumentasi yang diminta oleh Bank tidak diberikan oleh anda.

31.3 Takrifan berikut hendaklah mempunyai makna masing-masing dalam Klausa 31.3, 31.3A dan 31.3B ini:

**"Ahli Gabungan"** bermaksud, sebuah syarikat yang berkaitan dengan Pelanggan termasuk syarikat induk utama seperti yang ditakrifkan di bawah S5 dan S7 Akta Syarikat 2016;

**"Undang-undang Pencegahan Rasuah"** bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Rasuah 2010 United Kingdom, Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 dan mana-mana undang-undang, peraturan atau syarat serupa yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuat kuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, atau mana-mana bidang kuasa lain;

**"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram"** bermaksud keperluan penyimpanan dan pelaporan rekod kewangan yang terpakai dan statut pengubahan wang haram di Malaysia dan setiap bidang kuasa di mana Pelanggan dan Ahli Gabungannya menjalankan perniagaan atau operasi, undang-undang dan peraturan di bawahnya dan sebarang peraturan yang berkaitan atau serupa, peraturan atau garis panduan, dikeluarkan, ditadbir atau dikuat



kuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia atau prosiding oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah;

**“Terkawal”** bermaksud apabila seseorang (sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada dengan memiliki modal saham, kuasa mengundi, kontrak atau sebaliknya) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat majoriti ahli badan pentadbir orang lain atau sebaliknya mengawal atau mempunyai kuasa untuk mengawal hal ehwal dan dasar orang lain tersebut dan orang lain tersebut dianggap "dikawal" oleh orang pertama;

**“Majoriti dimiliki”** bermaksud pegangan berkepentingan atau sah lebih daripada 50 peratus modal saham terbitan (atau setara) atau hak mengundi orang tersebut (tidak termasuk mana-mana bahagian modal saham terbitan itu (atau setara) yang tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian melebihi jumlah tertentu dalam pengagihan sama ada keuntungan atau modal)

**“Orang Larangan”** bermaksud, pada bila-bila masa:

- (a) mana-mana orang yang disenaraikan dalam mana-mana senarai berkaitan Sekatan bagi orang yang ditetapkan yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Sekatan;
- (b) mana-mana orang yang beroperasi, berorganisasi, bermastautin, diperbadankan, berdaftar atau berdomisil secara sah di Negara Disekat; atau
- (c) mana-mana orang yang dikawal atau majoriti dimiliki oleh seseorang yang diterangkan dalam (a) atau (b) di atas;

**“Negara Disekat”** bermaksud, pada bila-bila masa, negara atau wilayah yang menjadi subjek atau sasaran mana-mana Sekatan yang komprehensif atau seluruh negara atau seluruh wilayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Korea Utara, Iran, Syria, Cuba, wilayah Crimea di Ukraine dan Israel;

**“Sekatan”** bermaksud sebarang sekatan perdagangan, ekonomi atau kewangan, embargo atau langkah sekatan atau undang-undang atau peraturan berkaitan yang digubal, dikenakan, ditadbir atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh:

- (a) kerajaan Amerika Syarikat, termasuk yang ditadbir oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Jabatan Negara A.S.;
- (b) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (c) Kesatuan Eropah dan mana-mana negara anggota Kesatuan Eropah;
- (d) United Kingdom;
- (e) Bank Negara Malaysia; atau
- (f) mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain yang berkaitan (termasuk, untuk mengelakkan keraguan, pihak berkuasa kerajaan tersebut yang mempunyai bidang kuasa ke atas (i) Pelanggan dan/atau Bank (sama ada berdasarkan bidang kuasa penubuhannya atau tempat perdagangan, perniagaan atau aktiviti operasi lain) atau (ii) transaksi yang dipertimbangkan oleh Perjanjian ini,

(setiap satu, “Pihak Berkuasa Sekatan”).

31.3A Pelanggan dengan ini mewakili dan menjamin kepada Bank seperti berikut:

- (a) Pelanggan, Ahli Gabungannya atau mana-mana Penyedia Jaminan (jika ada), bukan merupakan Orang Larangan;





- (b) tiada satu pun daripada hasil mana-mana Kemudahan boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau menyediakan kewangan bagi sebarang aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Orang Larangan atau mana-mana Negara Disekat atau digunakan untuk membiayai pembelian atau pemindahan mana-mana barangan atau peralatan ketenteraan;
- (c) Pelanggan telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan dengan perwakilan, jaminan dan aku janji yang dinyatakan dalam Klausa 31.3, 31.3A dan 31.3B ini;
- (d) Pelanggan dan Ahli Gabungannya dan mana-mana Penyedia Jaminan tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Sekatan.

31.3B Pelanggan dengan ini mengaku janji kepada Bank seperti berikut:

- (a) Ia tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak, membayar balik mana-mana Kemudahan menggunakan dana atau aset yang:
  - (i) membentuk harta, atau akan dimiliki secara berkepentingan oleh, mana-mana Orang Larangan; atau
  - (ii) adalah hasil langsung yang diperolehi daripada sebarang transaksi yang melanggar Sekatan yang dikenakan kepada mana-mana pihak di sini.
- (b) Ia akan menghantar dengan segera kepada Bank dan membenarkan Bank untuk mendapatkan butiran sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau penyiasatan terhadapnya atau Ahli Gabungannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, kehakiman atau kawal selia berkenaan dengan Sekatan setakat butiran tersebut tersedia untuknya.
- (c) Ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya tidak akan) melanggar mana-mana Sekatan dan tidak akan menjalankan atau terlibat dalam, secara langsung atau tidak langsung, sebarang transaksi, kelakuan, perdagangan, perniagaan atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan pelanggaran mana-mana Sekatan.
- (d) Ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa tiada seorang pun Ahli Gabungannya akan) menggunakan secara langsung atau tidak langsung, atau membenarkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk secara langsung atau tidak langsung menggunakan, semua atau mana-mana bahagian hasil daripada sebarang penggunaan Kemudahan atau produk perbankan dan perkhidmatan Kemudahan:
  - (i) untuk sebarang tujuan (secara langsung atau tidak langsung) yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau menyediakan kewangan bagi sebarang aktiviti, perniagaan atau urusan niaga, atau dengan, mana-mana Orang Larangan atau mana-mana Negara Disekat atau yang akan melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Rasuah, Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau undang-undang pembiayaan keganasan; atau
  - (ii) dalam sebarang cara lain yang boleh mengakibatkan Pelanggan atau Bank melanggar mana-mana Sekatan (jika dan setakat yang terpakai kepada salah satu daripada mereka) atau menjadi tertakluk kepada sebarang Sekatan.
- (e) Ia hendaklah (dan ia hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya akan) menjalankan perniagaannya dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan Undang-undang Pencegahan Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.



3.14 Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa kebenaran awal dari Pelanggan, berhak untuk:

- (a) menggantung operasi atau menamatkan penyediaan Perkhidmatan atau Produk, Perjanjian ini, sebarang Kontrak dan/atau mana-mana dan semua hubungan berontrak dengan Pelanggan atau menebus Perkhidmatan atau Produk lebih awal;
- (b) menyekat, menghalang dan/atau menggantung akses Pelanggan dan/atau penggunaan mana-mana Perkhidmatan atau Produk (sama ada keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had kandungan, tawaran, perkhidmatan, produk dan/atau fungsi Perkhidmatan dan/ atau sebarang bukti kelayakan akses;
- (c) enggan memeterai, memproses atau menyelesaikan sebarang transaksi atau bertindak atas sebarang arahan atau permintaan;
- (d) membatalkan atau membubarkan sebarang transaksi atau dagangan atau urusan yang tidak diselesaikan; atau
- (e) menangguhkan atau menahan apa-apa dividen, hasil, faedah, pulangan atau pembayaran lain, dan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai oleh Bank, sepenuhnya atau sebahagiannya dan untuk tempoh yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya tanpa menanggung sebarang liabiliti jika Bank mengesyaki bahawa sebarang transaksi berkaitan dengan Perkhidmatan atau Produk:
  - (i) boleh melanggar mana-mana Undang-undang dan Peraturan Terpakai dan/atau dasar dalaman Bank, termasuk tanpa had yang berkaitan dengan pencegahan perubahan wang haram, anti rasuah, memerangi keganasan, anti penyelewengan, anti penipuan, pengeluaran cukai, embargo atau keperluan pelaporan di bawah perundangan transaksi kewangan atau sekatan ekonomi dan dagangan;
  - (ii) melibatkan mana-mana Orang Larangan (sebenar, korporat atau kerajaan) yang mempunyai kaitan, secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana orang yang disekat di bawah sekatan ekonomi dan dagangan; dan/atau
  - (iii) boleh secara langsung atau tidak langsung melibatkan hasil, atau digunakan untuk tujuan, kelakuan yang menyalahi undang-undang di mana-mana negara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tujuan yang akan melanggar sebarang Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau menyediakan kewangan untuk sebarang aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Orang Larangan atau mana-mana Negara Disekat).

3.15 Bank boleh mengambil dan mengarahkan mana-mana wakil untuk mengambil sebarang tindakan yang menurut budi bicara mutlaknya dianggap sesuai untuk mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, permintaan pihak berkuasa awam atau kawal selia atau mana-mana dasar Bank yang berkaitan dengan pencegahan penipuan, perubahan wang haram, keganasan atau aktiviti jenayah lain atau penyediaan perkhidmatan kewangan dan lain-lain kepada orang atau entiti yang disekat. Tindakan tersebut mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada pemintasan dan penyiasatan transaksi pada Akaun atau berkaitan dengan mana-mana Perkhidmatan atau Produk, Perjanjian ini, mana-mana Kontrak dan mana-mana dan semua hubungan berkontrak dengan Pelanggan (terutamanya yang melibatkan pemindahan dana antarabangsa) termasuk sumber penerima yang dimaksudkan bagi dana yang dibayar masuk atau keluar daripada akaun. Dalam keadaan tertentu, tindakan tersebut boleh melambatkan atau menghalang pemrosesan arahan, penyelesaian transaksi ke atas Akaun atau berkaitan dengan sebarang Perkhidmatan atau Produk, Perjanjian ini, mana-mana Kontrak dan mana-mana dan semua hubungan berkontrak dengan Pelanggan. atau pelaksanaan Bank ke atas kewajipannya di bawah Perjanjian. Bank tidak perlu memaklumkan kepada Pelanggan sehingga tempoh yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang, peraturan atau dasar Bank, atau oleh pihak berkuasa awam atau kawal selia berkenaan.



Untuk mengelakkan keraguan, terma Klausa ini diguna pakai sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana terma yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

## **32. Dasar FATCA dan CRS**

**32.1** Dasar Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Kumpulan OCBC ("Dasar FATCA") dan Dasar Standard Pelaporan Biasa (CRS) Kumpulan OCBC ("Dasar CRS") merupakan sebahagian daripada terma dan syarat yang mengawal hubungan anda dengan Bank yang ditetapkan di bawah Perjanjian. Dasar FATCA dan Dasar CRS akan mengikat ke atas anda dan anda bersetuju untuk mematuhi dengan dan akur kepada Dasar FATCA dan Dasar CRS, yang boleh diakses di [www.ocbc.com/policies](http://www.ocbc.com/policies) atau tersedia atas permintaan. Perjanjian ini tertakluk kepada Polisi FATCA dan Polisi CRS. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan antara mana-mana kandungan Dasar FATCA dan/atau Dasar CRS dan Perjanjian, kandungan Dasar FATCA dan/atau Dasar CRS (seperti yang berkenaan) akan diguna pakai.

## **33. Jaminan ke atas Sumber Deposit dan FATCA dan CRS**

**33.1** Akaun dan Perkhidmatan tidak boleh digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan anda hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera jika anda mengesyaki bahawa dana yang dikreditkan ke dalam Akaun adalah daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang. Anda hendaklah pada setiap masa mematuhi semua undang-undang dan peraturan (termasuk undang-undang dan peraturan pentadbiran pertukaran asing, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dan undang-undang cukai) bidang kuasa, mengikat atau terpakai ke atas anda.

**33.2** Untuk pematuhan Bank terhadap mana-mana undang-undang berkaitan percukaian, peraturan atau arahan atau perintah pihak berkuasa, termasuk yang berkaitan dengan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat, dan Piawaian untuk Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan automatik dalam Perkara Cukai yang dibangunkan oleh Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi ("CRS"), (secara kolektif, "Undang-undang Cukai") anda:

- (a) hendaklah dengan segera membuat dan mendapatkan orang yang berkaitan ("Orang Berkenaan") untuk membuat pengisytiharan tersebut, memberikan semua dokumen dan maklumat kepada Bank, dan memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang perubahan padanya;
- (b) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan Orang Berkenaan untuk pendedahan oleh Bank maklumat mengenai Orang Berkenaan kepada mana-mana badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, polis, badan penguatkuasa undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia, termasuk selaras dengan FATCA dan CRS; dan
- (c) bersetuju bahawa Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya secara langsung menghendaki (tanpa melibatkan anda) mana-mana Orang Berkenaan untuk (i) memberikan atau mengesahkan maklumat Orang Berkenaan; dan (ii) bersetuju dengan sebarang pendedahan dan/atau mengetepikan sebarang sekatan yang terpakai ke atas pendedahan.

**33.3** Bank berhak antara lain, memotong daripada atau menahan sebahagian daripada sebarang amaun yang perlu dibayar oleh Bank sekiranya anda atau Orang Berkenaan tidak mematuhi peruntukan tersebut di atas.

**33.4** Bagi FATCA, Orang Berkenaan merujuk kepada "Orang yang Bersetuju", yang bermaksud mana-mana orang termasuk anda, Pemilik Terbesar, Orang Mengawal ke atas anda, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan utama atau berkepentingan dari segi kewangan dalam pembayaran daripada Bank. "Pemilik Terbesar" bermaksud (a) berkaitan dengan korporat atau entiti, orang tertentu yang secara langsung atau tidak langsung memiliki lebih daripada 25% saham dalam perbadanan tersebut (mengikut undi atau nilai) (b) berkaitan dengan perkongsian, orang tertentu yang secara langsung atau tidak langsung memiliki lebih daripada 25% daripada keuntungan atau kepentingan modal dalam perkongsian tersebut, dan (c) berkenaan dengan amanah, orang tertentu dianggap sebagai pemilik amanah atau dianggap sebagai memegang secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 25% kepentingan amanah tersebut.



"Orang yang Mengawal" bermaksud mana-mana individu yang menjalankan kawalan efektif yang muktamad ke atas entiti atau amanah.

33.5 Untuk CRS, Orang Berkenaan merujuk kepada anda dan/atau "Orang yang Mengawal", yang bermaksud mana-mana orang sebenar yang mempunyai kawalan ke atas orang yang sah atau pengaturan undang-undang, seperti perbadanan, perkongsian, amanah atau yayasan.

33.6 Untuk amanah, istilah sedemikian bermaksud setlor, pemegang amanah, pelindung (jika ada), benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana orang sebenar lain yang mempunyai kawalan efektif yang muktamad ke atas amanah. Untuk pengaturan undang-undang selain daripada amanah, istilah tersebut bermaksud orang yang mempunyai jawatan yang setara atau serupa. Terma "Orang yang Mengawal" hendaklah ditafsirkan mengikut cara yang konsisten dengan Saranan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan. Jika tiada orang sebenar yang dikenal pasti mempunyai kawalan ke atas entiti melalui kepentingan pemilikan, orang yang mengawal entiti itu dianggap sebagai orang sebenar yang memegang jawatan pegawai pengurusan kanan.

#### 34. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

34.1 OCBC Bank (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

34.2 Sebarang wang yang dikeluarkan daripada simpanan sedia ada yang diinsuranskan untuk tujuan pembelian atau pemindahan berikutnya ke salah satu akaun berikut, tidak lagi dilindungi oleh PIDM:

- (a) akaun simpanan yang perlu dibayar di luar Malaysia;
- (b) akaun simpanan yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan Islam Labuan;
- (c) akaun simpanan yang dipegang oleh ahli bukan penerima simpanan; atau
- (d) akaun bukan deposit (termasuk akaun dagangan sekuriti tetapi tidak termasuk takaful atau produk insurans).

Sila rujuk senarai simpanan yang diinsuranskan seperti dipaparkan di laman web Bank di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my) untuk mengetahui senarai simpanan bank yang dilindungi oleh PIDM.

## BAHAGIAN B: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA AKAUN DAN PERKHIDMATAN SIMPANAN

Terma dan syarat ini merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat OCBC Premier Banking dan OCBC Premier Private Client ("Perjanjian") antara anda dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("Bank"). Bahagian B ini mengandungi terma dan syarat yang mengawal selia akaun dan perkhidmatan simpanan di bawah Akaun Kekayaan. Semua terma berhuruf besar ditakrifkan dalam Bahagian A Perjanjian, kecuali yang ditakrifkan atau dinyatakan dalam Bahagian B ini.

### 1. Pembukaan Akaun

- 1.1 Pembukaan Akaun dengan Bank adalah tertakluk kepada kelulusan Bank. Pelanggan akan terikat dengan terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan pembukaan, pengekalan dan pengendalian Akaun tersebut.
- 1.2 Pelanggan bersetuju untuk membuka, mengekalkan dan mengendalikan satu Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang dan satu Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang untuk setiap Portfolio Kekayaan tertakluk kepada terma dan syarat ini.

### 2. Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang ("MCCA")



2.1 MCCA ialah akaun semasa tanpa cek dengan fungsi utama sebagai akaun penyelesaian untuk Portfolio Kekayaan Pelanggan.

2.2 Semua simpanan ke dalam atau pengeluaran daripada MCCA (setiap satu, "Pemindahan Wang") hanya boleh dilakukan melalui Akaun sedia ada Pelanggan, khususnya, mana-mana akaun semasa atau simpanan yang dikekalkan dengan Bank ("Akaun Perbankan Harian"). Oleh itu, Pelanggan tidak boleh:

- (a) menyimpan dana dari bank lain terus ke MCCA atau mengeluarkan dana dari MCCA ke bank lain;
- (b) menyimpan tunai terus ke dalam MCCA melalui pembayaran di kaunter atau melalui mesin juruwang automatik (ATM), atau mengeluarkan tunai terus dari MCCA melalui pengeluaran di kaunter atau melalui ATM.

Oleh itu, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk mengekalkan Akaun Perbankan Harian mereka selagi MCCA dikekalkan..

2.3 Pindahan Wang boleh dilakukan melalui cara dan saluran yang boleh disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada pematuhan kepada prosedur yang ditetapkan oleh Bank dan set terma dan syarat berbeza yang mengawal selia saluran yang digunakan untuk melaksanakan Pindahan Wang.

2.4 Setiap Akaun Perbankan Harian didenominasikan dalam satu mata wang tunggal manakala setiap MCCA didenominasikan dalam pelbagai mata wang. Bank berhak untuk menentukan dan mengubah dari semasa ke semasa, mata wang dan bilangan mata wang yang disediakan untuk MCCA. Bank boleh menambah atau mengeluarkan daripada atau menggantikan mana-mana mata wang yang disediakan untuk MCCA dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.

2.5 Semua Pindahan Wang akan dilakukan tanpa sebarang penukaran mata wang. Pelanggan boleh meminta Bank untuk melakukan penukaran mata wang berhubung bagi dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA, pada kadar pertukaran mata wang asing semasa Bank dan tertakluk kepada pembayaran yuran dan caj yang berkenaan. Untuk menerangkan dan menggambarkan dengan lebih lanjut:

- (a) Pindahan Wang daripada Akaun Perbankan Harian Ringgit Malaysia kepada MCCA akan kekal dalam denominasi Ringgit Malaysia dalam MCCA tanpa penukaran;
- (b) Pindahan Wang daripada Akaun Perbankan Harian Dolar Amerika Syarikat kepada MCCA akan kekal dalam denominasi Dolar Amerika Syarikat dalam MCCA tanpa penukaran;
- (c) Pindahan Wang dana berdenominasi Ringgit Malaysia dalam MCCA perlu dibuat ke Akaun Perbankan Harian Ringgit Malaysia;
- (d) Pindahan wang dana berdenominasi Dolar Amerika Syarikat dalam MCCA perlu dibuat ke Akaun Perbankan Harian Dolar Amerika Syarikat. Jika Pelanggan hanya mengekalkan Akaun Perbankan Harian Ringgit Malaysia, Pelanggan perlu melakukan salah satu daripada yang berikut:
  - (i) meminta Bank untuk menukar dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA daripada Dolar Amerika Syarikat kepada Ringgit Malaysia dan selepas itu melakukan Pindahan Wang dana Ringgit Malaysia daripada MCCA kepada Akaun Perbankan Harian Ringgit Malaysianya; atau
  - (ii) membuka Akaun Perbankan Harian Dolar Amerika Syarikat dan selepas itu melakukan Pindahan Wang dana Dolar Amerika Syarikat daripada MCCA ke Akaun Perbankan Harian Dolar Amerika Syarikat yang baru dibuka.

2.6 Pelanggan boleh menggunakan dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA untuk:



- (a) Letakan ke dalam Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang (MCTD); atau
- (b) Pembelian pelaburan; atau
- (c) Pindahan wang kepada MCCA dalam Portfolio Kekayaan lain dalam Akaun Kekayaan Pelanggan.

2.7 Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit daripada MCCA untuk semua perkara berikut, yang mana berkenaan:

- (a) yuran, caj, komisen dan perbelanjaan lain yang ditanggung untuk pembelian pelaburan dan perkhidmatan berkaitan seperti perkhidmatan kustodi, butiran seperti yang dinyatakan dalam senarai yuran dan caj bank;
- (b) faedah dan yuran dan caj lain yang ditanggung di bawah Kemudahan;
- (c) pembayaran balik jumlah yang perlu dibayar di bawah Kemudahan; dan
- (d) sebaliknya selaras dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Bahagian lain Perjanjian, termasuk mana-mana Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan dan Dokumen Jaminan.

2.8 Perkara berikut, yang mana berkenaan, akan dikreditkan ke dalam MCCA:

- (a) Sebarang faedah yang perlu dibayar ke atas baki kredit dalam MCCA;
- (b) Sebarang faedah dan hasil yang timbul daripada pengeluaran atau kematangan MCTD;
- (c) Sebarang pendapatan, perolehan, kupon, dividen, dsb. daripada produk pelaburan;
- (d) Hasil daripada penebusan atau kematangan produk pelaburan;
- (e) Pengeluaran Kemudahan, jika ada; dan
- (f) sebaliknya selaras dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Bahagian lain Perjanjian, termasuk mana-mana Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan dan Dokumen Jaminan.

### 3. Simpanan Bertempoh Pelbagai Mata Wang ("MCTD")

- 3.1 Pelanggan hanya boleh membuat letakan dalam MCTD sebagai Kolateral untuk menjamin Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada sebarang Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan berkaitan dengan sebarang dagangan atau transaksi yang dibuat dengan atau untuk Pelanggan, atau untuk Akaun Kekayaan Pelanggan dan/atau Portfolio Kekayaan).
- 3.2 Setiap MCTD didenominasikan dalam pelbagai mata wang. Bank berhak untuk menentukan dan mengubah dari semasa ke semasa, mata wang dan bilangan mata wang yang disediakan untuk MCTD. Bank boleh menambah atau mengeluarkan daripada atau menggantikan mana-mana mata wang yang disediakan untuk MCTD dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan. Bank boleh menetapkan dan mengubah dari semasa ke semasa amaun letakan minimum dan tempoh minimum sebagaimana ditentukan oleh Bank.
- 3.3 Dana yang dikeluarkan daripada MCCA untuk letakan ke dalam MCTD adalah tanpa penukaran mata wang, dengan syarat mata wang letakan adalah sama. Walau bagaimanapun, Pelanggan boleh meminta kepada Bank untuk melaksanakan penukaran mata wang dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA pada kadar pertukaran mata wang asing semasa Bank dan tertakluk kepada pembayaran yuran dan caj yang



berkenaan, sebelum dana dalam mata wang yang ditukar itu dikeluarkan daripada MCCA dan diletakkan ke dalam MCTD.

- 3.4 Transaksi MCTD hendaklah dibuat melalui saluran tersebut yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Semua letakan ke dalam MCTD mesti dibiayai daripada MCCA dan pengeluaran daripada MCTD mesti disimpan ke dalam MCCA. Sebarang penukaran mata wang yang diminta oleh Pelanggan hanya boleh dilakukan menggunakan dana bersih yang tersedia dan boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA.
- 3.5 Transaksi MCTD hanya akan diterima oleh Bank pada Hari Perniagaan. Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank boleh menerima transaksi MCTD pada hari Sabtu dan Ahad (selain cuti umum yang diwartakan) di cawangan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, Tarikh Penilaian untuk setiap transaksi MCTD jatuh pada hari dalam tempoh dua (2) Hari Perniagaan dari tarikh transaksi seperti yang dimaklumkan kepada Pelanggan.
- 3.6 Nota Kontrak akan dikeluarkan untuk setiap letakan MCTD, dalam bentuk yang disediakan oleh Bank. Nota Kontrak hanyalah bukti simpanan dan bukan dokumen hak milik dan oleh itu tidak boleh dijadikan sebagai cagaran. Notis bertulis segera hendaklah diberikan kepada Bank jika Nota Kontrak tidak dikeluarkan dan diterima oleh Pelanggan.
- 3.7 Faedah ke atas MCTD, jika ada, dikira setiap hari dan perlu dibayar apabila matang.
- 3.8 Jika tarikh matang MCTD didenominasikan dalam:
  - (a) Ringgit Malaysia jatuh pada hari Sabtu, Ahad atau Cuti Kebangsaan Malaysia, maka MCTD akan dianggap matang pada Hari Perniagaan berikutnya dan akan diperbaharui mulai hari yang kemudian;
  - (b) mana-mana mata wang lain jatuh pada hari Sabtu, Ahad, Cuti Kebangsaan Malaysia, Cuti Kuala Lumpur (Cuti Ibu Pejabat) atau cuti mata wang berkenaan, maka MCTD akan dianggap matang pada Hari Perniagaan berikutnya dan akan diperbaharui mulai hari yang kemudian.
- 3.9 MCTD hanya boleh dikeluarkan selepas penyelesaian penuh Liabiliti dan Keberhutangan Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada sebarang Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan berkaitan dengan sebarang dagangan atau transaksi yang dibuat dengan atau untuk Pelanggan, atau untuk Akaun Kekayaan Pelanggan dan/atau Portfolio Kekayaan atau sebaliknya, tertakluk kepada kelulusan Bank atas terma dan syarat yang mungkin ditetapkannya oleh Bank.
- 3.10 Pelanggan boleh, tertakluk kepada kelulusan Bank, memberikan mana-mana satu daripada arahan berikut untuk dilaksanakan apabila MCTD matang:
  - (a) kedua-dua prinsipal dan faedah yang diperolehi diperbaharui sebagai MCTD dengan tempoh yang sama; atau
  - (b) faedah yang diperolehi dikreditkan ke dalam MCCA Pelanggan manakala prinsipal diperbaharui sebagai MCTD dengan tempoh yang sama; atau
  - (c) prinsipal dan faedah yang diperolehi dikreditkan ke dalam MCCA Pelanggan dan MCTD tidak diperbaharui.
- 3.11 Klausula ini hendaklah dibaca tertakluk kepada Klausula 5 di bawah dalam Bahagian ini. Pelanggan tidak boleh mengeluarkan sebarang wang tersebut (sama ada keseluruhan atau sebahagian) sebelum tarikh matang MCTD. Jika Bank tidak menerima sebarang arahan kematangan daripada Pelanggan sekurang-kurangnya (1) Hari Perniagaan sebelum tarikh matang MCTD atau melainkannya dikeluarkan pada tarikh matang, MCTD akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama seperti letakan asal dan pada kadar faedah semasa ketika pembaharuan.

#### 4. Faedah Atas Simpanan



- 4.1 Tertakluk sentiasa kepada Klausula 4.2 di bawah dan di mana berkenaan, Bank akan membayar faedah pada kadar faedah semasa untuk MCCA dan MCTD masing-masing dikira atas baki harian pada asas 365 hari atau 360 hari, bergantung pada mata wang yang terlibat atau atas dasar berkaitan, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya. Untuk mengelakkan keraguan, kadar faedah semasa tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank mengikut budi bicaranya. Faedah akan dikreditkan pada selang masa yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Faedah hanya akan terakru pada baki yang telah berjaya dikreditkan berdasarkan Tarikh Penilaian yang mungkin jatuh pada Tarikh Transaksi, Hari Perniagaan berikutnya atau Hari Perniagaan seterusnya. Bagi tujuan Klausula ini, tarikh transaksi dijalankan dirujuk sebagai Tarikh Transaksi, dan Tarikh Penilaian merujuk kepada tarikh transaksi berjaya diselesaikan oleh Bank.
- 4.2 Berkaitan dengan MCTD, faedah (jika ada) akan terakru ke atas wang yang diletakkan dengan Bank bagi MCTD untuk tempoh dan pada kadar yang dinyatakan dalam Nota Kontrak.

## 5. Kolateral

- 5.1 Pelanggan mengesahkan dan bersetuju bahawa semua baki kredit dan simpanan dalam MCCA dan MCTD menjadi sebahagian daripada Kolateral untuk menjamin Liabiliti dan Keberhutangan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada sebarang Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan berkaitan mana-mana dagangan atau transaksi yang dibuat dengan atau untuk Pelanggan, atau untuk Akaun Kekayaan Pelanggan dan/atau Portfolio Kekayaan). Di mana berkenaan, MCCA dan MCTD seterusnya tertakluk kepada terma dan syarat dalam Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan dan Dokumen Jaminan, mengikut yang mana berkenaan.
- 5.2 Sebarang permintaan untuk penggantian atau pengeluaran mana-mana Kolateral, termasuk baki kredit dan simpanan dalam MCCA dan MCTD, boleh dibuat oleh Pelanggan dan Bank boleh bersetuju atau menolak permintaan tersebut tertakluk kepada pengkalan Margin dan terma dan syarat lain (jika ada) seperti yang ditetapkan oleh Bank.

## 6. Pengeluaran

- 6.1 Tertakluk sentiasa kepada Klausula 5 di atas:
- (a) pengeluaran boleh dibuat hanya apabila Bank menerima arahan pengeluaran yang memuakkan dan Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas semua arahan tersebut tanpa mengambil kira sama ada Akaun yang berkaitan adalah dalam kredit atau sebaliknya, dengan syarat Bank tidak terikat untuk memenuhi sebarang permintaan pengeluaran jika terdapat dana yang tidak mencukupi dalam Akaun Pelanggan sekiranya tiada sebarang perjanjian yang menyatakan sebaliknya. Bank tidak berkewajipan untuk bertindak atas sebarang arahan yang berkaitan dengan pengeluaran simpanan walaupun terdapat dana yang mencukupi, apabila dana tersebut telah ditanda atau ditahan untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada keperluan undang-undang, peraturan, keperluan berkanun atau kehakiman, penyediaan Produk dan Perkhidmatan. Kecuali dengan kebenaran awal bertulis dari Bank, tiada pengeluaran boleh dibuat selain secara bertulis dan ditandatangani selaras dengan contoh tandatangan dan kebenaran yang diterima oleh Bank; dan
  - (b) pengeluaran oleh Pelanggan hendaklah dibuat dengan cara tersebut dan Pelanggan hendaklah mematuhi prosedur berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya.
- 6.2 Tertakluk sentiasa kepada Klausula 5 di atas, pengeluaran pramatang MCTD, sepenuhnya atau sebahagian, boleh dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank seperti berikut:
- (a) Untuk pengeluaran pramatang penuh: Tiada faedah perlu dibayar apabila pengeluaran penuh pramatang MCTD, tanpa mengira bilangan bulan lengkap pada masa pengeluaran pramatang.





- (b) Untuk pengeluaran pramatang separa: Setiap pengeluaran separa akan mengurangkan jumlah prinsipal MCTD. Tiada faedah akan dibayar untuk amaun yang dikeluarkan sebahagiannya. Pelanggan hanya berhak mendapat faedah atas jumlah prinsipal yang dipegang sehingga tempoh matang MCTD.

## **7. Terlebih Pengeluaran**

- 7.1 Terlebih pengeluaran tidak dibenarkan melainkan Pelanggan telah membuat pengaturan awal dengan Bank. Faedah untuk terlebih pengeluaran MCCA akan dikira berdasarkan baki debit harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan akan dibayar apabila dituntut. Anda dengan ini memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank untuk mendebit MCCA anda bagi faedah tersebut, apabila terdapat baki kredit dalam MCCA.

## **8. Risiko Tukaran Asing**

- 8.1 Pelanggan mengesahkan dan mengakui bahawa:

- (a) apabila sebarang simpanan ditukar kepada mana-mana mata wang selain daripada mata wang simpanan asal atas permintaan Pelanggan pada bila-bila masa, nilai simpanan yang dikreditkan ke Akaun Pelanggan mungkin berkurangan akibat turun naik tukaran asing; dan
- (b) sebarang kenaikan atau penurunan dalam nilai simpanan akibat turun naik kadar tukaran yang menjejaskan mata wang tersebut adalah sepenuhnya di atas akaun dan risiko Pelanggan.

- 8.2 Pelanggan akan mematuhi semua syarat berikut, had semalaman dan peraturan yang tertakluk kepada perubahan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Bank boleh mengenakan sebarang syarat lain dan/atau had semalaman untuk tujuan kawalan dan pemantauan.

- 8.3 Bank boleh menolak atau menterbalikkan sebarang simpanan atau hasil sekiranya tiada arahan yang jelas dan khusus atau yang boleh mengakibatkan pelanggaran syarat-syarat yang disebutkan di atas atau had semalaman (termasuk disebabkan oleh pengkreditan faedah atau turun naik dalam kadar tukaran).

- 8.4 Pembukaan dan pengendalian MCCA dan MCTD dalam denominasi mata wang asing juga tertakluk kepada amalan dan undang-undang perbankan Malaysia, Notis Tukaran Asing yang dikeluarkan menurut Seksyen 214 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, peraturan Persatuan Bank-Bank di Malaysia dan undang-undang serta peraturan badan kawal selia lain.

- 8.5 Pelanggan hendaklah berjanji untuk memastikan pematuhan kepada semua Notis Tukaran Asing yang berkenaan pada setiap masa ke atas semua transaksi yang dilakukan untuk Akaun yang dikekalkan dengan Bank.

## **9. Dorman dan Wang Tidak Dituntut**

- 9.1 Jika Pelanggan tidak memulakan sebarang transaksi atau aktiviti untuk Portfolio Kekayaan beliau dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank, Portfolio Kekayaan akan menjadi dorman, termasuk MCCA dan MCTD di dalam Portfolio Kekayaan.

- 9.2 Apabila Portfolio Kekayaan menjadi dorman, Pelanggan akan dikehendaki mengaktifkan Portfolio Kekayaan yang dorman dengan melakukan tindakan yang diperlukan oleh Bank, sebelum Pelanggan boleh dibenarkan untuk menjalankan sebarang transaksi atau aktiviti dalam Portfolio Kekayaan, termasuk MCCA dan MCTD di dalam Portfolio Kekayaan. Ia adalah tanpa prejudis kepada hak Bank (tetapi bukan kewajipan) untuk menamatkan dan menutup Portfolio Kekayaan yang dorman, termasuk MCCA dan MCTD di dalam Portfolio Kekayaan, selepas memberikan notis awal kepada Pelanggan.

- 9.3 Jika Bank tidak menamatkan dan menutup Portfolio Kekayaan yang dorman, maka selepas Portfolio Kekayaan menjadi dorman selama 7 tahun, aset di dalam Portfolio Kekayaan (jika ada), termasuk baki kredit dan simpanan dalam MCCA dan MCTD dalam Portfolio Kekayaan (jika ada), akan dikendalikan mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965. Selepas itu,



Bank boleh mengikut budi bicaranya, menamatkan dan menutup Portfolio Kekayaan, termasuk MCCA dan MCTD dalam Portfolio Kekayaan, selepas memberi notis awal kepada Pelanggan.

#### 10. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

MCCA dan MCTD dilindungi oleh PIDM sehingga RM 250,000 untuk setiap penyimpanan.

Untuk maklumat lanjut, rujuk risalah maklumat PIDMM yang tersedia di cawangan atau layari laman web di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

### **BAHAGIAN C: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PRODUK DAN PERKHIDMATAN PELABURAN**

Terma dan syarat ini merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat OCBC Premier Banking dan OCBC Premier Private Client (“**Perjanjian**”) antara anda dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“**Bank**”). Bahagian C ini mengandungi terma dan syarat yang mengawal selia akaun dan perkhidmatan pelaburan di bawah Akaun Kekayaan. Semua terma berhuruf besar ditakrifkan dalam Bahagian A Perjanjian, kecuali yang ditakrifkan atau dinyatakan dalam Bahagian C ini.

#### **BAHAGIAN C1: PENYATA PENDEDAHAN RISIKO**

#### **BAHAGIAN C2: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA INSTRUMEN DEPOSIT BOLEH NIAGA**

#### **BAHAGIAN C3: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PELABURAN BERSTRUKTUR**

#### **BAHAGIAN C4: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PERKHIDMATAN PELABURAN UNIT AMANAH**

#### **BAHAGIAN C5: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA TRANSAKSI BON**

#### **BAHAGIAN C6: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA TRANSAKSI FX**

#### **BAHAGIAN C1: PENYATA PENDEDAHAN RISIKO**

##### **Pendedahan Risiko untuk Pelaburan Berstruktur**

- 1.1 Anda bersetuju akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mempertimbangkan dengan teliti dan mendapatkan nasihat daripada penasihat undang-undang, kawal selia, cukai, perniagaan, pelaburan, kewangan, perakaunan dan profesional anda yang lain seperti yang mungkin diperlukan berkaitan risiko Pelaburan Berstruktur sebelum memetari sebarang transaksi Pelaburan Berstruktur dengan, atau melanggan sebarang Pelaburan Berstruktur daripada, Bank dari semasa ke semasa.
- 1.2 Anda bersetuju bahawa:
  - (a) setiap transaksi Pelaburan Berstruktur dengan Bank atas dasar bahawa anda telah membaca, memahami sepenuhnya ciri, risiko dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Selia Pelaburan Berstruktur ini (dibaca bersama dengan Terma Am yang terpakai untuk semua Produk dan Perkhidmatan) dan kandungan Penyata Pendedahan Risiko. Anda mengakui dan mengesahkan kepada Bank bahawa anda telah membaca Penyata Pendedahan Risiko dan memahami serta menerima risiko yang terlibat dalam transaksi Pelaburan Berstruktur dengan Bank dari semasa ke semasa; dan
  - (b) sebagai tambahan kepada perkara di atas, anda seterusnya bersetuju bahawa setiap Pelaburan Berstruktur juga bergantung kepada penerimaan dan pengakuan anda mengenai sebarang penyata pendedahan risiko spesifik dalam dokumen lain yang mungkin diberikan oleh Bank dari semasa ke semasa.

##### **Pendedahan Risiko Spesifik untuk Pelaburan Berstruktur**



- 1.3 Pulangan tidak dijamin. Kadar pulangan setiap Pelaburan Berstruktur tidak tetap atau tidak pasti dan tertakluk kepada turun naik. Pulangan mungkin jauh lebih rendah daripada kadar simpanan atau menjadi sifar untuk keseluruhan tempoh pelaburan kerana kadar pulangan bergantung pada prestasi aset atau kadar atau indeks pendasar yang dikaitkan dengan pelaburan.
- 1.4 Apabila Pelaburan Berstruktur mempunyai ciri penukaran dan Prinsipal Tidak Dilindungi - Pelaburan Berstruktur Prinsipal Tidak Dilindungi ialah pelaburan bukan tradisional yang terdiri daripada dua ciri utama – pertama, pelaburan dalam pelaburan/mata wang pendasar dan kedua, kemungkinan pembayaran atau serahan, sebagaimana berkenaan bagi pelaburan (kedua-dua prinsipal dan pulangan) dalam Mata Wang Ganti atau rujukan pendasar yang mana pelaburan dikaitkan, pada kadar tukaran yang telah dipersetujui atau Harga Laksana yang telah dipersetujui dan bukan pada kadar tukaran atau harga semasa. Ia mempunyai risiko turun naik dalam mata wang ganti atau rujukan pendasar yang mana pelaburan tersebut dikaitkan.
- 1.5 Jika anda menyimpan Pelaburan Berstruktur sehingga matang, keseluruhan jumlah prinsipal yang dilaburkan akan dibayar balik kepada anda pada tarikh matang, hanya jika Pelaburan Berstruktur dinyatakan sebagai Prinsipal Dilindungi.
- 1.6 Apabila Pelaburan Berstruktur mempunyai ciri "Boleh Dipanggil", anda memahami sepenuhnya bahawa Bank mempunyai pilihan (iaitu hak tetapi tidak berkewajipan) untuk menamatkan Pelaburan Berstruktur ini lebih awal. Jika Bank melaksanakan pilihan penamatan awal, Pelaburan Berstruktur akan ditamatkan awal sebelum tarikh matang yang dinyatakan dengan pembayaran balik jumlah prinsipal ditambah pulangan terakru pada tarikh penamatan awal yang dipilih oleh Bank.
- 1.7 Pulangan bersih daripada Pelaburan Berstruktur juga boleh dipengaruhi oleh kos transaksi (iaitu komisen, yuran dan caj lain) yang dikenakan oleh Bank dan cukai pegangan yang berkenaan.
- 1.8 Pelaburan yang berlainan mungkin mempunyai implikasi cukai yang berbeza dan implikasi cukai mungkin bergantung pada aktiviti perniagaan anda dan transaksi yang dipersoalkan. Anda harus mendapatkan pandangan penasihat cukai anda untuk memahami implikasi cukai.
- 1.9 Anda akan menanggung risiko tambahan turun naik mata wang jika transaksi tersebut melibatkan mata wang yang berbeza atau lokasi perniagaan anda atau menyimpan akaun anda dalam mata wang selain daripada mata wang pendasar di mana transaksi itu didenominasikan.
- 1.10 Anda mengambil risiko kredit Bank tidak dapat memenuhi kewajipan pembayarannya di bawah transaksi Pelaburan Berstruktur.
- 1.11 Pelaburan Berstruktur yang melibatkan penjualan opsi anda kepada Bank sebagai pertukaran untuk pulangan atau premium lebih tinggi yang lebih berisiko. Jika anda menjual opsi, risiko boleh menjadi tidak terhad dan tidak seimbang berbanding premium atau pulangan lebih tinggi yang ditawarkan oleh Bank. Dengan menjual opsi, anda akan terkunci pada harga laksana yang telah dipersetujui lebih awal bagi tempoh Pelaburan Berstruktur dan anda akan melepaskan sebarang keuntungan yang terhasil daripada sebarang kenaikan atau penurunan harga aset pendasar berbanding dengan harga laksana yang dipersetujui lebih awal.
- 1.12 Terdapat perbezaan antara simpanan biasa dan Pelaburan Berstruktur.
- 1.13 Sebarang aduan terhadap Pelaburan Berstruktur boleh dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti ("SC"), dengan menghubungi Jabatan Aduan SC:
  - (a) melalui telefon ke Talian Aduan 03-6204 8999
  - (b) melalui faksimili ke 03-6204 8991
  - (c) melalui e-mel ke [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)



(d) melalui borang aduan online yang disediakan di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)

- 1.14 Tiada Tuntutan ke atas Dana Pampasan Pasaran Modal: Anda tidak boleh menuntut pampasan daripada Dana Pampasan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan, 2007 untuk sebarang kerugian yang anda alami akibat daripada sebarang salah laku atau penipuan atau penyalahgunaan wang oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil Bank. Anda boleh merujuk kepada Proses Penyelesaian Pertikaian Bank di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my) jika anda mengalami kerugian wang dalam keadaan di atas.
- 1.15 Anda boleh membuat aduan dengan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) di [www.sidrec.com.my](http://www.sidrec.com.my) dalam tempoh 180 hari selepas menerima keputusan kewangan daripada Bank jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan Bank.

### **Pendedahan Risiko untuk Instrumen Deposit Boleh Niaga (“NID”)**

- 1.1 Setiap Instrumen Deposit Boleh Niaga diterima oleh Bank atas dasar anda telah membaca, memahami sepenuhnya dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Selia Instrumen Deposit Boleh Niaga ini (dibaca bersama Terma Am yang terpakai untuk semua Produk dan Perkhidmatan) dan Pendedahan Risiko Spesifik untuk Instrumen Deposit Boleh Niaga. Anda mengakui dan mengesahkan kepada Bank bahawa anda telah membaca Penyata Pendedahan Risiko Berkaitan Instrumen Deposit Boleh Niaga (dibaca bersama Terma Am yang terpakai untuk semua Produk dan Perkhidmatan) dan memahami dan menerima risiko yang terlibat dalam letakan Instrumen Deposit Boleh Niaga dengan Bank dari semasa ke semasa.
- 1.2 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, anda seterusnya bersetuju bahawa setiap Instrumen Deposit Boleh Niaga juga tertakluk kepada penerimaan dan pengakuan anda ke atas mana-mana Penyata Pendedahan Risiko Spesifik yang dinyatakan dalam Pengesahan, Lembaran Terma dan/atau dokumen lain yang mungkin diberikan oleh Bank kepada anda dari semasa ke semasa.
- 1.3 Anda bersetuju akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mempertimbangkan dengan teliti dan mendapatkan nasihat daripada penasihat undang-undang, kawal selia, cukai, perniagaan, pelaburan, kewangan, perakaunan dan profesional anda yang lain sebagaimana yang mungkin diperlukan berkaitan risiko bagi setiap Instrumen Deposit Boleh Niaga sebelum meletakkan Instrumen Deposit Boleh Niaga tersebut dengan Bank dari semasa ke semasa.

### **Pendedahan Risiko Spesifik untuk NID**

#### **1. Penyata Amaran Risiko**

NID adalah prinsipal yang dijamin oleh bank Penerbit apabila matang sahaja. Jika NID ditebus atau dijual sebelum matang, anda mungkin kehilangan sebahagian daripada jumlah simpanan awal. Pulangan NID ini tidak pasti dan anda berisiko tidak mendapat sebarang pulangan. Anda diingatkan bahawa NID ini tidak diinsuranskan oleh PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

#### **2. Penilaian Sendiri Kesesuaian NID/FRNID oleh Penyimpan**

Anda mengesahkan (bahawa Bank tidak menganggap dirinya sebagai menasihati atau mana-mana kakitangan atau agennya sebagai menasihati atau mempunyai kuasa untuk menasihati anda sama ada anda patut mendapatkan sebarang NID/FRNID atau tidak dan/atau sebarang tindakan yang berkaitan dengannya atau sebarang perkara komersial lain yang berkaitan dengan Pelaburan tersebut.

#### **3. Terma-Terma Kontrak**

Anda telah mengambil tanggungjawab untuk memahami sepenuhnya terma dan syarat NID/FRNID yang perlu dilaksanakan, termasuk keadaan di mana anda mungkin berkewajipan untuk membuat atau menerima serahan perkara asas mengenainya. Anda seharusnya membiasakan diri dengan terma dan syarat mana-mana perjanjian, kontrak atau pengesahan yang mungkin anda meterai dengan Bank. Anda mestilah memahami sepenuhnya hak dan



kewajipan anda di bawah perjanjian, kontrak atau pengesahan tersebut. Anda seharusnya merujuk kepada penasihat undang-undang atau peguam anda untuk memahami sepenuhnya hak dan kewajipan anda.

#### **4. Kos Transaksi**

Pulangan bersih anda daripada NID/FRNID juga akan dipengaruhi oleh yuran dan caj Bank, kos transaksi (iaitu komisen, yuran dan caj lain) yang dikenakan oleh Bank dan kaunterparti serta cukai pegangan yang berkenaan.

#### **5. Bank tidak berkewajipan untuk membeli NID/FRNID sendiri**

Bank tidak berkewajipan untuk membeli semula NID/FRNID daripada anda. Anda mungkin tidak dapat mencairkan NID/FRNID sebelum Tarikh Matang yang dinyatakan jika tiada pembeli yang berminat. Oleh kerana transaksi adalah berdasarkan pesanan dan bukan sepiawai, terlibat dalam transaksi dengan pihak lain untuk mengimbangi transaksi yang telah anda meterai dengan Bank tidak akan menutup kedudukan tersebut secara automatik (seperti dalam kes dagangan hadapan dan opsyen yang setara di bursa) dan tidak semestinya akan berfungsi sebagai lindung nilai yang sempurna.

#### **6. Risiko Harga**

Kaitan harga biasa antara NID/FRNID pendasar dan derivatif kewangan mungkin tidak wujud dalam keadaan tertentu. Ketiadaan harga rujukan pendasar mungkin menyukarkan untuk menentukan nilai "saksama" dan menjadikan adanya rundingan atau jualan NID/FRNID dalam pasaran sekunder. Oleh kerana harga dan ciri NID/FRNID dirundingkan secara individu dan mungkin tidak ada sumber berpusat untuk mendapatkan harga daripada sumber lain, penetapan harganya boleh menjadi tidak efisien. Bank tidak bertanggungjawab untuk menyebut harga bagi transaksi dalam pasaran sekunder dan Bank tidak membuat perwakilan atau jaminan dan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab atau liabiliti, untuk harga yang disebut atau harga berkenaan yang disebut oleh Bank adalah betul atau harga terbaik yang ada untuk anda. Anda perlu membuat penilaian anda sendiri mengenai harga dan mendapatkan nasihat bebas daripada akauntan, perunding cukai, peguam anda atau khidmat profesional lain. Bank boleh meraih pulangan daripada NID/FRNID tanpa mengambil kira hasil transaksi dari sudut pandangan anda.

#### **7. Risiko Cukai**

Sebelum mendapatkan mana-mana NID/FRNID, anda harus memahami implikasi cukai daripada tindakan demikian. NID/FRNID berlainan mempunyai implikasi cukai yang berbeza dan implikasi cukai mungkin bergantung kepada aktiviti perniagaan anda dan transaksi yang dipersoalkan. Anda hendaklah merujuk kepada penasihat cukai anda untuk memahami implikasi cukai.

#### **8. Risiko Pelaburan**

Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau prestasi dan kesesuaian berterusan NID/FRNID anda. Bank dan gabungannya (termasuk syarikat berkaitan) boleh mempunyai pegangan dalam aset, sekuriti, mata wang, kadar faedah atau derivatif lain untuk dirinya sendiri atau pelanggan lain yang mungkin tidak selaras dengan sebarang nasihat yang diberikan oleh kakitangan atau pegawainya. Sebarang risiko yang berkaitan dengan dan apa-apa kerugian yang dialami yang disebabkan oleh Bank membentuk sebarang NID/FRNID atas arahan anda adalah untuk akaun anda dan anda bertanggungjawab sepenuhnya.

#### **9. Tiada kepastian dalam pembayaran faedah**

Anda memahami bahawa NID/FRNID adalah simpanan bukan tradisional yang terdiri daripada tiga ciri penting yang menimbulkan risiko pelaburan – pertama, simpanan tertakluk kepada formula kadar faedah; kedua, tiada kepastian mengenai pembayaran faedah dan dalam senario terburuk faedah boleh menjadi sifar untuk sebarang tempoh faedah yang berkenaan; dan ketiga, kemungkinan penamatan awal NID/FRNID oleh Bank jika NID/FRNID boleh dipanggil.

#### **10. Nilai nominal amaun NID/FRNID yang dibayar balik pada Tarikh Matang yang ditetapkan**



Anda memahami bahawa nilai nominal NID/FRNID akan dibayar balik kepada anda pada Tarikh Matang yang ditetapkan dengan syarat anda memegang NID/FRNID sehingga Tarikh Matang.

**11. Rundingan NID/FRNID di pasaran sekunder mungkin menyebabkan kerugian modal**

Anda memahami bahawa rundingan atau jualan NID/FRNID sebelum Tarikh Matang yang ditetapkan boleh menyebabkan nilai nominal NID/FRNID berkurangan. Kerugian tidak dapat dipastikan dan bergantung kepada keadaan pasaran semasa.

**12. Penebusan Awal oleh Bank**

Jika NID/FRNID mempunyai ciri boleh panggil, Bank berhak (**tetapi tidak berkewajipan**) untuk menebus NID/FRNID berdasarkan cara dan pada masa yang dinyatakan dalam Lembaran Terma. Bank juga berhak untuk menebus NID/FRNID pada mana-mana tarikh pembayaran faedah dan membayar balik kepada anda nilai nominal berserta hasil faedah (jika berkenaan).

**13. Risiko Turun Naik faedah**

Anda memahami dan mengesahkan bahawa tempoh NID/FRNID dan kadar faedah adalah tertakluk kepada risiko turun naik dan terdapat risiko faedah sifar. Anda telah meneliti secara bebas mengenai pergerakan kadar faedah, kadar pulangan, memahami risiko yang timbul daripada pergerakan dalam kadar pulangan dan mengesahkan bahawa NID/FRNID adalah sesuai berdasarkan objektif kewangan dan pelaburan anda sendiri.

**14. NID/FRNID untuk Pegang-Hingga-Matang**

Anda memahami bahawa anda tidak sepatutnya mendapatkan sebarang NID/FRNID dengan Bank melainkan anda mempunyai dana atau kecairan yang mencukupi untuk membolehkan anda memegang NID/FRNID dengan Bank sehingga Tarikh Matang. Sebarang penjualan NID/FRNID oleh anda sebelum Tarikh Matang boleh menyebabkan anda menerima kurang daripada nilai nominal.

**15. Risiko Pasaran**

Pembayaran atau penerimaan di bawah NID/FRNID akan dikaitkan dengan perubahan dalam nilai satu atau lebih harga pasaran kewangan atau komoditi, kadar atau indeks atau perkara asas lain yang dikaitkan dengan NID/FRNID dan anda akan terdedah kepada turun naik harga di pasaran atau perkara berkaitan. Perubahan sedemikian, yang boleh berlaku secara tiba-tiba dan ketara, boleh menyebabkan anda mengalami kerugian yang banyak dari segi jumlah yang perlu anda bayar di bawah terma transaksi yang lebih besar daripada jumlah yang anda terima dan amaun yang mungkin anda bayar untuk menjual atau lepaskan NID/FRNID sebelum Tarikh Matang yang ditetapkan. Di mana NID/FRNID adalah "berstruktur" atau terdiri daripada beberapa instrumen, anda hendaklah menyedari bahawa terdapat risiko yang berkaitan dengan setiap instrumen yang dinilai secara berasingan dan risiko transaksi yang dinilai secara menyeluruh.

**16. Risiko Ekonomi**

Harga dan ciri transaksi di kaunter diniagakan secara individu dan tiada sumber berpusat untuk mendapatkan harga, dan menyebabkan penentuan harga transaksi tidak efisien. Oleh itu, Bank tidak boleh dan tidak dapat menjamin bahawa harganya atau harga yang diperolehi untuk anda adalah atau pada bila-bila masa adalah harga terbaik yang tersedia untuk anda. Bank boleh meraih pulangan atau keuntungan daripada transaksi dengan anda tanpa mengambil kira hasil transaksi dari sudut pandangan anda.

**17. Risiko Mata Wang**



Anda akan menanggung risiko tambahan turun naik mata wang yang memberi kesan kepada NID, FC NID atau FRNID yang melibatkan mata wang yang berbeza, atau di mana anda menjalankan perniagaan biasa anda atau menyimpan akaun anda dalam mata wang selain daripada mata wang pendasar di mana transaksi itu didenominasikan.

## 18. Risiko atas Transaksi Opsyen

Transaksi opsiyen boleh menjadi sangat berisiko dan boleh disesuaikan secara meluas. Anda perlu memberi perhatian khusus kepada terma-terma yang mengawal selia sesuatu opsiyen, terutamanya kepada terma apabila opsiyen boleh dilaksanakan. Jika anda adalah pembeli opsiyen dan gagal melaksanakan opsiyen atau jika opsiyen yang dibeli tamat tempoh tidak bernilai, anda akan mengalami kerugian jumlah premium opsiyen dan kos transaksi untuk membeli opsiyen. Jika opsiyen dilaksanakan oleh anda, anda akan memperolehi kedudukan yang setara dengan opsiyen pendasar tersebut. Risiko menjual (menerbit) opsiyen adalah jauh lebih besar daripada risiko yang terlibat dalam membeli opsiyen. Jika anda membeli opsiyen, anda tidak boleh kehilangan lebih daripada premium. Jika anda menjual (menerbit) opsiyen, risiko boleh menjadi tidak terhad. Jika pembeli melaksanakan opsiyen, kewajipan anda adalah untuk menyelesaikan opsiyen secara tunai atau memperolehi atau menyerahkan kontrak asas. Jika opsiyen dilindungi oleh kedudukan yang setara dalam kontrak asas atau oleh opsiyen lain, risiko boleh dikurangkan dan jika opsiyen tidak dilindungi anda mungkin mengalami kerugian yang tidak terhad. Penjual opsiyen panggilan yang tidak mempunyai kedudukan jangka panjang dalam kontrak asas adalah tertakluk kepada risiko kerugian sekiranya harga kontrak asas lebih tinggi daripada harga laksana apabila melaksanakan atau tamat tempoh opsiyen panggilan dengan jumlah yang lebih besar daripada premium yang diterima untuk menjual opsiyen panggilan. Jika anda mempunyai kedudukan jangka panjang dalam kontrak asas, anda tertakluk kepada risiko penuh penurunan harga kontrak asas yang dikurangkan oleh premium yang diterima. Sebagai pertukaran untuk premium yang diterima bagi menjual opsiyen panggilan, anda melepaskan semua potensi keuntungan yang terhasil daripada kenaikan harga kontrak asas melebihi harga laksana. Penjual opsiyen yang tidak mempunyai kedudukan pendek dalam kontrak asas adalah tertakluk kepada risiko kerugian sekiranya harga kontrak asas menurun di bawah harga laksana selepas pelaksanaan atau tamat tempoh opsiyen dengan jumlah yang melebihi premium diterima kerana meletakkan jualan opsiyen. Jika anda mempunyai kedudukan pendek dalam kontrak asas, anda tertakluk kepada risiko penuh kenaikan harga kontrak asas yang dikurangkan oleh premium yang diterima. Sebagai pertukaran untuk premium yang diterima bagi menjual opsiyen, anda melepaskan semua potensi keuntungan yang terhasil daripada penurunan harga kontrak asas di bawah harga laksana.

## 19. Sekuriti

Apabila NID/FRNID dikaitkan dengan indeks atau aset lain, anda akan terdedah kepada turun naik pelbagai bursa saham atau pasaran kewangan lain di mana saham, syer, waran, bon, debentur, nota, sekuriti hutang dan sekuriti lain (secara kolektif "sekuriti") didagangkan. Terutamanya, nilai sekuriti mungkin mengalami pergerakan menurun dan dalam beberapa keadaan menjadi tidak bernilai. Oleh itu, terdapat risiko ketara bahawa kerugian dan bukan pembayaran faedah mungkin akan ditanggung akibat pembelian atau penjualan sekuriti atau membeli atau menjual opsiyen atas sekuriti. Terutamanya, anda perlu merujuk kepada perenggan mengenai Risiko Pasaran untuk memahami kesan kuasa pasaran ke atas sekuriti. Bank berhak untuk bertindak mengikut arahan anda dan anda tidak boleh menganggap bahawa Bank akan memberi amaran kepada anda jika arahan anda tidak tepat masa atau tidak digalakkan atas sebarang sebab atau jika arahan itu mungkin menyebabkan anda kerugian.

## 20. Risiko Kredit

Anda menanggung risiko kredit Bank. Anda meletakkan dana dengan Bank dan oleh itu bergantung pada keupayaan Bank untuk membayar sebarang amaun faedah pada tarikh pembayaran faedah, jika berkenaan, dan amaun penebusan pada tarikh matang.

### Pendedahan Risiko untuk Dana

- 1.1 Anda mengakui bahawa Dana tertakluk kepada risiko pelaburan dan risiko pasaran, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Anda mengesahkan dan memberi jaminan bahawa anda memahami dan menyedari sepenuhnya tentang risiko yang ada pada pelaburan dalam Unit dan Dana dan anda akan mendapatkan, sama ada daripada Bank atau Pengurus atau Dana versi terkini Prospektus atau mana-mana bahan yang berkaitan dibekalkan



oleh Pengurus atau Dana berkenaan yang mungkin wujud pada tarikh transaksi dan tarikh arahan diberikan oleh anda kepada Bank. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan mempunyai sebarang liabiliti atau tanggungjawab kepada anda untuk sebarang kesilapan, salah nyata atau ketinggalan dalam mana-mana Prospektus atau bahan yang disediakan oleh atau dikeluarkan oleh mana-mana Pengurus atau Dana.

- 1.2 Anda mengesahkan kemahuan untuk mendapatkan nasihat kewangan atau profesional bebas berkaitan sebarang urusan melibatkan Unit atau Dana atau pelaburan atau peluang pelaburan. Anda mengesahkan bahawa sebarang urusan melibatkan Dana atau Unit adalah milik dan eksklusif ke atas anda berdasarkan pertimbangan anda sendiri dan selepas penilaian dan penyiasatan bebas yang anda lakukan sendiri mengenai risiko yang berkaitan dengan urusan tersebut atau sebaliknya.

### **Pendedahan Risiko untuk Bon**

- 1.1 Bon tertakluk kepada ukuran sebenar dan anggapan kelayakan kredit penerbit dan penjamin (jika berkenaan). Tidak ada jaminan perlindungan ke atas kemungkiran oleh pengeluar / penjamin (jika berkenaan) tersebut berhubung kewajipan membayar balik. Dalam senario kes terburuk, anda mungkin tidak boleh mendapatkan semula prinsipal dan sebarang keuntungan jika pengeluar dan penjamin (jika berkenaan) ingkar ke atas bon. Jika Bon ditebus atau dijual sebelum matang, anda mungkin kehilangan sebahagian daripada prinsipal.

- 1.2 Untuk mendapatkan peluang meraih potensi pulangan lebih tinggi daripada yang mungkin diperolehi dari simpanan tetap, anda seharusnya bersedia menanggung risiko tambahan yang mungkin ada pada jumlah pelaburan asal dan faedah yang diperolehi oleh pelaburan.

Untuk bon boleh ubah sahaja:

- (a) Anda berhak untuk menukar bon boleh tukar kepada saham biasa. Syarat penukaran dinyatakan dalam perjanjian bon semasa bon diterbitkan.
- (b) Harga bon boleh tukar juga dipengaruhi oleh pergerakan harga saham biasa di mana bon tersebut boleh ditukar. Secara amnya, apabila harga saham biasa jatuh, harga bon boleh tukar turut jatuh.

Untuk bon kekal sahaja:

- (a) Bon kekal tidak mempunyai tarikh matang tetap dan penerbit tidak mempunyai kewajipan untuk menebus (membayar balik pelaburan asal) bon tersebut.
- (b) Bon kekal lebih sensitif kepada pergerakan dalam kadar faedah, menjadikan harganya sukar diramalkan berbanding bon dengan tarikh matang tetap.

- 1.3 Terdapat risiko kadar tukaran asing apabila melabur dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang pendasar anda. Risiko ini boleh mengakibatkan kerugian atas pelaburan asal anda.

- 1.4 Anda mungkin kehilangan sebahagian atau semua pelaburan asal anda jika penerbit ingkar (contohnya, ia mengalami pembubaran atau diisytiharkan bankrap). Ia bermakna tidak ada jaminan bahawa anda akan menerima wang asal yang anda laburkan.

- 1.5 Harga bon dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah/keuntungan. Secara umumnya, apabila kadar faedah/keuntungan meningkat, harga bon akan jatuh. Jika bon dijual sebelum tarikh matang, apabila kadar faedah/keuntungan meningkat, anda boleh mengalami kerugian yang besar atas pelaburan asal anda.

- 1.6 Bon boleh ditebus (pelaburan asal dapat diperolehi semula) oleh penerbit sebelum tarikh matang. Jika ia berlaku, penerbit akan memulangkan pelaburan asal anda secara tunai. Jika anda memutuskan untuk melaburkan semula wang yang anda terima dalam bon lain, keadaan pasaran pada masa tersebut mungkin tidak sebaik semasa anda membuat pelaburan asal anda.





- 1.7 Anda mungkin terdedah kepada risiko kecairan jika anda menghadapi kesukaran mencari pembeli semasa anda ingin menjual bon anda. Oleh itu, anda boleh mengalami kerugian ketara atas pelaburan asal anda jika anda menjual pada diskaun yang besar berbanding nilai pasaran.
- 1.8 Jika anda menjual bon sebelum tarikh matang, harga jualan akan bergantung pada harga pasaran semasa dan ia mungkin lebih tinggi atau lebih rendah berbanding harga pembelian. Anda mungkin mengalami kerugian ketara atas pelaburan asal anda jika harga semasa jauh lebih rendah berbanding harga pembelian.
- 1.9 Jika anda ingin menjual bon yang dibeli melalui Bank, Bank boleh membelinya semula atas dasar usaha terbaik mengikut harga pasaran semasa dalam keadaan pasaran biasa, tetapi harga belian mungkin berbeza daripada harga jualan asal disebabkan oleh perubahan pada keadaan pasaran.
- 1.10 Pasaran sekunder untuk bon mungkin tidak menyediakan kecairan yang besar atau mungkin didagangkan pada harga yang berdasarkan keadaan pasaran semasa dan tidak selaras dengan jangkaan anda.
- 1.11 Jika bon ditebus lebih awal, anda mungkin tidak dapat menikmati kadar pulangan yang sama apabila anda melaburkan semula hasil ke dalam pelaburan lain.

## **BAHAGIAN C2: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA INSTRUMEN DEPOSIT BOLEH NIAGA**

### **1. Pembentukan Instrumen Deposit Boleh Niaga (“NID”)**

- (a) Bank boleh dari semasa ke semasa menerima simpanan dalam Ringgit Malaysia atau mata wang asing (setiap satu “Simpanan”) daripada anda dan menerbitkan kepada orang yang membuat simpanan kepada atau membuat pembelian utama NID daripada Bank (“Penyimpan” atau “anda”) satu NID, pada par, pada premium atau pada diskaun. NID boleh didenominasikan dalam Ringgit Malaysia (“Ringgit NID”) untuk simpanan Ringgit dan/atau NID dalam mata wang asing (“FCNID”) untuk simpanan mata wang asing.
- (b) Anda mewakili dan memberi jaminan kepada Bank bahawa sumber dana yang digunakan untuk Simpanan adalah sah di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk undang-undang dan peraturan pentadbiran tukaran asing) bidang kuasa yang mengikat atau terpakai ke atas anda dan anda akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa undang-undang atau peraturan tersebut tidak akan dilanggar dan akan dipatuhi pada setiap masa.
- (c) Kecuali jika dinyatakan sebaliknya oleh Bank, Ringgit NID dan FC NID akan mempunyai nilai nominal lebih daripada RM60,000 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu) atau mata wang asing yang bersamaan dengan nilai RM.
- (d) Kelas NID yang mungkin diterbitkan oleh Bank dan didagangkan dalam pasaran termasuk NID Jangka Pendek (SNID), NID Jangka Panjang (LNID), NID Kupon Sifar (ZNIDS) dan NID Kadar Terapung (FRNID) dan NID daripada mana-mana kelas ini atau kelas lain yang dibenarkan dari semasa ke semasa oleh BNM, boleh diterbitkan oleh Bank tertakluk kepada spesifikasi, terma dan syarat Bank untuk NID yang dinyatakan dalam Lembaran Terma yang berkaitan dan dalam sijil NID serta terma dan syarat ini.
- (e) Anda melantik Bank untuk bertindak, dan Bank bertindak sedemikian, sebagai Depositori Dibenarkan untuk semua NID yang diterbitkan oleh Bank dan NID tersebut hendaklah disimpan setiap masa dalam jajaan Bank sebagai Depositori Dibenarkan. NID akan dikekalkan dalam Portfolio Kekayaan anda tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan sebarang peraturan dan garis panduan lain yang mengawal selia Depositori Dibenarkan (seperti dipinda, diubah atau ditambah dari semasa ke semasa) yang ditetapkan oleh BNM atau pihak berkuasa atau badan kawal selia lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.



- (f) Tanpa mengambil kira yang terkandung di sini, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak meneruskan penerbitan mana-mana NID pada atau sebelum tarikh terbitannya, atas sebarang sebab, termasuk tanpa had, perubahan pada keadaan pasaran, kekurangan atau ketiadaan simpanan yang diperlukan untuk mencapai pulangan atau kerana sasaran simpanan Bank tidak tercapai.

## **2. Bayaran Kupon dan Penebusan NID (di mana Bank adalah penerbit NID)**

- (a) Bank sebagai penerbit dan Depositori Dibenarkan NID akan membayar kupon (dibayar pada setiap tarikh pembayaran faedah) dan nilai nominal NID (dibayar pada tarikh matang NID) kepada Penyimpan atau Pembawa sebagaimana berkenaan, selewat-lewatnya pada pukul 11.00 pagi pada tarikh pembayaran faedah atau tarikh matang, sebagaimana berkenaan, atau masa kemudian yang dibenarkan di bawah Garis Panduan.
- (b) Jika tarikh pembayaran faedah atau tarikh matang jatuh pada hari Sabtu atau Ahad atau hari cuti umum yang diketahui, hasil kupon atau nilai nominal sebagaimana berkenaan, akan dibayar pada Hari Perniagaan berikutnya, tetapi jika Hari Perniagaan berikutnya memasuki bulan seterusnya, tarikh pembayaran faedah adalah pada Hari Perniagaan sebelum sebelum tarikh pembayaran faedah.
- (c) Jika tarikh pembayaran faedah atau tarikh matang, jatuh pada hari cuti yang tidak dijangka di Kuala Lumpur dan pusat kewangan mata wang NID berkenaan, hasil kupon atau nilai nominal sebagaimana berkenaan, akan dibayar pada Hari Perniagaan berikutnya, tanpa mengambil kira sama ada Hari Perniagaan seterusnya memasuki bulan berikutnya. Bank akan membayar faedah pampasan yang dikira mengikut cara yang ditetapkan di bawah Garis Panduan hanya untuk kelas NID tertentu yang mana berdasarkan Garis panduan, Bank dikehendaki membayar faedah pampasan tersebut.
- (d) Semua pembayaran oleh Bank sebagai penerbit dan Depositori Dibenarkan NID, termasuk kupon dan nilai nominal NID, akan dikreditkan ke dalam MCCA Penyimpan (atau Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang, seperti yang ditakrifkan dalam dan dikawal selia oleh terma dan syarat pada Bahagian B Perjanjian) yang dibuka di bawah Portfolio Kekayaan di mana NID dikekalkan.
- (e) Bank boleh menerbitkan NID dengan ciri boleh panggil di mana Bank berhak (tetapi tidak berkewajipan) untuk menebus NID lebih awal tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di bawah Garis Panduan. Sebagai tambahan kepada yang tersebut di atas, Bank boleh membeli dan menebus NIDnya sendiri sebelum tarikh matang, tertakluk kepada NID yang telah diterbitkan dan tertunggak selama sekurang-kurangnya 1 bulan kalendar dengan syarat jika NID ialah FRNID, Bank hanya boleh menebus NID lebih awal pada tarikh bayaran faedah. Selepas NID ditebus atau jika NID telah dipanggil oleh Bank, ia akan dibatalkan.
- (f) Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 2(e) di atas, Bank tidak boleh membeli NID sendiri dan mana-mana orang tidak boleh menjual kepada Bank NID yang diterbitkan oleh Bank.

## **3. Denominasi, Pemecahan dan Gabungan NID yang diterbitkan oleh Bank**

- (a) Pembawa NID boleh tertakluk kepada pembayaran yuran seperti yang mungkin dikenakan oleh Bank dan penyerahan sijil NID kepada Bank, meminta NID Ringgit yang diterbitkan pada denominasi melebihi RM60,000.00 untuk dipecahkan kepada denominasi yang lebih kecil, tertakluk kepada denominasi minimum RM60,000.00 setiap sijil selepas pemecahan.
- (b) Selepas pemecahan atau penggabungan NID, Bank akan membatalkan sijil yang diserahkan dan mengeluarkan sijil baharu kepada pembawa sebagai gantian dengan segera tetapi tidak lewat daripada 5 Hari Perniagaan atau satu tempoh lain seperti yang ditetapkan oleh Bank selepas sijil NID lama diserahkan.



- (c) Bagi NID yang diterbitkan dalam mata wang asing, nilai denominasi, nilai nominal minimum dan maksimum, jumlah pada pecahan atau gabungan, sebagaimana berkenaan, setiap sijil hendaklah dalam mata wang asing yang bersamaan dengan nilai Ringgit masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3 ini (a).

#### 4. Arahan ke atas NID

- (a) Bank boleh, dari semasa ke semasa dan mengikut budi bicaranya, menerima dan bertindak mengikut arahan daripada Penyimpan untuk membeli NID atau berkaitan dengan sebarang perkara yang melibatkan NID, sama ada arahan tersebut diberikan secara lisan atau bertulis dan sama ada melalui telefon, telefon bimbit, pos, transmisi faksimili atau kaedah elektronik lain (“Arahan”) dan Bank berhak untuk bergantung, bertindak dan menganggap Arahan tersebut sebagai arahan yang betul dan dibenarkan oleh Penyimpan tanpa dipersoalkan oleh Bank mengenai identiti orang yang memberi atau yang dikatakan memberikan notis atau arahan tersebut atau mengenai ketulenan Arahan tersebut. NID yang diterbitkan selaras dengan Arahan tersebut akan mengikat ke atas Penyimpan dan adalah atas akaun dan risiko Penyimpan. Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan untuk bertindak ke atas mana-mana Arahan tersebut, melainkan kerugian adalah disebabkan oleh kecuai Bank. Arahan yang telah dikeluarkan tidak boleh ditarik balik. Bank berhak untuk merekodkan semua perbualan telefon atau telefon bimbit dan Arahan yang berkaitan dengan setiap NID dan Penyimpan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Penyimpan mengesahkan bahawa Bank hanya perlu melaksanakan Arahan selaras dengan amalan perniagaan, prosedur dan polisi biasa yang ditetapkan dan mengikut budi bicaranya boleh menolak sebarang Arahan.
- (b) Bank akan mengeluarkan pengesahan kepada Penyimpan (“Pengesahan”) selepas melaksanakan setiap Arahan untuk pembelian NID. Arahan yang berkaitan dengan perkara lain tidak akan disahkan. Terma yang dinyatakan dalam setiap Pengesahan akan dianggap sebagai dipersetujui oleh Penyimpan melainkan Bank menerima notis bertulis daripada Penyimpan mengenai sebarang kesilapan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh terbitan. Semua Pengesahan adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Penyimpan, sekiranya tidak ada kesilapan nyata.
- (c) Pelaksanaan sebarang Arahan oleh Bank akan membentuk kontrak yang mengikat dan Penyimpan akan terikat untuk menunaikan kontrak berdasarkan termanya. Transaksi tersebut tidak akan tertakluk kepada penerimaan oleh Bank bagi sebarang pengesahan bertulis daripada Penyimpan atau resit oleh Penyimpan bagi Pengesahan yang dikeluarkan oleh Bank dan jika Penyimpan gagal melaksanakan kewajibannya, Penyimpan akan bertanggungjawab dan memberi indemniti kepada Bank untuk semua kos dan kerugian yang ditanggung atau dialami.
- (d) Sebarang Pengesahan, notis atau komunikasi kepada Penyimpan akan diberi secara sah jika ia dihantar melalui faksimili, melalui penghantaran peribadi atau kurier, melalui pos biasa atau melalui e-mel ke alamat kediaman/pejabat terakhir Penyimpan yang diketahui atau alamat e-mel yang didaftarkan dengan atau diselenggara oleh Bank atau dimaklumkan kepada Penyimpan melalui telefon atau telefon bimbit.
- (e) Bank tidak bertanggungjawab untuk menyiasat keaslian atau ketulenan Arahan dan terma dan syarat ini tidak akan terjejas oleh sebarang penyalahgunaan atau penggunaan tanpa kebenaran komunikasi tersebut. Penyimpan memberi indemniti sepenuhnya kepada Bank untuk semua kerugian, tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, perbelanjaan dan semua liabiliti lain yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat penerimaan dan tindakannya berdasarkan Arahan tersebut, melainkan kerugian itu hanya disebabkan oleh kecuai Bank.
- (f) Sebagai tambahan kepada perkara di atas, sebelum Bank bertindak atas sebarang Arahan berkaitan NID, Bank memerlukan daripada Penyimpan atau Pembawa dokumentasi lain (seperti borang pemindahan, borang penebusan atau dokumen lain atau kebenaran yang dikeluarkan atau dilaksanakan oleh pihak



yang ditetapkan oleh Bank) dan seterusnya menetapkan bahawa dokumentasi tersebut mesti diterima oleh Bank dalam tempoh beberapa hari seperti yang ditetapkan sebelum Arahan boleh dilaksanakan.

#### 5. **Agen Pengiraan**

Bank adalah agen pengiraan untuk tujuan menentukan pelbagai amaun yang perlu dibayar atau nilai Aset Pendasar (dalam kes FRNID), sebagaimana berkenaan. Bank akan melaksanakan tugasnya sebagai agn pengiraan dengan penuh percaya.

#### 6. **Pengeluaran Amaun Prinsipal Sebelum Tarikh Matang**

Pengeluaran Simpanan atau penamatan oleh Penyimpan dan/atau Pembawa mana-mana NID, atau mana-mana bahagian daripadanya, sebelum tarikh matang, boleh dibuat atas terma dan syarat yang mungkin ditetapkan oleh Bank, termasuk caj penamatan awal (jika ada) atau yuran pentadbiran, caj dan yuran yang dibenarkan di bawah Garis Panduan dan sebarang yuran atau caj lain yang mungkin diputuskan untuk dikenakan tertakluk kepada kelulusan (jika perlu) daripada BNM atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia lain dan akan dikira mengikut formula seperti yang boleh Bank tetapkan dari semasa ke semasa berkaitan dengan NID tersebut. Walaupun Bank boleh memberikan penilaian tandaan-kepada-pasaran secara berkala kepada Penyimpan dan/atau Pembawa, Penyimpan dan/atau Pembawa mengesahkan dan bersetuju bahawa penentuan nilai NID oleh Bank sebelum tarikh matang selaras dengan amalan biasa Bank dari semasa ke semasa, sekiranya tiada kesilapan nyata, adalah muktamad, konklusif dan mengikat walaupun Penyimpan dan/atau Pembawa berhak untuk mengemukakan sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan atau butiran mengenai cara pengiraan yang berkaitan dengannya.

#### 7. **Bank Tidak Boleh Dipertanggungjawabkan atas sebab yang di luar kawalan Bank**

Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti dan dalam apa juga cara tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan atau kegagalan pihaknya untuk melaksanakan sebarang kewajipan di sini atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Penyimpan atau Pembawa atas sebarang sebab yang di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan ke atas kebolehtukaran atau kebolehpindahan, kebakaran, gempa bumi, banjir, epidemik, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam yang lain atau sebarang kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, perkhidmatan rangkaian, elektrik, air, bekalan bahan api (seperti kerosakan atau kegagalan atau gangguan sementara penghantaran atau komunikasi atau kemudahan komputer, perkhidmatan rangkaian atau bekalan elektrik terputus), penutupan atau sebarang faktor yang bersifat *force majeure*.

#### 8. **Bank Dilepaskan daripada Liabiliti Selanjutnya selepas Pembayaran**

- (a) Bank akan dilepaskan daripada kesemua liabilitinya sebagai penerbit NID berkenaan selepas membuat pembayaran hasil kupon atau pembayaran nilai nominal pada tarikh matang atau hasil penebusan (selepas melaksanakan panggilan atau penebusan awal sebelum tarikh matang), selepas pembayaran hasil tersebut kepada Depositori Dibenarkan Pembawa secara pindahan dana elektronik melalui RENTAS atau melalui kaedah lain seperti yang ditetapkan oleh Bank atau dipersetujui dengan Depositori Dibenarkan.
- (b) Bank, bertindak sebagai Depositori Dibenarkan untuk NID yang diterbitkan oleh Bank, akan dilepaskan daripada kesemua liabilitinya sebagai penerbit dan Depositori Dibenarkan apabila hasil kupon atau nilai nominal pada tarikh matang atau hasil penebusan sebagaimana berkenaan, telah dikreditkan kepada MCCA anda atau Akaun lain yang dibuka atas nama anda (rujukan kepada "anda"/"milik anda" hendaklah dibaca sebagai bermaksud Penyimpan/Milik Penyimpan atau Pembawa/Milik Pembawa, sebagaimana berkenaan). Penyimpan dan Pembawa tidak akan mempunyai sebarang tuntutan terhadap Bank sebagai penerbit NID atau sebagai Depositori Dibenarkan berhubung sebarang kerugian atau kekurangan untuk hasil berkenaan.
- (c) Bank berhak untuk melaksanakan pembayaran hasil kupon, nilai nominal atau hasil penebusan di bawah Klausula bersih daripada sebarang potongan, cukai pegangan atau lain-lain cukai, termasuk sebarang cukai



barangan, jualan dan perkhidmatan atau levi yang dikenakan ke atas pembayaran atau pemindahan tersebut di bawah undang-undang.

- (d) Sekiranya sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, cukai tambah nilai atau sebarang cukai yang serupa pada masa ini atau selepas ini perlu dibayar pada atau berkaitan dengan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah undang-undang, perkara yang sama (kecuali setakat yang dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung oleh anda dan anda memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit MCCA anda atau Akaun lain yang dikekalkan atas nama anda untuk membayar cukai tersebut, jika Bank tidak mendebit cukai tersebut daripada mana-mana Akaun anda, anda hendaklah membayar kepada Bank apabila diminta, jumlah yang bersamaan dengan jumlah cukai barangan dan perkhidmatan tersebut atau cukai, levi atau caj lain.

#### 9. Yuran dan Caj Bank

Bank akan mengenakan bayaran dan caj kepada Penyimpan dan/atau Pembawa seperti yang dibenarkan di bawah Garis Panduan dan sebarang yuran atau caj lain yang mungkin diputuskan untuk dikenakan tertakluk kepada kelulusan (jika perlu) daripada BNM atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia lain. Yuran dan caj tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya (tanpa sebarang potongan, tolakan atau penahanan) dan boleh didebit daripada MCCA atau hasil NID mengikut amalan biasa Bank. Yuran dan caj Bank tidak merangkumi sebarang cukai barangan, jualan dan perkhidmatan, atau sebarang cukai lain yang serupa ("cukai tidak langsung") yang jika perlu dibayar adalah untuk akaun Penyimpan dan/atau Pembawa. Jika undang-undang memerlukan sebarang potongan atau penahanan, Penyimpan dan/atau Pembawa akan bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank dengan segera dan memberi kuasa kepada Bank untuk menolak daripada MCCA dan/atau Akaun lain, jumlah tambahan tersebut supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank akan bersamaan dengan jumlah penuh yang sepatutnya diterima sekiranya tiada potongan atau penahanan yang perlu dibuat.

#### 10. Pembawa NID terikat oleh Terma dan Syarat NID

Pembawa NID yang diterbitkan oleh Bank akan terikat dengan terma dan syarat ini dan spesifikasi, terma dan syarat Bank untuk NID seperti dinyatakan dalam Lembaran Terma yang berkaitan, Surat Pengesahan yang berkenaan dan dalam sijil NID.

#### 11. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

NID tidak dilindungi oleh PIDM.

### BAHAGIAN C3: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PELABURAN BERSTRUKTUR

#### 1. Pembentukan Pelaburan Berstruktur

- 1.1 Anda (selepas ini dirujuk saling bertukar sebagai "Pelanggan" atau "Pelabur") dikehendaki meminta dan memohon dengan Bank untuk mewujudkan nombor dan jenis pelaburan atas nama anda seperti yang anda arahkan dari semasa ke semasa dan pelaburan tersebut mungkin merupakan Pelaburan Prinsipal Dilindungi atau Pelaburan Prinsipal Tidak Dilindungi (setiap satu "Pelaburan").
- 1.2 Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya menetapkan amaun pelaburan minimum untuk semua atau berkaitan dengan setiap jenis Pelaburan dan bahawa kenaikan dalam amaun yang dilaburkan mesti dibuat dalam gandaan jumlah minimum yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.3 Bank mempunyai budi bicara penuh pada setiap masa untuk menetapkan perkara atau jenis aset (termasuk tanpa had ekuiti, bon, sekuriti lain, indeks, mata wang, komoditi atau aset lain atau gabungan aset) yang mungkin layak diletakkan sebagai aset pendasar ("Aset Pendasar");



## 2. Letakan Pelaburan

2.1 Tertakluk kepada anda melabur dengan Bank sejumlah prinsipal ("Amaun Prinsipal") untuk satu tempoh dan tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam lembaran terma yang diterbitkan oleh Bank ("Lembaran Terma") untuk Pelaburan yang anda pilih dan lembaran terma tersebut akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini, anda mengesahkan bahawa terma dalam Klausula 2.2 akan diguna pakai untuk Pelaburan Prinsipal Dilindungi dan terma dalam Klausula 2.3 akan diguna pakai untuk Pelaburan Prinsipal Tidak Dilindungi.

### 2.2 Pelaburan Prinsipal Dilindungi

- (a) Pada atau sebelum Tarikh Mula (seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Terma), Bank akan memberitahu anda mengenai formula ("Formula") untuk mengira pulangan Pelaburan ("Pulangan"), Tarikh Pembayaran Pulangan, Tarikh Matang dan terma lain Pelaburan (setiap satu seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Terma);
- (b) Pada setiap Tarikh Pembayaran, tertakluk kepada Klausula 2.4, dan apabila syarat pembayaran yang dinyatakan dalam Lembaran Terma telah dipenuhi, Bank akan membayar kepada anda Pulangan yang dikira mengikut Formula;
- (c) Pada Tarikh Matang (melainkan Pelaburan telah ditamatkan selaras dengan Klausula 2.4 atau Klausula 4), Bank akan membayar balik kepada anda Amaun Prinsipal berserta Pulangan (jika ada) untuk Tempoh sebelum itu;
- (d) Tanpa mengambil kira Klausula 2.2(c) di atas, Bank berhak untuk menamatkan Pelaburan secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada anda ("Pilihan Penamatan Awal") selaras dengan terma dalam Lembaran Terma dan membayar balik kepada anda Amaun Prinsipal berserta Pulangan (jika ada).

### 2.3 Pelaburan Prinsipal Tidak Dilindungi

- (a) Anda mengesahkan bahawa di bawah Pelaburan berkenaan, anda menetapkan Pelaburan dan menjual kepada atau membeli daripada Bank opsyen jual atau beli, sepertimana berkenaan, pada Aset Pendasar tertakluk kepada terma yang dinyatakan oleh Bank dan dipersetujui oleh anda seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Terma seperti tempoh Pelaburan, Tarikh Matang, kadar pulangan yang berkenaan, Kadar/Harga Laksana (iaitu harga belian Aset Pendasar selepas melaksanakan opsyen), harga rujukan Aset Pendasar dan terma untuk pelaksanaan opsyen oleh anda atau Bank.
  - (b) Anda juga mengesahkan bahawa dalam keadaan di mana anda menjual opsyen kepada Bank, Bank mempunyai hak mutlak untuk menyerahkan kepada anda pada Tarikh Matang Pelaburan, Aset Pendasar dan bukannya membayar kepada anda prinsipal dan Pulangan Pelaburan dan bahawa walaupun nilai Aset Pendasar yang akan dihantar pada Tarikh Matang telah ditetapkan lebih awal berdasarkan terma dalam Lembaran Terma, anda masih tertakluk kepada risiko turun naik dalam Aset Pendasar.
  - (c) Jika Bank tidak melaksanakan opsyen, maka pada Tarikh Matang Pelaburan, Bank akan membayar kepada anda Prinsipal dan Pulangan (jika ada) berdasarkan Formula.
- 2.4 Tanpa mengambil kira yang terkandung di sini, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak meneruskan pelaburan Amaun Prinsipal pada atau sebelum Tarikh Mula atas sebarang sebab, termasuk tanpa had, kekurangan atau ketiadaan dana untuk melaksanakan arahan pelaburan anda atau kerana sasaran pelaburan Bank tidak tercapai.

## 3. Agen Pengiraan



Bank adalah agen pengiraan untuk tujuan menentukan pelbagai amaun yang perlu dibayar atau nilai Aset Pendasar, sebagaimana berkenaan. Bank akan melaksanakan tugasnya sebagai agen pengiraan dengan penuh percaya.

Pendedahan Kepentingan: Anda memahami sepenuhnya bahawa Bank memainkan pelbagai peranan berkaitan Pelaburan Berstruktur termasuk bertindak sebagai Agen Pengiraan dan melindungi nilai kewajipannya di bawah Pelaburan Berstruktur ini. Bank dan/atau mana-mana syarikat berkaitnya, dalam menjalankan perniagaan biasa mereka, juga boleh melaksanakan transaksi untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun pelanggan mereka. Dalam menjalankan perniagaan sedemikian, Bank atau mana-mana syarikat berkaitnya tidak berkewajipan untuk mengambil kira keadaan anda atau bertindak dengan cara yang menguntungkan anda. Anda memahami sepenuhnya bahawa aktiviti sedemikian mungkin, atau mungkin tidak akan menjejaskan nilai Pelaburan Berstruktur dan anda menyedari bahawa konflik mungkin timbul.

#### **4. Pengeluaran Amaun Prinsipal Tertakluk Kepada Kebenaran Bank**

- 4.1 Pengeluaran Amaun Prinsipal sebelum Tarikh Mula atau Tarikh Matang, sebagaimana berkenaan, hanya boleh dibuat dengan persetujuan Bank dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank, termasuk caj pengeluaran pramatang dan/atau yuran pentadbiran, di mana caj tersebut dikira sebagai kos penggantian Pelaburan untuk baki tempoh pada kadar pasaran semasa yang boleh menyebabkan anda kehilangan semua atau sebahagian daripada Amaun Prinsipal yang dilaburkan. Tiada Pulangan yang akan dibayar atas Amaun Prinsipal bagi pengeluaran pramatang Pelaburan kecuali apabila dinyatakan sebaliknya dalam Lembaran Terma.
- 4.2 Sebarang pengeluaran pramatang mestilah untuk keseluruhan Amaun Prinsipal dan bukan sebahagian daripadanya. Sebarang arahan untuk pengeluaran pramatang mesti diterima pada atau sebelum 15 haribulan dan hari perniagaan terakhir setiap bulan atau tempoh masa lain yang dibenarkan oleh Bank untuk Pelaburan Prinsipal Dilindungi dan Pelaburan Prinsipal Tidak Dilindungi, di mana arahan tersebut boleh diberikan kepada Bank dalam tempoh tempoh masa yang ditentukan oleh Bank dan pembayaran Amaun Prinsipal akan ditolak sebarang pengeluaran pramatang atau caj penamatan awal dan/atau caj lain boleh dilakukan 5 Hari Perniagaan selepas Bank menerima arahan. Jika arahan untuk pengeluaran pramatang Pelaburan Prinsipal Dilindungi diterima selepas 15 haribulan dan hari perniagaan terakhir bagi mana-mana bulan (atau tempoh masa lain yang dibenarkan), arahan tersebut akan diproses pada bulan berikutnya, kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank.
- 4.3 Pengeluaran pramatang Pelaburan (sama ada untuk Pelaburan Prinsipal Dilindungi atau Pelaburan Prinsipal Tidak Dilindungi), sebagai tambahan kepada akibat yang dinyatakan dalam Klausula 4.1 dan 4.2, ia juga boleh menyebabkan Pulangan yang dijangka menjadi berkurangan dan/atau mengurangkan jumlah prinsipal dan/atau menyebabkan kerugian modal meningkat.

#### **5. Pembayaran**

- 5.1 Bank akan dilepaskan daripada keseluruhan liabilitinya berkaitan Pelaburan apabila:-
- (a) Amaun Prinsipal dan Pulangan (jika ada) dikreditkan oleh Bank pada Tarikh Matang selaras dengan Klausula 2.2(c) kepada MCCA anda; atau
  - (b) Amaun Prinsipal dan Pulangan (jika ada) dikreditkan oleh Bank selaras dengan Klausula 2.2(d) kepada MCCA anda; atau
  - (c) amaun yang perlu dibayar kepada anda seperti yang ditentukan oleh Bank, dikreditkan oleh Bank selaras dengan Klausula 4 kepada MCCA anda; atau
  - (d) Prinsipal dan Pulangan (jika ada) dikreditkan oleh Bank kepada MCCA anda pada Tarikh Matang selaras dengan Klausula 2.3(c) atau
  - (e) Aset Pendasar pada nilai yang ditentukan oleh Bank mengikut Lembaran Terma diserahkan kepada anda selaras dengan Klausula 2.3(b).



Bank berhak untuk melaksanakan pembayaran di bawah Klausa ini bersih daripada sebarang potongan, cukai pegangan atau sebarang cukai lain, termasuk sebarang cukai barangan, jualan dan perkhidmatan atau levi yang dikenakan ke atas pembayaran atau pemindahan berkenaan di bawah undang-undang.

- 5.2 Sekiranya sebarang cukai barangan, jualan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, cukai tambah nilai atau sebarang cukai yang serupa pada masa ini atau selepas ini perlu dibayar pada atau berkaitan dengan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah undang-undang, perkara yang sama (kecuali setakat yang dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung oleh anda dan anda memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit cukai tersebut daripada MCCA anda atau Akaun lain dengan Bank, jika Bank tidak mendebit cukai tersebut daripada Akaun anda, anda hendaklah membayar kepada Bank apabila diminta, jumlah yang bersamaan dengan jumlah cukai barangan, jualan dan perkhidmatan tersebut atau cukai, levi atau caj lain.

#### **6. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

Produk Pelaburan Berstruktur tidak dilindungi oleh PIDM.

### **BAHAGIAN C4: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PERKHIDMATAN PELABURAN UNIT AMANAH**

#### **1. Penyediaan Perkhidmatan Pelaburan OCBC**

- 1.1 Terma dan syarat ini mengawal selia Perkhidmatan Pelaburan OCBC yang disediakan oleh Bank kepada anda untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit dalam mana-mana Dana.
- 1.2 Penerimaan anda ke atas terma dan syarat yang terkandung di sini membentuk perjanjian sah dan berterusan antara anda dan Bank di mana Bank boleh bertindak bagi pihak anda berkaitan dengan pemerolehan atau penjualan mana-mana Unit anda berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 1.3 Anda boleh memohon kepada Bank untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit, dengan cara anda melengkapkan dan menandatangani borang yang disediakan oleh Bank untuk tujuan tersebut atau dengan cara lain yang mungkin disediakan oleh Bank kepada anda. Anda perlu melengkapkan / memberikan semua maklumat yang berkaitan dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan, dan permohonan anda akan dinilai oleh Bank. Bank boleh meluluskan permohonan tertakluk kepada syarat atau Bank boleh menolak permohonan tersebut. Anda mungkin perlu memohon perkhidmatan lain untuk memudahkan urusan anda untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit anda, seperti Perkhidmatan Kustodi atau Perkhidmatan Elektronik yang tertakluk kepada terma dan syarat yang berasingan.
- 1.4 Bank akan menyediakan kepada anda edisi terkini Prospektus yang diterbitkan oleh atau berkaitan dengan satu atau lebih Dana dan bahan lain yang disediakan oleh Pengurus atau Dana seperti laporan tahunan terkini dan laporan separa tahunan (jika ada) Dana yang berkaitan. Prospektus yang berkaitan dengan Dana berkenaan akan diberikan bersama setiap borang permohonan dan setiap permohonan hendaklah dibuat berdasarkan Prospektus.

#### **2. Arahan untuk Pegangan, Langganan, Penukaran, Pemindahan atau Penebusan Unit**

- 2.1 Bank akan, bagi pihak anda (yang identitinya tidak akan didedahkan kepada Pengurus atau Dana) membuat pesanan atau menghantar permintaan untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit untuk anda selepas menerima Arahan dan pembayaran anda (daripada dana yang telah dijelaskan) bagi setiap pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit.
- 2.2 Permohonan anda untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit boleh diagregatkan dan digabungkan sama ada setiap hari atau dari semasa ke semasa oleh Bank dan pesanan atau permintaan tersebut akan dibuat atau dihantar oleh Bank kepada Pengurus atau Dana yang berkaitan.





- 2.3 Apabila Bank telah membuat pesanan (digabungkan atau sebaliknya) untuk langganan atau penukaran Unit dengan, dan selepas pesanan diterima oleh, Pengurus atau Dana yang berkaitan, Pengurus atau Dana akan menerbitkan Unit berkaitan dan mendaftarkan Unit atas nama Kustodian sebagai kustodi untuk anda. Unit yang diterbitkan akan dibahagikan atau diperuntukkan di kalangan Pelanggan yang berkaitan yang direkodkan mengikut susunan atau cara yang ditentukan oleh Bank.
- 2.4 Bayaran untuk wang langganan dan/atau semua wang yang diperoleh untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan dan/atau sebarang yuran, kos atau perbelanjaan lain yang perlu anda bayar di bawah terma dan syarat ini, hendaklah disediakan sebagai dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA anda.
- 2.5 Anda bersetuju untuk membuat pembayaran melalui debit terus MCCA anda. Bank diberi kebenaran tidak boleh batal oleh anda untuk mendebit dari MCCA anda semua wang yang diperlukan untuk pegangan, langganan, pertukaran, pemindahan atau penebusan, dan/atau yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh anda. Anda berjanji untuk mengekalkan MCCA anda atau membuat perjanjian dengan Bank untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa untuk melakukan pembayaran atau debit berkenaan. Sekiranya terdapat dana yang tidak mencukupi dalam MCCA anda untuk membuat pembayaran atau debit tersebut, Bank berhak untuk menolak atau enggan melaksanakan arahan anda. Atas permintaan anda dan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh Bank, Bank boleh mengikut budi bicaranya, membenarkan sebarang debit dilakukan walaupun debit tersebut akan mengakibatkan MCCA terlebih pengeluaran atau melebihi had kredit. Bank berhak untuk mengenakan faedah dan caj pada kadar biasa Bank dan selaras dengan amalan standardnya ke atas akaun terlebih pengeluaran tersebut sehingga pembayaran penuh dibuat oleh anda. Bank boleh menjual Unit yang dipegang secara berkepentingan oleh anda dan disimpan dengan Kustodian dan menggunakan hasil jualan untuk menyelesaikan sebarang hutang kepada Bank, dan/atau memindahkan dana daripada akaun lain yang anda miliki dengan Bank sebagai penyelesaian hutang tersebut kepada Bank.
- 2.6 Hasil penebusan yang diterima oleh Bank akan dibayar atau dikreditkan ke dalam MCCA anda berdasarkan cara yang dinyatakan dalam permohonan penebusan. Hasil penebusan adalah bersih daripada sebarang yuran, caj atau perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan penebusan. Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan kecukupan wang penebusan yang diterima.
- 2.7 Sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank berdasarkan mana-mana arahan yang Bank percaya secara munasabah telah ditandatangani atau dibuat oleh anda atau penandatanganan anda yang diberi kuasa akan membentuk pelepasan sepenuhnya dan akan membebaskan Bank daripada sebarang liabiliti kepada anda atau kepada mana-mana pihak lain.
- 2.8 Pesanan langganan atau penebusan atau arahan penukaran atau pemindahan yang dinyatakan dalam mana-mana permohonan yang diterima daripada anda oleh Bank pada mana-mana Hari Urus Niaga sebelum waktu akhir yang ditentukan atau dinyatakan oleh Bank mengikut budi bicaranya, boleh digabungkan dengan aplikasi lain (jika ada) atas budi bicara mutlak Bank, dan Bank akan menggunakan semua usaha yang munasabah untuk membuat pesanan beragregat dan digabungkan atau meminta kepada Pengurus atau Dana yang berkaitan untuk Hari Urus Niaga yang sama jika bayaran berkenaan dengan permohonan tersebut diterima dalam bentuk dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas pada Hari Urus Niaga sebelum waktu akhir atau masa pembayaran yang ditentukan oleh Bank adalah sebelum waktu akhir.
- Jika pesanan atau permintaan tersebut tidak dapat atau tidak boleh dilaksanakan pada Hari Urus Niaga yang sama atas sebarang sebab, Bank berhak untuk membuat atau melaksanakan pesanan dan permintaan tersebut pada Hari Urus Niaga berikutnya atau tarikh pembayaran dijelaskan (yang mana kemudian) dan mana-mana transaksi sedemikian akan mengikat ke atas anda. Permohonan yang diterima selepas waktu akhir yang ditetapkan akan dianggap sebagai permohonan yang diterima oleh Bank pada Hari Urus Niaga berikutnya dan syarat di atas akan diguna pakai.
- 2.9 Anda hendaklah memastikan bahawa dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas yang mencukupi akan disediakan dalam MCCA anda untuk membayar sebarang langganan, penukaran atau pemindahan Unit dalam mata



wang di mana Dana didenominasikan. Jika dana yang tersedia dalam MCCA anda adalah dalam mata wang selain daripada mata wang di mana Dana didenominasikan, Bank berhak untuk menukar mana-mana mata wang dalam MCCA anda kepada mata wang di mana Dana didenominasikan bagi membuat bayaran yang diperlukan untuk transaksi, pada kadar tukaran yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.

- 2.10 Jika atas sebarang sebab Pengurus atau Dana mengarahkan Kustodian atau Bank untuk melepaskan, memindahkan atau sebaliknya melupuskan mana-mana Unit atau mana-mana Dana pelaburan selaras dengan terma dan syarat yang mengawal selia operasi Dana tersebut, Bank akan mendapatkan arahan Pelanggan mengenai perkara tersebut dan jika tiada arahan diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank, maka Bank akan (dan diberi kebenaran tidak boleh batal oleh Pelanggan) mendapatkan Kustodian untuk menebus atau memindahkan pelaburan Unit atau Dana yang berkaitan. Bagi keadaan di mana Unit ditebus, Bank akan mengkreditkan hasil kepada MCCA.
- 2.11 Jika mana-mana pembayaran dibuat oleh Bank kepada anda berkaitan sebarang penebusan Unit dalam mata wang selain daripada mata wang di mana Dana didenominasikan, Bank berhak untuk menukar mata wang di mana Dana didenominasikan kepada mata wang di mana pembayaran dibuat oleh Bank kepada anda berhubung transaksi tersebut pada kadar tukaran yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- 2.12 Anda akan menerima penyata pengesahan daripada Bank berkaitan sebarang pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit yang dikeluarkan kepada atau ditukar oleh atau kepada, atau dipindahkan oleh atau kepada atau ditebus oleh Bank untuk anda. Anda juga akan menerima, dari semasa ke semasa, penyata pegangan yang menunjukkan bilangan Unit yang diterbitkan oleh Pengurus atau Dana untuk akaun anda, tetapi Unit tersebut akan disimpan dengan Kustodian yang bertindak sebagai penama untuk Bank.
- 2.13 Dividen yang diisytiharkan oleh mana-mana Pengurus atau Dana akan, mengikut pilihan anda dikeluarkan atau dilaburkan semula dalam Dana seperti yang dibenarkan oleh anda, sebagaimana berkenaan. Dividen, jika ada, yang tidak dilaburkan semula dan diterima oleh Bank daripada Dana, akan dikreditkan ke dalam MCCA.
- 2.14 Apabila anda mengarahkan atau memerlukan penukaran Unit, Bank akan melanggan Unit yang anda perlukan hanya selepas pengesahan dan penyempurnaan penebusan Unit sedia ada berkaitan yang sedang ditukar.
- 2.15 Anda mengesahkan bahawa permohonan anda untuk langganan atau penebusan sebahagian atau keseluruhan Unit mungkin ditolak oleh Pengurus atau Dana. Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan ke atas sebarang tindakan atau penolakan dari pihak mana-mana Pengurus atau Dana berkenaan bagi mana-mana permohonan langganan atau penebusan. Jika Pengurus Dana menolak permohonan Pelanggan untuk langganan, Bank atau Kustodian tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan bagi memastikan Pengurus atau Dana yang berkaitan memperuntukkan Unit kepada anda atau untuk sebarang kerugian termasuk sebarang kehilangan peluang pelaburan yang mungkin anda alami atau tanggung akibat daripada sebarang keengganan untuk menerima atau menangguh dalam menerima langganan atau pesanan penebusan oleh Pengurus atau Dana.
- 2.16 Bank boleh melantik agen atau sub-agen untuk tujuan atau fungsi yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 2.17 Semua arahan, pesanan atau permintaan untuk pegangan, langganan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit oleh anda akan kekal berkuat kuasa untuk perlindungan Bank tanpa mengambil kira kematian atau kebangkrutan anda atau pembatalan arahan, pesanan atau permintaan tersebut melalui sebarang cara lain sehingga notis kematian atau kebangkrutan anda atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

### 3. Hak Bertenang

Hak bertenang hanya terpakai sekali sahaja jika anda melabur buat kali pertama dalam mana-mana Dana Runcit dengan Bank. Hak bertenang untuk Dana Borong dinyatakan dalam Memorandum Maklumat Dana / Helaian Maklumat Produk dan ia mungkin berbeza bagi Dana yang berlainan. Hak bertenang tidak terpakai untuk sebarang pelaburan berikutnya oleh anda dalam mana-mana Dana dengan Bank. Jika pelaburan dalam Dana diketepikan, anda akan menerima bayaran balik amaun pelaburan Dana dan caj perkhidmatan Dana yang telah dibayar. Tempoh Bertenang ialah tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan langganan oleh Bank



(jika permohonan diterima oleh Bank selepas waktu akhir, maka ia dianggap sebagai diterima pada hari perniagaan berikutnya) atau tempoh lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa berkaitan.

#### 4. **Kustodi Pelaburan Unit Dana**

- 4.1 Bank memerlukan Kustodian yang bertindak sebagai penama Bank untuk memegang Unit atau pelaburan dalam Dana. Bank memegang Unit tersebut dalam Dana untuk akaun Pelanggan.
- 4.2 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menghantar kepada anda sebarang dokumen seperti notis, proksi, pekeliing, hak dan lain-lain atau memaklumkan kepada anda mengenai perkara yang sama atau penerimaan dokumen yang sama.
- 4.3 Bank tidak akan berada di bawah sebarang kewajipan atau tanggungjawab untuk membuat pengaturan dengan Kustodian atau meminta Kustodian menghadiri mana-mana mesyuarat atau mengundi ke atas sebarang perkara yang berkaitan dengan mana-mana Dana kecuali selaras dengan arahan bertulis spesifik yang telah anda ditandatangani.

#### 5. **Lantikan untuk pemasaran dan pengedaran**

Anda mengesahkan dan bersetuju bahawa Bank boleh dilantik oleh Pengurus dan/atau Dana untuk memasarkan dan mengedarkan Unit berdasarkan terma dan syarat yang mungkin dipersetujui oleh Bank dengan Pengurus dan/atau Dana. Tanpa mengambil kira perkara bertentangan yang terkandung di sini, anda memberi kebenaran dan persetujuan tidak boleh ubah dan tanpa syarat untuk Bank bertindak atas kapasiti tersebut.

#### 6. **Lain-lain**

- 6.1 Harga terbitan dan harga penebusan (direalisasi) ditentukan oleh Pengurus atau Dana selaras dengan surat ikatan amanah yang berkaitan atau prosedur yang ditetapkan pada Hari Urus Niaga. Sebarang harga atau nilai yang diberikan oleh Bank berkaitan mana-mana Unit adalah tidak muktamad dan mengikat dan hanya sebagai maklumat indikatif yang diberikan kepada anda dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan kepadanya.
- 6.2 Anda mewakili, menjamin dan berjanji kepada Bank bahawa butiran yang diberikan kepada Bank termasuk butiran mengenai status pemastautin (sama ada dalam permohonan atau sebaliknya) adalah tepat, benar dan lengkap.

#### 7. **Mata Wang Asing**

- 7.1 Anda akan menanggung risiko ke atas sebarang tindakan atau undang-undang mana-mana negara yang menjejaskan ketersediaan mata wang yang berkaitan atau mengakibatkan pembayaran dalam mata wang yang berkaitan mana-mana Unit, Dana, sekuriti dan pelaburan atau sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada anda menjadi tidak sah atau sebarang simpanan yang dibuat oleh anda atau sebarang hasil penebusan atau hasil atau pembayaran lain dalam mata wang yang berkaitan dan Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti sekiranya berlaku kerugian akibat perubahan dalam undang-undang, peraturan atau perintah kerajaan Malaysia atau negara berkenaan di mana mata wang yang berkaitan dikeluarkan.
- 7.2 Jika sebarang sekatan atau kawalan ke atas dagangan dalam atau ke atas kebolehtukaran atau ke atas kiriman mata wang yang berkaitan dikenakan di negara di mana mata wang berkaitan dikeluarkan, Bank berhak untuk menukar mata wang yang berkaitan (pada kadar biasa Bank dan tertakluk kepada caj biasa) serta-merta dan tanpa meminta persetujuan anda kepada mata wang pilihan Bank.
- 7.3 Dalam dua sub-perenggan terdahulu, "mata wang yang berkaitan" bermaksud mata wang di mana sebarang Unit, Dana, sekuriti, pelaburan, kemudahan, simpanan atau hasil penebusan atau hasil atau pembayaran lain didenominasikan (sama ada mata wang akaun atau mata wang pembayaran).

#### 8. **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**



Pelaburan Unit Amanah bukan produk simpanan, oleh itu PIDM tidak diguna pakai.

## **BAHAGIAN C5: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA TRANSAKSI DALAM BON**

### **1. Kelayakan**

Anda boleh memohon kepada Bank untuk pembelian atau penjualan Bon, apabila anda melengkapkan dan menandatangani borang yang disediakan oleh Bank untuk tujuan tersebut atau dengan cara atau kaedah lain yang digunakan oleh Bank. Anda dikehendaki mengisi / memberikan semua maklumat berkaitan dan memenuhi semua syarat yang diperlukan, dan permohonan anda akan dinilai oleh Bank. Bank boleh meluluskan permohonan tertakluk kepada syarat atau Bank boleh menolak permohonan tersebut. Anda dikehendaki memohon perkhidmatan lain untuk memudahkan anda memegang Bon, seperti Perkhidmatan Kustodi atau Perkhidmatan Elektronik yang tertakluk kepada terma dan syarat yang berasingan.

### **2. Permohonan**

- (a) Sebarang transaksi atau kontrak untuk pembelian dan penjualan Bon (setiap "Transaksi") hendaklah dibuat secara lisan atau bertulis, di mana-mana cawangan Bank pada waktu perbankan dari Isnin hingga Jumaat, dengan syarat ia adalah Hari Perniagaan.

#### **Untuk Arahan Letakan Sahaja:**

Anda boleh dari semasa ke semasa membuat pesanan atas terma berkenaan (termasuk pelaksanaan borang tempahan pesanan oleh anda dan tertakluk kepada kecukupan dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas untuk pesanan tersebut) dengan Bank untuk pembelian Bon ("Pesanan"). Bank akan berusaha untuk memenuhi Pesanan yang dibuat oleh anda. Jika Bank dapat memenuhi Pesanan (dalam julat harga yang dipersetujui), anda akan terikat dengan transaksi pembelian bon yang diselesaikan oleh Bank berdasarkan Pesanan anda. Anda bersetuju bahawa pembatalan Pesanan yang dibuat adalah tidak dibenarkan. Jika Pesanan tidak dipenuhi dalam tempoh 5 Hari Perniagaan (dikira dari Tarikh Letakan Pesanan) atau tempoh lain yang dipersetujui oleh Bank secara bertulis, Pesanan akan luput. Pesanan baharu perlu dibuat dengan Bank.

Sebelum membuat Pesanan, anda mesti memastikan bahawa anda mempunyai dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas yang mencukupi dalam MCCA anda yang mana anda telah memberi kuasa kepada Bank sebagai tandaan untuk Pesanan. Anda bersetuju bahawa Bank akan menanda MCCA anda pada tarikh yang sama ketika Pesanan dibuat dan jika tidak ada dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA anda untuk memenuhi Pesanan, Bank tidak akan melaksanakan Pesanan tersebut.

Sebarang maklumat atau arahan termasuk Pesanan daripada anda yang diterima oleh Bank selepas jam 12.00 tengahari atau waktu akhir lain yang mungkin ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya, pada mana-mana Hari Perniagaan akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Perniagaan berikutnya. Sebaik sahaja anda memasuki atau menyerahkan permohonan untuk sebarang Transaksi, perkara tersebut tidak boleh dibatalkan. Pelaksanaan sebarang Arahan oleh Bank akan membentuk kontrak yang mengikat dan anda akan terikat untuk melaksanakan kontrak berdasarkan termanya. Sesuatu Transaksi tidak akan (melainkan Bank menyatakan sebaliknya) tertakluk kepada penerimaan oleh Bank bagi sebarang pengesahan bertulis daripada anda atau penerimaan oleh anda bagi Pengesahan yang dikeluarkan oleh Bank.

- (b) Permohonan untuk setiap Transaksi mesti dibuat oleh Pemegang Akaun Kekayaan yang berkaitan dengan Akaun Kekayaan atau oleh Pemegang Akaun Kekayaan Bersama berkaitan dengan Akaun Kekayaan Bersama.

Bank berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan untuk Transaksi atau untuk menerima mana-mana permohonan untuk sebahagian Transaksi sahaja.



- (c) Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menolak sebarang permohonan bagi Transaksi Bon di pasaran sekunder yang dikemukakan pada pembayaran kupon/ tarikh agihan berkala atau tarikh pembayaran penebusan Bon
- (d) Anda mengesahkan bahawa (1) anda memasuki Transaksi sebagai prinsipal (dan bukan dalam sebarang kapasiti lain); (2) Bank atau mana-mana kakitangan atau agennya tidak bertindak sebagai fidusiari untuknya; (3) Bank tidak memberikan apa-apa nasihat atau saranan berkaitan dengan Transaksi, kesesuaiannya untuk anda atau sebarang perkara komersial lain yang berkaitan dengan transaksi (dan tidak menganggap dirinya atau kakitangan dan agennya sebagai memberi nasihat untuk perkara tersebut); (4) anda tidak akan dan tidak bergantung kepada sebarang komunikasi (bertulis atau lisan) dari Bank, kakitangan atau agennya semasa melakukan Transaksi dan bahawa anda telah diberi peluang untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada Bank mengenai Transaksi agar anda boleh menilai merit dan risiko Transaksi; (5) tanpa mengambil kira perkara di atas, anda tidak bergantung kepada sebarang komunikasi (bertulis atau lisan dan termasuk, tanpa had, pendapat daripada penasihat pihak ketiga) Bank sebagai nasihat tentang (i) perundangan, kawal selia, cukai, perniagaan, pelaburan, kewangan, perakaunan atau perkara lain, (ii) saranan untuk memasuki Transaksi tersebut atau (iii) jaminan atau aku janji tentang hasil yang dijangkakan daripada Transaksi tersebut; (6) Transaksi dibuat berdasarkan penilaian bebas anda sendiri terhadap risiko yang dikaitkan dengan Transaksi; (7) bahawa terma dan syarat Bank tidak mengenal pasti semua risiko atau pertimbangan material yang mungkin dikaitkan dengan Transaksi; (8) sebelum berurus niaga, anda telah menentukan tanpa bergantung kepada Bank, risiko dan merit ekonomi, serta ciri undang-undang, cukai dan perakaunan serta kesan Transaksi berdasarkan nasihat daripada penasihat profesional (termasuk penasihat undang-undang, kawal selia, cukai, perniagaan, pelaburan, kewangan dan perakaunan anda sendiri) yang anda anggap perlu sebagai rujukan; dan (9) bahawa anda telah menentukan bahawa anda mampu menanggung risiko yang ada.
- (e) Sebarang analisis senario atau unjuran atau komunikasi lain oleh Bank atau oleh mana-mana kakitangan atau agennya mengenai penerbit Bon telah disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak bertujuan untuk meramalkan keputusan sebenar dan tidak menggambarkan analisis lengkap semua senario yang mungkin timbul di bawah mana-mana Transaksi sebenar dan tiada jaminan diberikan berkenaan dengannya. Semua pendapat dan anggaran adalah diberikan pada tarikh berkenaan sahaja dan tertakluk kepada perubahan. Nilai atau pulangan atas sebarang Transaksi mungkin berbeza akibat perubahan dalam kredit penerbit, perubahan dalam perniagaannya atau perubahan pasaran.
- (f) Anda mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Bank berhubung dengan permohonan untuk setiap Transaksi adalah benar, tepat dan lengkap. Anda mengesahkan dan bersetuju bahawa sebarang maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat atau salah boleh mengakibatkan kelewatan memproses setiap Transaksi dan mungkin dalam keadaan tertentu mengakibatkan Transaksi ditolak, seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.

Bank berhak untuk menolak atau menolak dan tidak meneruskan sebarang Transaksi di mana:-

- (i) borang berkaitan yang diserahkan oleh anda kepada Bank tidak boleh dibaca, tidak lengkap, tersilap, diisi dengan salah, tidak diberi kebenaran dengan betul, tidak mematuhi arahan dalam borang yang berkaitan atau yang tidak diserahkan dalam masa yang dinyatakan dalam Klausa 2(a) di atas. Keputusan Bank untuk menerima atau menolak borang yang berkaitan adalah muktamad dan anda bersetuju untuk terikat dengan keputusan Bank. Anda bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada anda dalam apa cara sekalipun sekiranya borang yang berkaitan hilang, musnah atau tersalah letak yang bukan disebabkan oleh kesalahan Bank atau disebabkan oleh sebarang kejadian *force majeure*; or
- (ii) dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas dalam MCCA anda tidak ada atau tidak mencukupi untuk melaksanakan pembayaran bagi Transaksi; atau



- (iii) mana-mana arahan anda adalah mengelirukan atau tidak konsisten dengan mana-mana arahan lain. Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak mengikut sebarang tafsiran munasabah mengenainya yang ia yakini dengan penuh percaya sebagai tafsiran yang betul. Anda tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dalam apa jua cara kerana bertindak mengikut arahan anda.
- (g) Anda menyedari bahawa Bank berhak untuk memperuntukkan sepenuhnya atau sebahagiannya atau tidak sama sekali bagi sebarang permohonan untuk terbitan Bon baharu tertakluk kepada kesediaan dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas yang mencukupi dalam MCCA anda. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, meminta anda meletakkan dana dengan Bank sebelum anda memohon untuk setiap Transaksi.
- (h) Anda hendaklah memastikan terdapat dana bersih yang boleh dipindahkan secara bebas/tunai dalam MCCA anda.

Untuk mengelakkan keraguan, tunai bermaksud baki kredit dalam akaun anda dengan Bank dan tidak termasuk tunai fizikal. Sekiranya terdapat kekurangan dana untuk pembelian Bon, Bank berhak untuk menjual atau mencairkan Bon yang anda telah kontrak untuk membeli pada harga tersebut dan dalam kuantiti yang difikirkan sesuai oleh Bank selaras dengan amalan pasaran.

### 3. Transaksi Berjaya/Tidak Berjaya

- (a) Jika anda tidak memiliki Bon yang mencukupi yang anda telah kontrak untuk menjual, Bank berhak untuk menggunakan budi bicaranya bagi membeli-masuk Bon dan/atau untuk mendapatkan semula kerugian dan caj penalti jika ada, daripada anda selaras dengan amalan pasaran.
- (b) Untuk permohonan utama Bon yang tidak berjaya, jumlah penuh wang permohonan (tanpa sebarang faedah atau apa-apa bahagian hasil atau faedah lain yang timbul daripadanya) akan dikembalikan kepada anda dalam tempoh yang munasabah, seperti yang ditentukan oleh Bank dengan penuh percaya, dengan mengkreditkan ke dalam MCCA anda dengan Bank.
- (c) Jika anda berjaya mendapatkan peruntukan Bon tetapi pemindahan Bon tersebut ditolak oleh Peserta Sistem Depositori Sekuriti Tanpa Skrip ("SSDS") anda kerana terdapat percanggahan dalam butiran Akaun SSDS anda atau sebaliknya, Bank akan mencairkan Bon anda pada tarikh di mana Bon anda dipulangkan kepada Bank dan/atau tarikh Bank dimaklumkan mengenai penolakan oleh Peserta SSDS itu. Bon akan dicairkan pada kadar seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

Sekiranya berlaku kegagalan ke atas kustodi Bon dengan Peserta SSDS dan di mana Bon dihantar kepada Bank untuk kustodi, yang timbul daripada penyerahan maklumat yang tidak betul atau tidak tepat dalam permohonan Bon, anda bersetuju untuk meletakkan Bon dalam kustodi Bank bagi sementara waktu, tertakluk kepada terma dan syarat standard Bank untuk penyediaan perkhidmatan kustodian tersebut. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk mencairkan Bon selepas tempoh yang munasabah, seperti yang ditentukan oleh Bank dengan penuh percaya dan selepas itu menamatkan perkhidmatan kustodian tersebut kepada anda.

- (d) Sebarang kerugian, kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau dialami oleh Bank akan ditanggung oleh anda dan Bank berhak dengan memberikan notis kepada anda untuk mendebit kerugian, kos, caj dan perbelanjaan tersebut daripada MCCA anda atau Akaun anda yang lain dengan Bank. Hasil jualan Bon, yang hendaklah tanpa faedah, akan dikreditkan ke dalam MCCA anda atau Akaun anda yang lain dengan Bank.
- (e) Anda berjanji untuk membayar semua komisen dan caj, seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, berkenaan dengan semua Transaksi dalam Bon atau berkaitan dengan Akaun Kustodi



atau Akaun SSDS anda yang dikekalkan dengan Bank atau Peserta SSDS (sebagaimana berkenaan), termasuk tetapi tidak terhad kepada caj yang perlu dibayar berhubung dengan pengaturan kustodian anda dengan Bank atau Peserta SSDS, dan sebarang kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank dalam mengekalkan Akaun Kustodi atau berhubung dengan Peserta SSDS atau dalam melaksanakan atau menjalankan arahan anda. Di samping itu, sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain yang serupa (secara kolektif, "SST") yang kini dilaksanakan atau selepas ini terpakai atau dikehendaki oleh undang-undang untuk dibayar pada atau berkaitan dengan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank atau sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank hendaklah (kecuali setakat yang dilarang oleh undang-undang) ditanggung atau dibayar oleh anda kepada Bank dan sebarang jumlah yang bersamaan dengan SST yang terpakai (jika ada) atau cukai lain yang serupa sebagai tambahan kepada semua jumlah lain yang perlu dibayar kepada Bank akan didebitkan kepada atau ke atas MCCA anda selepas memberikan notis kepada anda.

#### **4. Kustodi Bon/Sekuriti**

##### **4.1 Dengan Bank**

- (a) Bagi setiap Transaksi di mana Bon dalam kustodi dengan Bank, Bank akan menghantar kepada anda surat Pengesahan, yang akan menjadi bukti muktamad terma yang dipersetujui oleh anda dengan Bank, berkenaan dengan Transaksi tersebut.
- (b) Anda boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan Bank untuk menerima penghantaran Bon ke dalam Akaun Kustodi yang dikekalkan dengan Bank, berkenaan dengan pembelian anda daripada institusi kewangan lain; atau untuk membuat penghantaran Bon daripada Akaun Kustodi tersebut berkenaan dengan penjualan Bon anda.

Jika Bank adalah kustodian Bon anda dan memegang Bon yang mencukupi untuk melaksanakan penghantaran Bon yang dibeli oleh Bank daripada anda, pembayaran hendaklah dibuat oleh Bank dalam tempoh satu (1) hari selepas tarikh penyelesaian atau tarikh lain yang dibenarkan selepas pemindahan Bon telah dibuat oleh Bank daripada Akaun Kustodi anda dengan Bank dan Bank berhak untuk membuat pemindahan Bon tersebut daripada Akaun Kustodi anda dengan Bank.

- (c) Penyata Akaun Kustodi anda dengan Bank, yang dijana oleh komputer Bank akan dihantar kepada anda melalui mel biasa pada setiap bulan atau secara berkala yang lain, seperti yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Bank, melainkan anda mempunyai arahan bertulis yang memaklumkan Bank bahawa penyata akan diambil dan arahan itu akan berkuat kuasa sebaik sahaja Bank boleh mematuhiinya. Rekod Bank mengenai Transaksi yang dilaksanakan melalui Akaun Kustodi anda akan menjadi bukti yang mengikat dan muktamad bagi Transaksi tersebut yang dijalankan oleh anda.
- (d) Bank, sebagai kustodian Bon yang disimpan atau diselenggarakan oleh Akaun Kustodi anda, tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda atas sebab atau berkaitan dengan sebarang kesilapan atau kelewatan dalam menerima, melaksanakan atau melakukan sebarang arahan, atau dalam memegang, menerima atau menyerahkan Bon, melainkan perkara tersebut disebabkan oleh keingkarannya sengaja atau kecuaiannya melampau pihak Bank.
- (e) Bank hendaklah, melainkan dan dengan jelas dan khusus dinyatakan bahawa diarahkan sebaliknya oleh anda, mengumpul atau menerima amaun prinsipal, faedah/keuntungan, kupon/agihan berkala, hasil jualan Bon dan sebarang pembayaran lain berkenaan dengan Bon dan mengkreditkannya kepada MCCA anda.

Istilah "kupon/agihan berkala" apabila digunakan di sini juga akan bermaksud faedah/keuntungan, dividen dan pembayaran interim lain yang akan dibuat oleh Penerbit berkaitan dengan Bon.

##### **4.2 Dengan Peserta SSDS**



- (a) Sekiranya Bon anda di bawah kustodi Peserta SSDS, anda dikehendaki membuka Akaun SSDS lebih dahulu dan bertanggungjawab ke atas pengaturcaraan kustodi anda sendiri dengan Peserta SSDS, pada kos dan perbelanjaan anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa juga cara. Letakan kustodi Bon anda dengan Peserta SSDS akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Peserta SSDS dari semasa ke semasa dan peraturan dan prosedur mengenai pembayaran, pemindahan dana, penyelesaian, sekuriti, perkhidmatan kustodi, yang mana berkenaan, oleh PayNet (“Peraturan PayNet”), sebagaimana yang berkenaan.
- (b) Berkenaan dengan Bon di bawah kustodi Peserta SSDS:
  - (i) Untuk transaksi Beli bagi Bon, akaun anda yang dikekalkan dengan Bank akan didebitkan pada tarikh penyelesaian atau sehari sebelum tarikh penyelesaian atau dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Peraturan RENTAS. Bagaimanapun, penyerahan Bon ke Akaun SSDS anda mungkin ditangguhkan dan tidak boleh dibuat pada tarikh penyelesaian, jika pindahan daripada Bank kepada Peserta SSDS tidak berjaya atau ditolak.
  - (ii) Untuk transaksi Jual bagi Bon, akaun anda yang dikekalkan dengan Bank hanya akan dikreditkan satu (1) hari selepas tarikh penyelesaian atau tarikh lain yang dibenarkan apabila Bon anda berjaya diterima daripada Peserta SSDS atau dalam masa yang ditetapkan dalam Peraturan PayNet. Pengkreditan hasil jualan mungkin ditangguhkan dan mungkin tidak diperolehi pada tarikh penyelesaian, jika pindahan daripada Peserta SSDS kepada Bank tidak berjaya atau ditolak.
  - (iii) Jika Bon ditebus atau dijual oleh anda sebelum Tarikh Matang, anda mungkin tidak akan mendapat kembali jumlah prinsipal yang dilaburkan untuk Bon yang anda pegang. Bank akan berusaha untuk mendapatkan harga bidaan terbaik untuk anda berdasarkan usaha terbaik memandangkan harga jualan boleh turun naik mengikut keadaan pasaran.

#### 5. **Terma dan Syarat Lain**

- (a) Bank dan Kumpulan OCBC mungkin mempunyai hubungan perbankan atau komersial lain dengan penerbit Bon dan mungkin terlibat dalam dagangan proprietari dalam Bon, sekuriti atau instrumen kewangan yang berkaitan dengan Bon tersebut (termasuk dagangan seperti yang Bank dan/atau Kumpulan OCBC anggap sesuai, mengikut budi bicara mereka sendiri untuk menguruskan risiko pasaran mereka ke atas sebarang transaksi yang berkaitan dengan Bon), dan bahawa dagangan sedemikian boleh menjejaskan harga Bon.
- (b) Transaksi dalam Bon dengan Bank akan dikawal selia oleh Terma dan Syarat ini, Peraturan Bank yang Mengawal Selia Operasi Sistem Depositori Sekuriti Tanpa Skrip dan Peraturan Sekuriti Tanpa Skrip di bawah Sistem RENTAS dan jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan peraturan, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

#### 6. **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

Pelaburan Bon adalah produk bukan-simpanan, oleh itu PIDM tidak berkenaan.

### **BAHAGIAN C6: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA KONTRAK/TRANSAKSI TUKARAN ASING SEMERTA (“TRANSAKSI FX”)**

1. Anda boleh, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini dan berdasarkan terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank, memasuki kontrak/transaksi tukaran asing semerta (“Transaksi FX”). Kesediaan Transaksi FX adalah tertakluk kepada kadar semasa pasaran tukaran asing dan kesediaan mata wang yang diminta oleh anda, dan akan dikawal selia oleh undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada peraturan dan perundangan mengenai kawalan tukaran.





2. Amaun nosional Transaksi FX akan dikira oleh Bank dengan mengambil kira Faktor Risiko yang dikaitkan dengan Transaksi FX oleh Bank mengikut budi bicara mutlakny. Anda bersetuju untuk menandatangani pengesahan dan mengambil semua tindakan dan perkara yang diperlukan untuk melaksanakan Transaksi FX.
3. Jika dikehendaki oleh Bank, anda perlu mengekalkan Margin tersebut (atau menyimpan dengan Bank sejumlah wang, aset lain, atau cagaran tambahan yang mungkin ditetapkan oleh Bank untuk mengekalkan Margin tersebut sebagaimana Bank boleh atas budi bicara mutlakny menganggap wajar sebagai cagaran untuk semua liabiliti semasa dan masa hadapan Pelanggan kepada Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada Transaksi FX yang dijalankan oleh Pelanggan atau untuk Akaun Kekayaan dan Portfolio Kekayaan Pelanggan).
4. MCCA dan/atau sebarang cagaran lain yang mungkin diperolehi oleh Bank dari semasa ke semasa akan dipegang oleh Bank sebagai cagaran berterusan untuk kesemua wang yang terhutang di bawah Transaksi FX dan untuk melaksanakan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini dan tanpa mengambil kira bayaran perantaraan bagi sebarang jumlah terhutang dan tanpa menjejaskan mana-mana Kolateral lain yang dipegang oleh Bank.
5. Berikut adalah Peristiwa Keingkaran yang digunakan untuk Transaksi FX:
  - (a) Anda gagal membayar sebarang amaun yang perlu dibayar pada masa ditetapkan, dalam mata wang dan/atau mengikut cara yang ditentukan oleh Bank atau gagal melaksanakan atau mematuhi sebarang kewajipan di bawah mana-mana Transaksi FX atau terdapat sebarang pelanggaran mana-mana terma dan syarat ini atau perwakilan atau jaminan;
  - (b) keingkaran berlaku dalam pembayaran pada tarikh matang sebarang wang yang perlu dibayar kepada Bank (sama ada prinsipal, faedah atau sebaliknya);
  - (c) prosiding pengguguran/kebankrapan atau prosiding lain hendaklah dimulakan terhadap anda atau sebarang tindakan untuk membenarkan mana-mana perkara di atas diambil;
  - (d) anda melanggar mana-mana perjanjian lain atau ingkar dalam pembayaran sebarang jumlah tertunggak yang terhutang kepada Bank atau kepada mana-mana institusi kewangan lain;
  - (e) jika anda meninggal dunia atau menjalani hukuman penjara atau menjadi tidak siaman atau dihukum sebagai bankrap atau jika sebarang prosiding guaman atau tindakan dalam apa jua bentuk sekalipun (sama ada jenayah atau sivil) dimulakan terhadap anda;
  - (f) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan terpakai yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk Bank atau untuk anda meneruskan Transaksi FX atau untuk anda mengenakan caj atau menyediakan MCCA sebagai cagaran;
  - (g) sebarang penghakiman yang diperolehi terhadap anda tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari atau jika penahanan distres atau pelaksanaan lain dilevi atau dikuat kuasakan atau dikeluarkan ke atas anda atau terhadap mana-mana harta anda atau MCCA dan tidak dilepaskan dalam tempoh empat belas (14) hari;
  - (h) atas sebarang sebab Bank mempertimbangkan sebarang perubahan melampau yang ketara dalam aset anda, kedudukan kewangan atau dalam ekonomi secara amnya yang menyebabkan Bank tidak berminat untuk terus menyediakan Transaksi FX;
  - (i) jika anda melanggar mana-mana perwakilan, jaminan, terma atau syarat di sini atau Dokumen Jaminan atau jika sebarang maklumat yang anda berikan kepada Bank adalah tidak betul atau tidak lengkap.
6. Jika Peristiwa Keingkaran telah berlaku atau jika pada pendapat Bank (yang adalah mutlak), sebarang Transaksi FX mungkin bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang, arahan dan peraturan yang berkaitan dengan tukaran asing (termasuk Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Tukaran Asing ("Peraturan FEA")), Bank berhak untuk



mengakhiri semua Transaksi FX yang kemudiannya perlu dijelaskan berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh Bank ("Tarikh Penamatan Awal"). Bank akan membuat pengiraan dan menyediakan penyata kepada anda yang menyatakan jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengan Transaksi FX yang diakhiri. Sebarang amaun yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank berkaitan dengan Transaksi FX yang diakhiri termasuk sebarang kerugian rundingan, kos pembiayaan, ditandakan kepada kerugian pasaran atau kos yang ditanggung akibat penamatan, penutupan, pembubaran, perolehan atau penubuhan semula sebarang lindung nilai atau kedudukan dagangan yang berkaitan perlu dibayar oleh anda. Anda dengan ini memberi kuasa tidak boleh batal kepada Bank untuk mendebit MCCA anda bagi menyelesaikan semua wang yang terhutang oleh anda di bawah Transaksi FX dan mana-mana liabiliti anda yang lain seperti dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Jika baki kredit dalam MCCA tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah yang terhutang di bawah Transaksi FX, apabila dituntut oleh Bank untuk membayar kekurangan tersebut, anda perlu menjelaskannya dengan serta-merta.

7. Bank berhak untuk menyemak, mengubah atau mengenakan terma tambahan, menggantung dan/atau membatalkan penyediaan perkhidmatan bagi memudahkan sebarang Transaksi FX untuk anda pada bila-bila masa tanpa mengambil kira sama ada Peristiwa Keingkaran telah berlaku dan tiada apa-apa pun dalam terma dan syarat ini akan dianggap sebagai mengenakan sebarang kewajipan kepada Bank sama ada di sisi undang-undang atau dalam ekuiti untuk terus menyediakan perkhidmatan bagi Transaksi FX.
8. Bank boleh menyerahkan semua atau mana-mana bahagian hak, faedah atau kewajibannya di bawah ini. Anda tidak boleh tanpa persetujuan Bank, menyerahkan atau memindahkan mana-mana hak atau kewajipan anda di bawah ini.
9. Penyata, sijil atau pengesahan Bank yang dikeluarkan oleh Bank mengenai amaun pada bila-bila masa yang perlu dibayar daripada anda, termasuk pengiraan Bank bagi kerugian pasaran yang ditanda pada Transaksi FX hendaklah, jika tiada sebarang kesilapan nyata, adalah muktamad dan konklusif dan mengikat ke atas anda untuk semua tujuan.
10. Anda memberi indemniti dan memastikan Bank mempunyai indemniti daripada sebarang kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman atas dasar untuk peguam cara dan pelanggan sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat kegagalan anda untuk mematuhi kewajipan anda berkaitan dengan Transaksi FX.
11. Anda dikehendaki membayar kepada Bank semua kos transaksi, premium, yuran, caj dan komisen yang berkaitan dengan Transaksi FX (tanpa sebarang potongan, tolakan atau penahanan) dan mungkin ditolak oleh Bank daripada MCCA anda. Pembayaran kepada Bank adalah tidak termasuk cukai barangan dan perkhidmatan, atau sebarang cukai lain yang serupa, yang jika perlu dibayar adalah dari akaun anda.
12. Jika sebarang potongan atau penahanan ke atas sebarang amaun yang perlu dibayar kepada anda adalah perlu dari segi undang-undang seperti cukai pegangan persekutuan A.S yang dikenakan atau dikutip menurut Seksyen 1471 hingga 1474 Kod Hasil Dalam Negeri A.S 1986 ("Cukai Pegangan FATCA"), sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa, Bank akan menahan atau memotong daripada sebarang bayaran yang perlu dibayar kepada anda dan/atau mendebit MCCA anda, dan membayar kepada pihak berkuasa yang berkenaan jumlah penuh yang diperlukan untuk dipotong atau ditahan, DENGAN SYARAT jika terdapat sebarang kekurangan dalam pembayaran kepada pihak berkuasa yang berkaitan, anda hendaklah apabila dituntut, dengan segera membayar baki penuh kepada Bank dan Kadar Keingkaran FX (seperti yang ditakrifkan di bawah) akan dikenakan kepada mana-mana baki tertunggak daripada anda dari tarikh tuntutan sehingga tarikh pembayaran penuh.
13. Semua Transaksi FX akan dijalankan berdasarkan permintaan anda kepada Bank melalui telefon atau kaedah lain yang dibenarkan oleh Bank pada mana-mana Hari Perniagaan. Bank boleh (tetapi tidak berkewajipan untuk) mematuhi sebarang permintaan sedemikian. Sebaik sahaja terma Transaksi FX telah dipersetujui antara Bank dan anda, satu kontrak yang mengikat akan berkuat kuasa pada masa tersebut. Kadar semerta Transaksi FX akan tertakluk kepada kadar pasaran tukaran asing semasa (seperti yang ditentukan oleh Bank) dan kesediaan mata wang. Bank akan diberi indemniti sepenuhnya oleh anda ke atas semua kerugian, kos, kerosakan dan semua liabiliti lain yang mungkin ditanggung atau dialami olehnya apabila menerima dan bertindak atas komunikasi tersebut. Bank berhak untuk merakam semua perbualan dan arahan telefon. Bank berhak untuk menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.



14. Anda akan melunaskan Transaksi FX pada tarikh di mana anda diwajibkan secara kontrak untuk menyelesaikan kewajipan anda di bawah Transaksi FX ("Tarikh Nilai"). Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau caj faedah yang timbul akibat sebarang kelewatan dalam penerimaan dana. Anda akan menanggung semua kos, perbelanjaan dan caj sampingan berkaitan sebarang pembayaran dana.
15. Anda mengesahkan, mengakui dan menjamin bahawa:-
- (a) anda bertindak sebagai prinsipal untuk akaun anda sendiri dan memahami serta menerima terma, syarat dan risiko Transaksi FX dengan bergantung kepada pertimbangan dan penilaian bebas anda sendiri;
  - (b) anda akan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Tukaran Asing ("Notis mengenai Peraturan FEA") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa dan hendaklah menyediakan maklumat dan/atau dokumentasi sokongan untuk pematuhan Notis mengenai Peraturan FEA;
  - (c) Kemudahan FX adalah untuk melindungi nilai terhadap pendedahan tukaran asing yang berkaitan dengan transaksi/dagangan asas anda dan bukan untuk tujuan spekulatif. Anda hendaklah membekalkan semua dokumen/bukti transaksi/dagangan asas;
  - (d) walaupun Bank mungkin menyediakan kepada anda akses untuk mendapatkan saranan dan penyelidikan yang berkaitan dengan mata wang, termasuk mengenai cara melabur, apa atau bila untuk membeli atau menjual, Bank tidak mewakili kesesuaian saranan tersebut untuk anda dan semua pesanan yang dibuat dan Transaksi FX yang dimasuki adalah atas tanggungjawab dan risiko anda sendiri dengan bergantung kepada pertimbangan anda sendiri dan berdasarkan penilaian bebas anda sendiri mengenai kesesuaian saranan tersebut;
  - (e) Bank tidak bertindak sebagai fidusiari atau penasihat kepada anda dan tidak menganggap dirinya sebagai menasihati atau mana-mana kakitangan atau agennya sebagai mempunyai kuasa untuk menasihati anda untuk memasuki sebarang Transaksi FX atau sebarang tindakan selanjutnya dan tidak ada saranan atau nasihat yang boleh diambil sebagai kepastian atau jaminan mengenai hasil yang dijangkakan daripada sebarang Transaksi FX; dan
  - (f) anda tidak menerima apa-apa kepastian atau jaminan daripada Bank, atau mana-mana kakitangan atau agennya mengenai hasil yang dijangkakan daripada sebarang Transaksi FXy.
  - (g) **Risiko Mata Wang:** Pergerakan turun naik dalam kadar mata wang asing mempunyai kesan ke atas untung/rugi dan pelaburan kewangan di mana kontrak kewangan atau perbendaharaan atau transaksi derivatif kewangan didenominasikan dalam mata wang asing atau dalam mata wang yang berbeza daripada pelaburan kewangan asal. Risiko ini akan diambil kira di bawah kerugian tukaran.
  - (h) **Risiko Pasaran:** Pembayaran dan/atau penerimaan anda dalam sebarang Transaksi FX dikaitkan dengan perubahan dalam nilai satu kadar pertukaran. Perubahan sedemikian, yang boleh berlaku secara tiba-tiba dan besar, boleh menyebabkan anda mengalami kerugian yang ketara dari segi 1) amaun yang dibayar di bawah syarat transaksi adalah lebih besar daripada amaun yang diterima, dan 2) amaun yang mungkin ditanggung oleh anda untuk lepaskan sebarang Transaksi FX sebelum tempoh matang yang dinyatakan.
  - (i) **Risiko Kredit:** Bank mungkin, dalam keadaan tertentu, gagal melaksanakan kewajipan kami kepada anda apabila tiba masanya.
  - (j) **Risiko Kecairan** adalah risiko yang disebabkan oleh keadaan pasaran semasa di mana ia mungkin tidak dapat dicairkan, atau tidak dapat memberi nilai saksama kedudukan anda. Di samping itu, anda harus menyedari bahawa pengendalian peraturan tukaran atau sebarang kegagalan kuasa atau sistem yang menjejaskan kemudahan dagangan elektronik mungkin, dalam keadaan tertentu, menjejaskan atau menghalang Bank daripada mencairkan atau melaksanakan sebarang transaksi, sekali gus meningkatkan kemungkinan berlaku kerugian.



- (k) **Percanggahan Kepentingan:** Bank memainkan pelbagai peranan berkaitan mana-mana Transaksi FX yang akan dijalankan termasuk bertindak sebagai Ajen Pengiraan dan melindungi nilai kewajipannya di bawah transaksi. Bank dan/atau mana-mana syarikat berkaitnya, dalam menjalankan perniagaan biasa mereka, juga boleh melaksanakan transaksi untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun pelanggan mereka. Dalam menjalankan perniagaan sedemikian, Bank atau mana-mana syarikat berkaitnya tidak berkewajipan untuk mengambil kira keadaan anda atau bertindak dengan cara yang menguntungkan anda. Anda menyedari sepenuhnya bahawa aktiviti sedemikian mungkin, atau mungkin tidak akan menjejaskan nilai transaksi dan konflik mungkin timbul.
- (l) **Risik dan Pengesahan Selanjutnya:** Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau prestasi dan kesesuaian berterusan kontrak anda yang belum diselesaikan.
16. Tanpa prejudis kepada keumuman perkara di atas, Bank berhak, berkaitan dengan Transaksi FX, untuk bergantung dan bertindak atas sebarang notis atau arahan berdasarkan tandatangan yang ditunjukkan kepada Bank, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan orang tersebut yang difailkan dengan Bank, untuk menjadi tandatangan anda atau sebarang arahan, tanpa pertanyaan dari pihak Bank mengenai identiti orang yang memberi atau yang dikatakan memberi notis atau arahan tersebut atau tentang kesahihan arahan atau notis tersebut. Bank berhak untuk menganggap semua arahan atau notis yang diberikan, sebagai mengikat ke atas anda dan Bank berhak (tetapi tidak terikat) untuk mengambil langkah yang berkaitan dengan atau bergantung pada komunikasi tersebut. Anda bersetuju bahawa Bank sama sekali tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penyalahgunaan atau penggunaan tanpa kebenaran pesanan atau arahan yang diberikan kepada Bank melalui telefon, faksimili, mel atau serahan atau melalui sebarang kaedah komunikasi lain dan bahawa Bank tidak akan berkewajipan untuk menyiasat kesahihan pesanan atau arahan yang dihantar atau disampaikan melalui sebarang cara atau identiti pemanggil. Anda memberi indemniti kepada Bank dan memastikan Bank diberi indemniti terhadap sebarang kerosakan, kerugian, kos dan perkara lain yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat bertindak atas arahan atau notis yang diterima oleh Bank tetapi ternyata tidak dibenarkan atau tidak sah atau dipalsukan. Bank berhak untuk merakam semua perbualan dan arahan telefon dan anda bersetuju bahawa Bank berhak untuk menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Anda mengesahkan bahawa Bank hanya perlu melaksanakan arahan berdasarkan amalan perniagaan, prosedur dan polisi yang ditetapkan dan boleh, mengikut budi bicaranya menolak sebarang arahan tanpa sebarang liabiliti kepada anda. Salinan transmisi faksimili yang dikatakan ditandatangani oleh anda yang disahkan oleh mana-mana pegawai Bank telah diterima oleh Bank, akan diterima oleh anda sebagai muktamad dan konklusif, (termasuk untuk prosiding undang-undang) versi cetakan sebenar yang diterima melalui mesin faksimili OCBC Bank dan ia akan mengikat anda.
17. Terma Transaksi FX yang dimuktamadkan akan disahkan oleh Bank kepada anda (“Makluman Pengesahan”) melalui pos, atau cara elektronik lain tetapi kegagalan atau kelewatan oleh Bank untuk mengeluarkan Makluman Pengesahan tersebut tidak akan menjejaskan mana-mana Transaksi FX yang dimuktamadkan. Sebarang percanggahan yang dinyatakan dalam Makluman Pengesahan mesti disampaikan dengan segera oleh anda kepada pegawai yang diberi kuasa oleh Bank tetapi jika dalam tempoh tujuh (7) hari atau sebarang tempoh lain yang ditentukan oleh Bank, selepas tarikh Makluman Pengesahan, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Makluman Pengesahan dianggap betul, mengikat dan konklusif terhadap anda. Terma dalam Makluman Pengesahan, kecuali yang dipertikaikan oleh anda dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank, akan diguna pakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan dengan lembaran terma atau dokumen lain yang menyatakan terma Transaksi FX walaupun penerimaannya tidak diakui oleh anda atau anda tidak mengesahkan terma-termannya.
18. Jika, pada mana-mana tarikh, lebih daripada satu serahan mata wang tertentu akan dibuat antara pihak-pihak berkenaan, maka Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya meminta setiap pihak untuk mengagregatkan amaun mata wang tersebut yang boleh diserahkan olehnya dan hanya perbezaan antara jumlah agregat ini yang akan diserahkan oleh pihak yang berhutang jumlah agregat yang lebih besar kepada pihak yang satu lagi, dan jika jumlah agregat adalah sama, tiada serahan mata wang akan dibuat.



19. Bank berhak untuk memantau pendedahan anda dengan menanda untuk memasarkan semua Transaksi FX belum jelas pada setiap hari atau dari semasa ke semasa di mana Bank boleh menentukan untuk memantau kedudukan belum dijelas dan potensi kerugian/keuntungan anda.

20. Jika kerugian berlaku, anda dikehendaki membayar faedah kepada Bank atas kerugian belum dijelas tersebut dari tarikh jumlah tersebut ditanggung pada kadar berikut:-

(a) jika jumlah adalah dalam mata wang selain daripada Ringgit (dan sebelum sebarang tukaran oleh Bank daripadanya kepada Ringgit), kadar yang setara dengan kadar yang dicaj kepada Bank oleh agen Nostro masing-masing untuk jumlah yang berkaitan (tanpa memerlukan bukti atau bukti kadar tersebut);

(b) jika jumlahnya adalah dalam Ringgit (atau selepas sebarang tukaran oleh Bank daripadanya kepada Ringgit), kadar setahun yang bersamaan dengan kos (tanpa bukti atau bukti sebarang kos sebenar) jika Bank ingin membiayai atau telah membiayai jumlah yang berkaitan ditambah 2% setahun atau pada kadar lain yang ditetapkan oleh Bank ("Kadar Keingkar FX") mengikut budi bicara mutlaknya (kedua-duanya sebelum dan selepas permintaan, penghakiman atau perintah) sebagai ganti rugi tertentu yang dipersetujui.

21. Jika anda gagal untuk mengambil atau melunaskan Transaksi FX pada Tarikh Nilainya, Bank berhak untuk mengakhiri Transaksi FX pada harga semerta semasa pada Tarikh Nilai atau pada mana-mana hari lain sebagaimana ditentukan oleh Bank dan mendebit MCCA anda untuk menyelesaikan kerugian yang berlaku.

Jika terdapat keuntungan, keuntungan akan dikreditkan ke MCCA anda. Bank tidak bertanggungjawab untuk menghubungi atau menghantar peringatan kepada anda sebelum tarikh matang sebarang Transaksi FX.

22. Anda boleh memohon berdasarkan alasan yang sah, untuk labur semula Transaksi FX, dan permintaan tersebut mesti dibuat secara bertulis sekurang-kurangnya dua (2) Hari Perniagaan sebelum Tarikh Nilai. Jika anda gagal memberikan Bank tempoh notis minimum untuk labur semula, Bank berhak untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk menguruskan Transaksi FX yang matang, termasuk mengakhirinya dan sebarang kos yang timbul daripadanya akan ditanggung oleh anda dan didebitkan daripada MCCA anda. Bank berhak untuk menerima atau menolak permohonan labur semula tanpa perlu bertanggungjawab kepada anda atas sebarang kerugian, perbelanjaan, kerosakan atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh anda yang akibat penolakan tersebut. Jika Bank membenarkan labur semula mana-mana Transaksi FX pada Harga Semerta semasa tetapi diselaraskan untuk merangkumi semua caj dan kos berkaitan (termasuk tanpa had, kos dalam bentuk titik swap) yang boleh dikenakan oleh Bank mengikut budi bicaranya, Transaksi FZ baharu akan dianggap telah dibuat antara Bank dan anda pada masa tersebut dan semua terma dan syarat ini akan terpakai dalam cara yang sama untuk Transaksi FX baharu.

23. Jika Bank membenarkan labur semula, Transaksi FX akan dilaburkan semula pada Harga Semerta semasa.

Kerugian Ditanda-kepada-pasaran (seperti yang ditakrifkan di bawah) atas labur semula hendaklah dibayar tunai oleh anda pada Tarikh Nilai kontrak terdahulu. Sebarang pengiraan oleh Bank mengenai kerugian Ditanda-kepada-pasaran adalah muktamad dan mengikat anda, kecuali terdapat kesilapan nyata. Tanpa prejudis kepada mana-mana hak lain Bank, jika anda gagal membayar kerugian Ditanda-kepada-pasaran, anda dikehendaki membayar faedah kepada Bank pada Kadar Keingkar FX atas kerugian Ditanda-kepada-pasaran dan semua kos yang berkaitan dengannya antara Nilai Tarikh kontrak terdahulu sehingga penyelesaian penuh dibuat.

**Kerugian Ditanda-kepada-pasaran** bermaksud perbezaan antara jumlah yang seharusnya dibayar bagi Transaksi FX menggunakan Kadar Lampau (seperti ditakrifkan di bawah) dan jumlah perlu dibayar bagi Transaksi FX dikira pada Kadar Semerta semasa apabila Transaksi FX diakhiri ketika Tarikh Nilai yang berkenaan.

**Kadar Lampau** bermaksud kadar di mana Transaksi FX asalnya diurus niagakan.

24. Takrifan bagi tujuan Bahagian C6 ini:

(a) "**Tarikh Semerta**" bermaksud tarikh penghantaran semerta untuk Pasangan Mata Wang berkenaan yang biasanya digunakan oleh pasaran tukaran wang asing;



- (b) **“Harga Semerta”** bermaksud harga ketika harga tersebut akan ditentukan untuk transaksi tukaran asing bagi Pasangan Mata Wang berkenaan untuk nilai pada Tarikh Semerta, sebagaimana ditentukan oleh Bank.

#### **BAHAGIAN D: TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA PERKHIDMATAN KUSTODI**

Terma dan syarat ini merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat OCBC Premier Banking dan OCBC Premier Private Client (**“Perjanjian”**) antara anda dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (**“Bank”**). Bahagian D ini mengandungi terma dan syarat yang mengawal selia perlantikan Bank sebagai kustodian anda (**“Kustodian”**) di bawah Akaun Kekayaan. Semua terma berhuruf besar ditakrifkan dalam Bahagian A Perjanjian, kecuali yang ditakrifkan atau dinyatakan dalam Bahagian D ini.

#### **1. INTERPRETASI**

- 1.1 Dalam Terma dan Syarat ini, kecuali setakat konteks memerlukan sebaliknya:

**“Harta”** bermaksud semua atau sebarang bahagian dari mana-mana Sekuriti, tunai, atau sebarang harta lain anda dari semasa ke semasa yang dipegang oleh Kustodian atau penama atau agennya di bawah Terma dan Syarat ini, dan

**“sub-kustodian”** bermaksud seseorang yang digunakan oleh Kustodian untuk penyimpanan selamat, penjelasan dan penyelesaian Harta, termasuk sebarang perkhidmatan yang biasanya disediakan oleh kustodian.

#### **2. PENETAPAN AKAUN**

- 2.1 Anda memberi kuasa kepada Kustodian untuk menetapkan rekodnya berdasarkan Terma dan Syarat ini:
- (a) Akaun Kustodi untuk penerimaan, simpanan, penyimpanan selamat dan penyelenggaraan mana-mana Sekuriti dan harta lain (selain daripada wang tunai); dan
  - (b) MCCA anda (seperti yang ditakrifkan dan dinyatakan dalam Bahagian B Perjanjian) untuk debit atau simpanan tunai berkaitan dengan mana-mana Sekuriti atau harta lain dalam Akaun Kustodi.
- 2.2 Akaun Kustodi adalah di bawah nama anda.

#### **3. HARTA YANG DITERIMA UNTUK KUSTODI**

- 3.1 Tertakluk kepada sub-Klausa 3.2, Kustodian bersetuju untuk menerima untuk jagaan dalam Akaun Kustodi, Sekuriti dan sebarang bentuk harta lain (selain daripada wang tunai) yang diterima oleh Kustodi yang boleh disimpan di bawah Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Kustodian boleh, mengikut budi bicara mutlaknya menentukan sama ada untuk menerima (keseluruhan atau sebahagian) sebagai kustodi dalam Akaun Kustodi.

#### **4. PERWAKILAN DAN JAMINAN**

- 4.1 Anda dengan ini membuat mewakili dan memberi jaminan kepada, dan berjanji dengan Kustodian bahawa:
- (a) semasa mata wang perjanjian yang dibentuk oleh Terma dan Syarat ini (**“Perjanjian”**), anda (dan mana-mana Orang yang bagi pihak anda boleh bertindak sebagai ejen atau sebaliknya dalam kapasiti wakil)



mempunyai dan akan terus mempunyai kapasiti dan kuasa penuh untuk memeterai Perjanjian dan untuk menjalankan transaksi yang dimaksudkan di sini, dan telah mengambil serta akan terus mengambil semua tindakan (termasuk, tanpa had, mendapatkan semua persetujuan kerajaan yang diperlukan dalam mana-mana bidang kuasa yang berkenaan) untuk membenarkan kemasukan dan pelaksanaan Perjanjian;

(b) Sumber Harta:

- i. adalah sah di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk undang-undang dan peraturan pentadbiran tukaran asing) bidang kuasa yang mengikat atau terpakai kepada anda; dan
- ii. telah diperolehi secara sah dan tidak diperolehi daripada atau bukan hasil atau harta yang diterima atau diperolehi, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam takrifan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-pengubahan wang haram yang mengikat atau terpakai ke atas anda atau Kustodian;

dan anda akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk memastikan undang-undang atau peraturan tersebut tidak akan dilanggar dan akan dipatuhi pada setiap masa; dan

(c) anda bertanggungjawab sepenuhnya:

- i. memastikan bahawa Arahan anda pada setiap masa mematuhi dan tidak melanggar, dan tidak menyebabkan Kustodian melanggar mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan peraturan lain yang terpakai (sama ada timbul daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia atau bursa saham yang berkaitan, Rumah Penjelasan, sistem penyelesaian atau pasaran seperti yang dinyatakan di atas), atau amalan pasaran; dan
- ii. perkara pematuhan di bawah semua sekuriti, bursa saham, depositori, kawalan tukaran, undang-undang dan peraturan syarikat, termasuk tanpa had, pelaporan pegangan saham utama, peraturan pengambilalihan dan keperluan transaksi perniagaan langsung.

## 5. TRANSAKSI YANG TIDAK MEMERLUKAN ARAHAN

5.1 Kustodian diberi kebenaran untuk menjalankan perkara berikut berkaitan Harta tanpa sebarang liabiliti di pihak Kustodian:

- (a) untuk menandatangani sebarang affidavit, sijil pemilikan atau sijil lain yang berkaitan dengan Harta yang mungkin diperlukan:-
  - i. untuk mendapatkan sebarang Sekuriti atau tunai; atau
  - ii. oleh mana-mana pihak berkuasa cukai atau peraturan lain dalam sebarang bidang kuasa berkaitan, sama ada kerajaan atau sebaliknya;
- (b) untuk mengutip, menerima dan/atau mengkreditkan Akaun Kustodi atau MCCA, sebagaimana berkenaan, dengan semua pendapatan, bayaran dan agihan berkenaan dengan mana-mana Harta, dan sebarang modal yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana Sekuriti (termasuk semua Sekuriti yang diterima oleh Kustodian hasil daripada dividen saham, terbitan bonus, sub-bahagian atau penyusunan semula saham, permodalan rizab atau sebaliknya) dan mengambil sebarang tindakan yang perlu dan wajar berkaitan dengannya;
- (c) untuk menukar resit interim atau sementara dengan sijil muktamad, dan sijil lama dengan sijil baharu;



- (d) untuk buat sebarang pembayaran dengan mendebit MCCA anda atau sebarang akaun lain yang anda miliki dengan Kustodian seperti diperlukan:-
  - i. untuk melaksanakan sebarang Arahan;
  - ii. untuk membayar Cukai, yuran pengurusan atau penyeliaan, yuran agen atau penasihat lain, perbelanjaan agihan dan operasi yang ditanggung di bawah Terma dan Syarat ini; atau
  - iii. untuk membuat pembayaran berkaitan dengan penukaran, pertukaran atau serahan Harta yang dipegang dalam Akaun Kustodi;
- (e) untuk menyerahkan kepada Orang Yang Diberi Kuasa, makluman/pengelesen transaksi dan/atau penyata akaun biasa yang menunjukkan Harta yang dipegang, pada selang masa yang mungkin ditentukan oleh Kustodian;
- (f) untuk memberitahu Orang Yang Diberi Kuasa mengenai semua notis rasmi, laporan dan maklumat kewangan yang berkaitan dengan Harta apabila diterima oleh Kustodian, dan untuk mendapatkan Arahan tentang sebarang tindakan yang perlu diambil berkaitan dengannya; dan
- (g) untuk mengurus semua perkara lain berkaitan dengan apa sahaja yang diperuntukkan dalam Klausa 5 ini atau sebarang Arahan.

5.2 Untuk tujuan Klausa ini, "Orang Yang Diberi Kuasa" bermaksud:

- (a) Pelanggan;
- (b) (sekiranya Pelanggan telah melantik mana-mana pengurus pelaburan untuk bertindak bagi pihaknya berkaitan dengan Akaun beliau), mana-mana pegawai atau kakitangan pengurus pelaburan tersebut yang telah diberi kuasa oleh pengurus pelaburan melalui notis bertulis kepada Bank (dalam kapasitinya sebagai kustodian) untuk bertindak bagi pihak pengurus pelaburan tersebut (dalam kapasitinya sebagai pengurus pelaburan Pelanggan) dalam melaksanakan sebarang tindakan, budi bicara atau kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini; dan
- (c) mana-mana orang, firma atau syarikat lain yang memegang surat kuasa wakil yang telah dikuat kuasakan daripada Pelanggan dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank (dalam kapasitinya sebagai kustodian).

## 6. TRANSAKSI YANG MEMERLUKAN ARAHAN

6.1 Kustodian diberi kuasa untuk melaksanakan transaksi berikut berkaitan dengan Harta selepas menerima Arahan:-

- (a) untuk membuat pembayaran bagi dan/atau menerima sebarang Harta atau menyerahkan atau melupuskan sebarang Sekuriti kecuali ia diperuntukkan secara spesifik dalam Terma dan Syarat ini;
- (b) untuk menguruskan isu skrip, hak, penukaran, opsyen, waran dan lain-lain kepentingan seumpamanya atau sebarang hak budi bicara berkaitan mana-mana Harta;
- (c) untuk melaksanakan sebarang hak mengundi yang dilampirkan kepada Sekuriti, hanya sebagaimana anda nyatakan dalam Arahan anda. Untuk mengelakkan keraguan, apabila tiada Arahan dari anda, Kustodian akan menahan diri dari mengundi;





- (d) untuk menginsuranskan Harta bagi pihak anda dengan syarat anda menyediakan kepada Kustodian, kos insurans tersebut terlebih dahulu atau memberi kuasa kepada Kustodian untuk mendebit kos tersebut daripada MCCA anda atau mana-mana Akaun lain yang anda kekalkan dengan Bank; dan
- (e) melaksanakan sebarang tindakan yang memberi kesan kepada Harta atau Akaun Kustodi selain daripada yang dinyatakan dalam Klausula 5.

## 7. PENGUMPULAN DAN PENDAFTARAN

- 7.1 Harta tersebut akan didaftarkan sebagaimana diarahkan oleh Kustodian, sama ada atas nama Kustodian atau syarikat penamanya atau agennya dalam bidang kuasa di mana Harta tersebut perlu didaftarkan atau sebaliknya boleh dipegang. Kustodian boleh menggabungkan Harta dengan harta, seperti dengan pelanggan lain Kustodian, termasuk dalam akaun pelbagai yang dipegang oleh atau dengan kustodian atau sub-kustodian lain. Dalam situasi sedemikian, kepentingan anda ke atas Harta mungkin tidak boleh dikenal pasti melalui sijil berasingan, atau dokumen fizikal lain atau rekod elektronik yang setara; kelayakan benefisial anda kepada mana-mana Harta yang telah digabungkan bersama hendaklah berkadar dengan Harta yang disimpan dengan Kustodian oleh anda (sebagaimana ditambah atau dikurangkan oleh jualan atau pembelian berikutnya dari semasa ke semasa) sebagaimana yang dibuktikan secara muktamad oleh rekod yang disimpan oleh Kustodian. Kustodian akan mengenal pasti dalam rekodnya bahawa Harta tersebut dipegang untuk akaun Pelanggan. Kustodian akan memegang, setakat yang boleh dilaksanakan, Harta dalam Sistem Penjelasan hanya dalam akaun Kustodian yang memegang secara eksklusif aset yang dipegang oleh Kustodian untuk pelanggannya.
- 7.2 Kustodian akan mengarahkan setiap sub-kustodian untuk mengenal pasti pada rekodnya bahawa Harta dipegang untuk akaun Kustodian sebagai kustodi untuk pelanggannya. Kustodian akan mengarahkan setiap sub-kustodi, setakat yang boleh dilaksanakan, untuk memegang Harta dalam Sistem Penjelasan hanya dalam akaun sub-kustodian yang memegang secara eksklusif aset yang dipegang oleh sub-kustodian untuk pelanggannya.
- 7.3 Mana-mana Harta yang disimpan oleh Kustodian dengan sub-kustodian akan tertakluk hanya kepada arahan Kustodian, dan mana-mana Harta yang dipegang dalam Sistem Penjelasan untuk akaun sub-kustodian akan tertakluk hanya kepada arahan sub-kustodian.
- 7.4 Berkaitan dengan mana-mana Harta yang hak miliknya atau haknya dibuktikan melalui rekod kemasukan buku dalam Sistem Penjelasan, Kustodian boleh meminta supaya pemindahan sedemikian dibuat sebagaimana yang diperlukan untuk Harta tersebut dikreditkan ke akaun Sistem Penjelasan atau sub -akaun atas nama Kustodian atau penamanya atau agennya.

## 8. PROSEDUR AKAUN KUSTODI

- 8.1 Kustodian tidak diwajibkan untuk mengkredit Sekuriti ke dalam Akaun Kustodian sebelum menerima Sekuriti tersebut melalui penyelesaian akhir. Jika Kustodian telah menerima Arahan yang akan mengakibatkan serahan Sekuriti melebihi kredit ke Akaun Kustodian untuk Sekuriti tersebut, Kustodian boleh menolak Arahan tersebut atau boleh memutuskan serahan yang akan dibuatnya (secara keseluruhan atau sebahagian dan mengikut susunan yang dipilih). Anda mengesahkan dan bersetuju untuk menanggung risiko dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaburan dalam Sekuriti yang berdenominasikan mana-mana mata wang.
- 8.2 Kustodian tidak berkewajipan untuk melakukan kredit atau debit kepada MCCA sebelum bayaran yang sepadan dan muktamad dalam dana bersih diterima oleh Kustodian. Jika Kustodian melakukan kredit atau debit sebelum penerimaan tersebut, Kustodian boleh pada bila-bila masa membalikkan semua atau sebahagian daripada kredit atau debit (termasuk sebarang faedah ke atasnya), dan/atau memerlukan pembayaran balik sebarang amaun yang sepadan dengan mana-mana debit atau kredit (termasuk sebarang faedah ke atasnya). Anda perlu memastikan dana dan/atau sekuriti tersedia untuk penyelesaian pembelian dan/atau penjualan (sebagaimana berkenaan) sekuriti sebelum waktu akhir yang ditetapkan. Jika Kustodian adalah penjual, cara pembayaran mestilah boleh diterima oleh Kustodian, dan Kustodian berhak untuk meminta pembayaran sebelum melaksanakan sebarang pesanan untuk membeli Sekuriti.



- 8.3 Kustodian boleh tetapi tidak berkewajipan untuk melakukan sebarang debit ke Akaun yang mungkin mengakibatkan atau meningkatkan baki debit. Jika jumlah amaun debit ke Akaun pada bila-bila masa akan mengakibatkan terdapat baki debit atau melebihi dana tersedia serta-merta yang dikreditkan ke Akaun, Kustodian boleh memutuskan debit mana yang akan dilakukan (secara keseluruhan atau sebahagian dan mengikut susunan yang dipilih).
- 8.4 Tidak ada peruntukan dalam Terma dan Syarat ini yang akan mewajibkan Kustodian untuk melanjutkan kredit, memberi kelonggaran kewangan atau sebaliknya mendahulukan wang (secara kolektif, "Kredit") kepada anda untuk tujuan memenuhi sebarang pembayaran atau sebaliknya melaksanakan sebarang Arahan. Jika Kustodian memberikan sebarang Kredit kepada anda, Kustodian boleh pada bila-bila masa membatalkan sebarang lanjutan Kredit.
- 8.5 Pengendalian Akaun Kustodi untuk Bon Ringgit Malaysia hendaklah dikawal oleh Amalan Pasaran dan Tatakelakuan untuk Pasaran Bon Korporat Malaysia, dan peraturan, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkaitan (secara kolektif, "Kod"). Kod tersebut hendaklah terpakai kepada kontrak jual beli antara anda dan Bank.

## 9. PENGGUNAAN AGEN, PENASIHAT DAN SISTEM PENJELASAN

9.1 Anda bersetuju dan memahami bahawa:

- (a) Kustodian diberi kuasa untuk melantik sub-kustodian atau agen (termasuk mana-mana ahli Kumpulan OCBC), sama ada atas nama sendiri atau anda, untuk melaksanakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tugas, dan/atau untuk melaksanakan mana-mana hak dan kuasa, Kustodian di bawah Terma dan Syarat ini. Kustodian boleh mewakili kepada mana-mana sub-kustodian atau agen yang dilantik mana-mana tugas dan fungsinya di bawah Terma dan Syarat ini termasuk (tanpa had) kutipan semua bayaran yang perlu dibayar ke atas Harta dan sama ada berbentuk pendapatan atau modal;
- (b) Kustodian berhak dan diberi kuasa untuk menyimpan sebarang Harta (selain daripada wang tunai) dalam mana-mana Sistem Penjelasan, dan untuk membuka, menyelenggara dan mengendalikan akaun atau akaun-akaun, atas nama sendiri atau penamanya atau atas nama anda, dengan mana-mana Sistem Penjelasan tersebut, dan mana-mana Harta yang dipegang sedemikian, dan mana-mana akaun tersebut hendaklah tertakluk kepada peraturan dan prosedur pengendalian Sistem Penjelasan tersebut dan mana-mana undang-undang dan peraturan berkenaan sama ada dari pihak berkuasa kerajaan atau sebaliknya. Kustodian tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian yang timbul daripada penyimpanan sebarang Harta dengan, dan penggunaan, mana-mana Sistem Penjelasan, melainkan kerugian tersebut disebabkan secara langsung oleh keingkaran yang disengajakan oleh kecauaian melampau Kustodian atau Sistem Penjelasan.

## 10. PENGLIBATAN KUMPULAN OCBC

10.1 Anda dengan ini memberi kuasa kepada Kustodian tanpa memerlukan Kustodian mendapatkan kebenaran anda terlebih dahulu:

- (a) apabila bertindak atas Arahan daripada anda, untuk membeli dan menjual Sekuriti atau mana-mana harta lain daripada dan kepada Kustodian atau mana-mana ahli Kumpulan OCBC yang lain dan melalui mana-mana ahli Kumpulan OCBC, serta daripada dan kepada mana-mana pelanggan Kustodian yang lain; dan
- (b) untuk mendapatkan dan menyimpan, tanpa bertanggungjawab kepada anda, sebarang komisen yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak ketiga atau mana-mana ahli Kumpulan OCBC yang lain berkaitan dengan urusan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akaun Kustodi dan/atau MCCA.

10.2 Anda bersetuju dan memahami bahawa jika Kustodian, bertindak atas Arahan daripada anda, mengatur pelaburan atas nama Kustodian (tetapi untuk akaun anda) dalam mana-mana Sekuriti atau mana-mana harta lain, dipegang, diterbitkan atau diuruskan oleh mana-mana ahli Kumpulan OCBC, maka ahli Kumpulan OCBC tersebut boleh



mengekalkan keuntungan (selain daripada caj, komisen dan yuran yang perlu dibayar oleh anda di bawah Terma dan Syarat ini) tanpa berkewajipan untuk melaporkan keuntungan tersebut kepada anda.

- 10.3 Anda bersetuju dan memahami bahawa Kustodian mungkin mempunyai hubungan perbankan dengan syarikat yang mana Sekuriti atau mana-mana harta lain dipegang dalam Akaun Kustodi atau yang dibeli atau dijual untuk Akaun Kustodi.

## 11. SKOP TANGGUNGJAWAB

11.1 Anda bersetuju dan mengesahkan bahawa:

- (a) kecuali setakat yang disebabkan oleh tindakan semberono, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Kustodian atau para pengarahnya, pegawai, kakitangan atau agennya, Kustodian tidak mempunyai ebarang tanggungjawab atau liabiliti (sama ada dalam kontrak atau tort, termasuk untuk kecuai) yang berkaitan dengan:
  - i. sebarang tindakan ketinggalan oleh Kustodian:
    - (i)(a) selaras dengan sebarang Arahan; atau
    - (i)(b) di bawah terma dan Syarat ini termasuk tanpa had, sebarang pelaksanaan, kegagalan untuk melaksanakan, atau kesilapan semasa melaksanakan, sebarang Arahan;
  - ii. sebarang kerugian atau perbelanjaan yang anda tanggung akibat atau berkaitan dengan pindahan kepada anda atau kutipan atau simpanan atau pengkreditan ke MCCA anda atau mana-mana Akaun anda dan/atau Akaun Kustodi secara tidak sah, penipuan, atau pemalsuan transaksi atau sebarang kemasukan dalam MCCA anda dan/atau Akaun Kustodi yang mungkin dibuat berkaitan dengannya;
  - iii. sebarang nasihat atau pendapat yang mungkin diberikan kepada anda menurut Terma dan Syarat ini atau berkenaan dengan sebarang transaksi atau transaksi yang disarankan;
  - iv. sebarang ketidaktepatan atau ketinggalan daripada mana-mana memorandum atau dokumen lain yang disediakan oleh Kustodian untuk anda, atau dihantar oleh Kustodian kepada atau atas perintah anda; dan
  - v. kehilangan perniagaan, kehilangan keuntungan, kehilangan data, tidak langsung, berbangkit, kerosakan khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau kerosakan tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh diramalkan dengan munasabah oleh Kustodian.
- (b) tanpa menjejaskan takrifan umum mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, Kustodian tidak akan bertanggungjawab ke atas hak milik, kesahihan atau ketulenan mana-mana Harta atau harta lain atau bukti hak milik yang diterima olehnya atau diserahkan olehnya menurut Terma dan Syarat ini dan akan dianggap tidak berbahaya oleh anda semasa bertindak, dan boleh secara muktamad bergantung kepada, tanpa liabiliti ke atas sebarang kerugian yang diakibatkan olehnya, apa-apa notis, permintaan, persetujuan, sijil atau instrumen lain yang dipercayai olehnya sebagai tulen dan akan ditandatangani atau diberikan oleh pihak atau pihak yang sepatutnya, termasuk, tanpa had, Arahan;
- (c) Kustodian bertanggungjawab untuk melaksanakan hanya tugas-tugas seperti yang dinyatakan dengan jelas di sini, termasuk pelaksanaan mana-mana Arahan yang diberikan selaras dengan Terma dan Syarat ini. Kustodian tidak mempunyai kewajipan atau tanggungjawab tersirat;
- (d) semua tanggungjawab dan kewajipan Kustodian adalah milik Kustodian semata-mata dan bukan kewajipan mana-mana ahli Kumpulan OCBC yang lain. Hak anda hanya diberikan kepada Kustodian dan bukan kepada mana-mana ahli Kumpulan OCBC yang lain;
- (e) melainkan dinyatakan dengan jelas di sini, Kustodian tidak bertanggungjawab ke atas tindakan, ketinggalan, keingkaran atau ketidakmampuan membayar mana-mana pihak ketiga termasuk, mana-mana broker, rakan niaga atau penerbit Sekuriti;



- (f) Anda dikehendaki meneliti perkara berikut dan memberitahu Kustodian mengenai sebarang percanggahan antara Arahan yang diberikan dan penyata atau kemasukan yang ditunjukkan di dalamnya dan/atau sebarang kesilapan lain di dalamnya:
  - i. dalam tempoh 24 jam selepas menerima makluman/pengesahan transaksi; dan
  - ii. dalam tempoh 7 hari selepas menerima penyata akaun yang diberikan kepada anda oleh Kustodian selaras dengan Klausula 5.1(e).

Ketiadaan sebarang makluman daripada anda dalam tempoh yang dinyatakan, maka semua kemasukan atau penyata akan dianggap sebagai betul, muktamad dan mengikat ke atas anda;

- (g) Kustodian tidak bertanggungjawab ke atas bentuk, ketepatan atau kandungan sebarang notis, pekeliling, pengumuman laporan atau bahan lain yang disediakan di bawah Klausula 5.1(f) dan tidak disediakan oleh Kustodian, termasuk ketepatan atau kesempurnaan mana-mana terjemahan, jika ada, berkaitan dengan sebarang komunikasi yang dihantar. Tiada apa-apa peruntukan di sini yang mewajibkan Kustodian untuk menyediakan sebarang terjemahan abgi mana-mana komunikasi;
- (h) Kustodian atau penamanya, sub-kustodi atau agennya, sebagaimana berkenaan, boleh (tetapi tanpa di bawah sebarang kewajipan atau tanggungjawab) memulakan atau mempertahankan prosiding undang-undang, atau mengambil atau mempertahankan sebarang tindakan lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan Harta, dengan syarat anda memberi indemniti kepada Kustodian terhadap sebarang kos, caj dan perbelanjaan yang timbul daripada prosiding atau tindakan lain yang berkaitan dan menyediakan jaminan kepada Kustodian bagi sebarang kos, caj dan perbelanjaan yang dianggap perlu oleh Kustodian atau budi bicara mutlaknya;
- (i) semua pengumpulan Harta dan sebarang dana atau harta lain yang dibayar atau diagihkan berkaitan dengan Harta adalah dilakukan atas risiko anda sendiri;
- (j) anda akan bertanggungjawab ke atas semua pemfailan, penyata cukai dan laporan mengenai sebarang transaksi yang dilakukan menurut Terma dan Syarat ini yang mesti dibuat kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan sama ada kerajaan atau sebaliknya dan untuk pembayaran semua panggilan yang tidak dibayar, cukai (termasuk tanpa had sebarang cukai jualan dan perkhidmatan atau cukai nilai tambah), dikenakan, levi atau duti yang perlu dibayar ke atas mana-mana prinsipal atau faedah; atau sebarang liabiliti atau bayaran lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan Harta, dan setakat Kustodian berada di bawah sebarang kewajipan (sama ada bersifat kerajaan atau sebaliknya) untuk membayar perkara yang sama bagi pihak anda, ia boleh berbuat demikian daripada mana-mana wang atau aset yang dipegang oleh Kustodian menurut Terma dan Syarat ini;
- (k) Kustodian tidak bertindak di bawah Terma dan Syarat ini sebagai penasihat cukai, pengurus pelaburan atau penasihat pelaburan anda dan bahawa kewajipan Kustodian adalah semata-mata untuk memastikan penyimpanan selamat Harta (dengan tanggungjawab untuk pemilihan, pemerolehan dan pelupusan Harta yang masih ada dengan anda pada setiap masa); dan
- (l) Kustodian hanyalah kustodian asas dan bukan pemegang amanah.

11.2 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, liabiliti maksimum Kustodian di bawah atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini (sama ada berkaitan dengan satu atau lebih tuntutan) tidak boleh melebihi RM1 juta.

## 12. PENDEDAHAN OLEH ANDA

12.1 Anda dikehendaki memberikan semua maklumat dan bukti (salinan atau asal) tepat pada masanya, termasuk identiti dan butiran pemegang saham utama dalam mana-mana syarikat, benefisiari dan benefisiari utama dan status cukai



yang tersebut di atas, yang mungkin dari semasa ke semasa dianggap diperlukan oleh Kustodian untuk mematuhi atau memenuhi sebarang kewajipan di bawah mana-mana undang-undang, termasuk tanpa had undang-undang cukai, undang-undang dan peraturan perubahan wang haram:

- (a) sebelum penetapan MCCA dan Akaun Kustodi anda;
- (b) secara tetap setiap bulan atau selang masa lain yang mungkin dimaklumkan oleh Kustodian kepada anda; dan
- (c) pada bila-bila masa dengan permintaan bertulis dari Kustodian.

12.2 Anda menjamin dan mewakili kepada, dan berjanji dengan Kustodian bahawa semua maklumat yang disediakan oleh anda kepada Kustodian berkaitan dengan Terma dan Syarat ini adalah benar, tepat dan lengkap, dan anda akan memaklumkan kepada Kustodian dengan segera apabila terdapat perubahan kepada maklumat berkenaan.

### 13. CUKAI PEGANGAN

13.1 Jika mana-mana Cukai menjadi kena dibayar berkaitan dengan sebarang bayaran yang dibuat kepada anda, Cukai tersebut hendaklah dibayar oleh anda dan Kustodian boleh menahan Cukai daripada pembayaran tersebut. Kustodian boleh menahan sebarang wang tunai yang dipegang atau diterima berkaitan dengan MCCA atau mana-mana Akaun anda dan menggunakan wang tunai tersebut untuk membayar Cukai tersebut. Jika mana-mana Cukai menjadi perlu dibayar berkaitan dengan sebarang pembayaran terdahulu yang dibuat kepada anda oleh Kustodian, Kustodian boleh menahan sebarang wang tunai untuk membayar Cukai terdahulu tersebut. Anda akan kekal bertanggungjawab atas sebarang kekurangan. Kustodian tidak menyediakan sebarang pelepasan cukai atau perkhidmatan tuntutan balik cukai untuk anda.

### 14. INDEMNITI

14.1 Anda bersetuju untuk memberi indemniti kepada Kustodian dan setiap penama, sub-kustodian atau agen Kustodian dan memastikan Kustodian dan penama, sub-kustodian atau agen tersebut tidak bersalah, terhadap semua kos, liabiliti dan perbelanjaan munasabah termasuk (tanpa had) sebarang yuran guaman dan pembayaran atas dasar indemniti penuh, dan sebarang Cukai, termasuk tanpa had, cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau cukai serupa yang berkaitan dengannya yang timbul secara langsung atau tidak langsung:

- (a) daripada fakta bahawa Harta tersebut didaftarkan atas nama atau dipegang oleh Kustodian atau mana-mana penama atau agen berkenaan;
- (b) tanpa had kepada takrifan umum Klausula 14.1(a), daripada sebarang perbuatan atau benda (termasuk, tanpa had, sebarang overdraf atau kemudahan kewangan lain yang timbul dalam rekod Kustodian sama ada atas dasar dinasihatkan atau tidak dinasihatkan) yang di mana Kustodian atau penama atau sub-kustodian atau agen tersebut membenarkan, mengambil atau melakukan atau ditinggalkan daripada dibenarkan, mengambil atau melakukan berkaitan dengan Harta di bawah atau selaras dengan Terma dan Syarat ini atau sebagai akibat daripada pelaksanaan sebarang Arahan;
- (c) daripada Kustodian atau mana-mana penama atau agen yang menjalankan sebarang Arahan yang diyakini olehnya penuh percaya telah diberikan oleh Orang Yang Diberi Kuasa; atau
- (d) daripada sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding undang-undang yang dibuat, dikeluarkan atau dimulakan terhadap Kustodian (i) yang anda tidak berjaya sepenuhnya, atau (ii) oleh pihak ketiga yang dalam pertikaian (sama ada berkaitan dengan perkhidmatan kustodi) dengan anda. Indemniti ini tidak akan dilepaskan atau dibatalkan dalam apa jua keadaan dan akan diteruskan sebagai perjanjian bebas tanpa digabungkan dalam mana-mana penghakiman yang mungkin Kustodian perolehi terhadap anda. Sijil atau pengesahan yang dikeluarkan oleh Kustodian mengenai sebarang kerugian, perbelanjaan,



tuntutan atau ganti rugi yang perlu dibayar kepadanya berdasarkan klausa ini hendaklah, kecuali untuk sebarang kesilapan nyata, adalah muktamad dan konklusif dan mengikat ke atas anda,

DENGAN SYARAT Kustodian, penama, sub-kustodian atau agennya diberikan indemniti terhadap sebarang liabiliti yang timbul daripada kecauan sendiri atau keingkaran yang disengajakan oleh Kustodian penama atau sub-kustodian atau agen.

**15. LIEN**

Jika anda berhutang sebarang liabiliti dan kewajipan (sama ada sebenar atau luar jangka) kepada Kustodian di bawah Terma dan Syarat ini, Kustodian akan mempunyai lien am ke atas semua Harta (selain tunai) sehingga semua liabiliti dan kewajipan telah diselesaikan. Kustodian berhak, melalui notis awal bertulis kepada anda, menjual atau sebaliknya merealisasikan mana-mana Harta tersebut dan menggunakan hasil jualan atau realisasi tersebut dan wang dari semasa ke semasa yang disimpan dengannya di bawah Terma dan Syarat ini untuk menjelaskan liabiliti dan kewajipan tersebut; bagi tujuan permohonan sedemikian, Kustodian boleh membeli menggunakan sebarang wang yang berada dalam kredit pada mana-mana akaun mata wang lain berkaitan dan pada kadar tukaran yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan permohonan tersebut.

**16. YURAN DAN PERBELANJAAN**

Tanpa prejudis kepada mana-mana liabiliti dan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini, anda bersetuju untuk membayar kepada Kustodian dari semasa ke semasa yuran/komisen berkenaan termasuk sebarang cukai jualan dan perkhidmatan yang berkaitan atau cukai nilai tambah lain (sama ada dikenakan di Malaysia atau di tempat lain) untuk perkhidmatan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini sebagaimana yang mungkin dimaklumkan oleh Kustodian kepada anda dari semasa ke semasa dan perbelanjaan tunai langsung atau sampingan Kustodian, termasuk (tanpa had) semua perkara yang dirujuk dalam Klausa 5.1(d)(ii), dan anda bersetuju untuk memastikan Kustodian tidak bersalah daripada sebarang liabiliti, kerugian atau penahanan, yang disebabkan oleh sebarang Cukai atau caj lain oleh kerajaan, dan sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengannya, yang mungkin dikenakan, atau dinilai berkaitan dengan atau timbul daripada Akaun Kustodi dan/atau MCCA atau mana-mana Akaun anda. Kustodian seterusnya diberi kuasa untuk mendebit (termasuk selepas serta sebelum tarikh sebarang penamatan berdasarkan Klausa 17) mana-mana akaun anda dengan Kustodian termasuk (tanpa had) MCCA anda atau sebarang Akaun anda, sebarang jumlah terhutang kepada Kustodian dari semasa ke semasa di bawah Terma dan Syarat ini. Yuran dan caj untuk perkhidmatan yang diberikan oleh Kustodian kepada anda mungkin diubah oleh Kustodian dengan memberikan notis awal bertulis kepada anda.

**17. PENAMATAN**

Perkhidmatan kustodi disediakan kepada Pelanggan dengan Akaun Kekayaan, untuk Produk dan Sekuriti yang sesuai dalam Portfolio Kekayaan yang mana ia perlu dikekalkan dengan Kustodian. Pelanggan boleh merujuk kepada terma dan syarat dalam Bahagian A Perjanjian, yang berkaitan dengan pengendalian Produk dan Sekuriti di bawah kustodi, selepas penamatan Portfolio Kekayaan. Jika Kustodian telah melaksanakan sebarang transaksi bagi pihak Pelanggan dan penyelesaian transaksi tersebut berkemungkinan melangkaui waktu penamatan Portfolio Kekayaan, Kustodian berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menutup atau menyelesaikan transaksi tersebut dan mengekalkan jumlah Harta yang mencukupi untuk tujuan tersebut.

Tamat.

